

**OPERASI PERNIAGAAN KOPI GAYO DI KOPERASI  
BAITUL QIRADH BABURRAYYAN (KBQB): KAJIAN  
MENURUT PERSPEKTIF EKONOMI ISLAM**

**JASMAN ISMAIL**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2018**

**OPERASI PERNIAGAAN KOPI GAYO DI KOPERASI  
BAITUL QIRADH BABURRAYYAN (KBQB): KAJIAN  
MENURUT PERSPEKTIF EKONOMI ISLAM**

**JASMAN ISMAIL**

**DISERTASI DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI  
SEBAHAGIAN KEPERLUAN BAGI  
IJAZAH SARJANA SYARIAH**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**2018**

**OPERASI PERNIAGAAN KOPI GAYO DI KOPERASI BAITUL QIRADH  
BABURRAYYAN (KBQB): KAJIAN MENURUT PERSPEKTIF  
EKONOMI ISLAM**

**ABSTRAK**

Kopi merupakan minuman antarabangsa dan digemari oleh bangsa-bangsa di seluruh dunia yang sudah menjadi bahagian dari kehidupan manusia setiap hari. Dari aspek perniagaan terkini, kopi merupakan salah satu bahan perniagaan penting dunia dan melibatkan jaringan perniagaan antarabangsa dari negara-negara membangun ke negara-negara maju. Indonesia merupakan negara pengeluar kopi terbesar keempat di dunia setelah Brazil, Vietnam dan Colombia. Kopi keluaran Indonesia yang digunakan sebagai perniagaan domestik dan antarabangsa ialah kopi jenis Arabika dan kopi Robusta. Aceh merupakan satu-satunya wilayah yang mempunyai perladangan kopi Arabika terluas yang ada di Indonesia. Kawasan pengeluar kopi Arabika Aceh terdapat di Dataran Tinggi Gayo yang dinamakan kopi Gayo. Aceh Tengah merupakan kawasan pengeluar kopi terbesar jenis Arabika yang daripada tujuh kawasan terbesar pengeluar kopi di Aceh. Dalam perniagaan kopi Gayo di Aceh Tengah, koperasi dan syarikat memainkan peranan penting bagi operasi perniagaan pasaran domestik dan antarabangsa. Namun antara masalah yang berlaku ialah majoriti koperasi dan syarikat beroperasi dalam menjalankan perniagaan sebagai koperasi konvensional bukan syariah. Untuk itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis operasi perniagaan yang dijalankan oleh Koperasi Baitul Qirad Baitul Qirad Baburrayyan, Aceh Tengah. Bagi mencapai objektif yang ditetapkan, kajian berbentuk kepustakaan dan lapangan melalui temubual dengan pihak koperasi berkenaan. Hasil kajian mendapati bahawa konsep operasi perniagaan yang dijalankan adalah bersesuaian menurut perniagaan Syariah seperti konsep produk pemasaran kopi Gayo, namun konsep perniagaan Syariah melalui sistem transaksi pembayaran menggunakan perbankan internet konvensional adalah tidak bersesuaian dengan Syariah. Walau bagaimanapun, konsep operasi perniagaan yang dijalankan masih boleh dianggap menepati Syariah secara keseluruhan, sekiranya pihak berkenaan melantik penasihat Syariah dan fatwa jabatan mufti tempatan.

Kata Kunci: Koperasi, Syarikat, Kopi Gayo, Produk Pemasaran dan Perbankan Internet.

**OPERASI PERNIAGAAN KOPI GAYO DI KOPERASI BAITUL QIRADH  
BABURRAYYAN (KBQB): KAJIAN MENURUT PERSPEKTIF  
EKONOMI ISLAM**

**ABSTRACT**

Coffee is an international drink and is loved by nations around the world that have become part of human life every day. From the current business aspect, coffee is one of the world business international commodity network from developing countries to developed countries. Indonesia is the fourth largest producer of coffee in the world after Brazil, Vietnam and Colombia. Coffee products of Indonesia used as domestic and international businesses are Arabica coffee and Robusta coffee. Aceh is a province that has the largest Arabica coffee plantation in Indonesia. The Arabica coffee plantation area is located in the Gayo high land called the Gayo coffee. Central Aceh is the largest Arabica producing area of the seven largest coffee producing areas in Aceh. The Gayo coffee business in Central Aceh, cooperatives and companies are important for domestic and international market operations. However, the problem is that the majority of cooperatives and companies business operation as conventional cooperatives. The aim of study to analyze the business operations at Baitul Qiradh Baburrayyan Cooperative in Central Aceh. To achieve the objectives set out, library and field study were conducted through interviews with the cooperative concerned. The finding of study that marketing product of Gayo coffee business is according to the shariah business concept, but payment transaction system was not according with the concept of shariah business because using the conventional internet banking. However, the concept of business operations can still be shariah as a whole, with appointment shariah advisors and the fatwa of local mufti department.

Keyword: Cooperative, Companies, The Gayo Coffee, Marketing Product and Internet Banking.

## PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين، والصلوة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين سيدنا محمد وعلى آله وصحبه أجمعين. وبعد،

Alhamdulillah, *al-Faqir* merafa'kan kesyukuran yang tiada terhingga kepada Allah SWT.

Penyelidik sedar bahawa kajian ini dapat diselesaikan hanya bergantung sepenuhnya kepada taufik dan inayahNya. Sesungguhnya tiada daya dan upaya melainkan dengan pertolonganNya. Amin. Selawat beserta salam kepada junjungan nabi yang mulia Rasulullah Muhammad SAW.

Dalam kesempatan yang mulia ini, penyelidik ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan sekalung penghargaan yang ditujukan khas kepada Dr. Asmak Ab Rahman selaku penyelia disertasi ini, di atas kesudian dan kesungguhan beliau memberi bimbingan, komentar dan cadangan yang membina dalam penulisan ini dengan penuh keprihatinan dan kesabaran sehingga dapat menyelesaikan kajian. Pada saat yang sama beliau selaku Ketua Jabatan Syariah dan Ekonomi. Ribuan terima kasih yang tidak terhingga di atas keikhlasan dan kesungguhan yang telah diberikan, dan Allah SWT jualah yang membalas segala jasa baik beliau. Semoga menjadi amalan yang makbul dan balasan ganjaran pahala yang berterusan serta berlipat ganda. Amin.

Seterusnya ribuan terima kasih juga kepada barisan pensyarah yang dihormati, Prof. Dr. Masudul Alam Choudury, Dr. Ahmad Azam Bin Sulaiman, Dr. Mohammad Taqiudin Bin Mohamad, Dr. Nor Aini Binti Ali, Ustaz Azizi Bin Che Seman, Puan Azura Binti Sengah sebagai staf pentadbiran yang telah banyak membantu penyelidik, begitu juga kakitangan akademik JSE dan APIUM yang lain, serta staf pentadbiran, pihak ijazah tinggi, pegawai perpustakaan dan semua pihak yang terlibat dalam menyiapkan kajian ini. Tidak lupa bacaan al-Fatihah kepada Allah Yarham Prof. Dr. Joni Tamkin Bin Borhan yang telah banyak

memberi motivasi kepada penyelidik. Mudah-mudahan segala amal baik beliau sebagai penyebab menjadi ahli syurgaNya. Amin.

Jutaan terima kasih tidak dilupakan kepada pengorbanan bonda tercinta yang telah banyak berkorban walau apapun yang harus dikorbankan. Begitu juga pengorbanan isteri tercinta Ustazah Muti'ah al-Hafizah yang telah banyak membantu menyiapkan kajian ini, walaupun dalam kesibukan mendidik anak-anak. Begitu juga untuk anak-anak tersayang, Muhammad Uais al-Qarni, Khadijah al-Kubra, Muhammad Basyirul Umam, Aisyah Humaira, dan Khansa Hafeeza yang telah memberikan keceriaan dalam setiap saat dan keadaan.

Di samping itu, ucapan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan seangkatan bagi sesi pengajian tahun 2013/2014 semester 2 di Jabatan Syariah Ekonomi (JSE) dan Jabatan Fiqh dan Usul Fiqh (JFU) yang bersama ketika suka dan duka dalam pengajian peringkat sarjana.

Akhir kata penyelidik berharap kajian ini dapat dijadikan panduan kepada penyelidik yang ingin mengembangkan lagi kajian ini. Begitu juga teguran dan nasihat dalam memperbaiki kesalahan dan kelemahan dalam kajian ini amat dialu-alukan.

Sekian.

Jasman Ismail  
No. 24 Jalan 4A/8 Desa Pinggiran Putra,  
43000 Kajang, Selangor.  
abuumam85@gmail.com.  
013-3583348.

## ISI KANDUNGAN

AKUAN KEASLIAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vi
ISI KANDUNGAN	viii
SENARAI KEPENDEKAN	xii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI LAMPIRAN	xvi
PANDUAN TRANSLITERASI	xvii

### **BAB SATU: PENDAHULUAN**

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Masalah	4
1.3 Pernyataan Masalah	7
1.4 Persoalan Penyelidikan	12
1.5 Objektif Penyelidikan	12
1.6 Batasan Penyelidikan	13
1.7 Pengertian Tajuk	14
1.8 Kepentingan Penyelidikan	15
1.9 Ulasan Penyelidikan Lepas	16
1.10 Metodologi Penyelidikan	29

1.11	Sistematika Penulisan	40
1.12	Kesimpulan	41

## **BAB DUA: KONSEP OPERASI PERNIAGAAN MENURUT SYARIAH**

2.1	Pengenalan	42
2.2	Definisi Perniagaan	43
2.3	Asas Perniagaan Syariah	45
2.4	Rukun dan Syarat Perniagaan Syariah	50
2.5	Hikmah Perniagaan	53
2.6	Konsep Operasi Perniagaan Menurut Syariah	55
2.6.1	Konsep Jual Beli <i>Murābahah</i>	55
2.6.2	Konsep Jualan <i>Salam</i>	58
2.6.3	Konsep Perkongsian <i>Musyārakah</i>	63
2.6.4	Konsep Perkongsian <i>Mudārabah</i>	68
2.7	Kesimpulan	74

## **BAB TIGA: KONSEP OPERASI PERNIAGAAN KOPERASI BAITUL QIRADH**

### **BABURRAYYAN**

3.1	Pengenalan	75
3.2	Manfaat Kopi	78
3.3	Kopi Gayo	79
3.4	Latar Belakang Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan	84
3.5	Konsep Operasi Perniagaan Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan	90

3.5.1	Sumber Kewangan	90
3.5.2	Konsep Perniagaan	91
3.5.3	Konsep Pembelian dan Penjualan	92
3.5.4	Konsep Transaksi Pembayaran	93
3.5.5	Konsep Saluran Pemasaran	94
3.5.6	Konsep Penghasilan Produk	95
3.5.7	Konsep Penetapan Harga	97
3.5.8	Jumlah Jualan dan Destinasi Pemasaran	98
3.6	Konsep Perkhidmatan Pinjaman Kewangan	99
3.7	Perkhidmatan Kebajikan Sosial Pensijilan <i>Fair Trade</i> Antarabangsa	103
3.8	Kesimpulan	109

## **BAB EMPAT: ANALISIS OPERASI PERNIAGAAN KOPERASI BAITUL QIRADH BABURRAYYAN**

4.1	Pengenalan	110
4.2	Analisis Konsep Jualan Tempahan Produk Kopi Gayo	111
4.3	Analisis Konsep Transaksi Pembayaran Menggunakan Perbankan Internet Konvensional	125
4.4	Analisis Analisis Pinjaman Kewangan Konsep <i>Murābahah</i>	138
4.5	Kesimpulan	148

## **BAB LIMA: PENUTUP**

5.1	Pengenalan	149
5.2	Rumusan Penyelidikan	150
5.3	Cadangan Penyelidikan	154

5.4 Kesimpulan	156
BIBLIOGRAFI	157
LAMPIRAN	165

University Of Malaya

## **SENARAI KEPENDEKAN**

APIUM	: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya
Bil.	: Bilangan
CV	: Syarikat Commanditaire Vennootschap atau Perkongsian Terhad
cet.	: Cetakan
Dr.	: Doktor
ed.	: Edisi
ed.	: Editor
Ibid.	: <i>Ibidem</i> (pengarang, tajuk buku dan halaman yang sama)
Jil.	: Jilid
KBQB	: Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan
PT	: Perseroan Terbatas
r.a.	: Radiyallahu ‘anhу
r. ‘anhum	: Radiyallahu ‘anhум
SAW	: Sallahu’alaihi wasallam
SWT	: Subhānahu wata’āla
Sdn. Bhd.	: Sendirian Berhad
t.t.	: Tanpa tarikh
terj.	: Terjemahan
UM	: Universiti Malaya
UKM	: Universiti Kebangsaan Malaysia

## **SENARAI JADUAL**

**Jadual 1.1.** Jadual Pengguna Kopi Dunia 2012-2016 (60 ribu kilogram beg).

**Jadual 1.2.** Negara Terpilih Pengeluar Kopi Dunia (60 ribu kilogram beg).

**Jadual 1.3.** Kawasan Terpilih Perladangan Wilayah Aceh 2014-2015.

**Jadual 1.4.** Kawasan Terpilih Pengeluar Kopi Terbesar Aceh 2014-2015.

**Jadual 1.5.** Pusat Kawasan Pengeluar Kopi Arabika Aceh 2014-2015.

**Jadual 1.6.** Jumlah Jualan Koperasi dan Syarikat Pasaran Eksport Kopi Gayo 2016.

**Jadual 1.7.** Senarai Koperasi Perniagaan Eksport Kopi Gayo Kawasan Aceh Tengah.

**Jadual 1.8.** Pemasaran Kopi Gayo Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan 2006-2016.

**Jadual 1.9.** Rumusan Ulasan Penyelidikan Lepas.

**Jadual 1.10.** Senarai Nama Para Informan

**Jadual 3.1.** Jumlah Penduduk Aceh Tengah Mengikut Bilangan Jantina 2015.

**Jadual 3.2.** Kawasan Pengeluar Kopi Arabika Gayo Aceh 2014-2015.

**Jadual 3.3.** Bilangan Petani Kopi Gayo Dataran Tinggi Gayo 2014-2016.

**Jadual 3.4.** Senarai Koperasi Perniagaan Eksport Kopi Gayo Aceh Tengah.

**Jadual 3.5.** Jumlah Jualan dan Pemasaran Koperasi Kopi Gayo 2014-2016.

**Jadual 3.6.** Sijil Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan.

**Jadual 3.7.** Bilangan Petani Kopi Gayo Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan Aceh Tengah.

**Jadual 3.8.** Senarai Kopi Istimewa Indonesia.

**Jadual 3.9.** Jumlah Jualan dan Destinasi Pemasaran Perniagaan Eskport 2006-2016.

**Jadual 3.10.** Akad Pinjaman Konsep *Murābahah* Koperasi Baitul Qiradh Sehati

**Jadual 3.11.** Skim Angsuran Pinjaman Konsep *Wakālah*.

**Jadual 4.1.** Syarat-Syarat Akad Jualan *Salam*.

**Jadual 4.2.** Analisis Perbandingan Pihak yang Berakad Akad *Bay' Salam* dengan Konsep Akad Jualan Tempahan Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan.

**Jadual 4.3.** Analisis Perbandingan Syarat Modal *Bay' Salam* dengan Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan.

**Jadual 4.4.** Analisis Perbandingan Syarat Barang *Bay' Salam* dengan KBQB

**Jadual 4.5.** Analisis Perbandingan Syarat Penyerahan Barang *Bay' Salam* dengan Pihak Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan.

**Jadual 4.6.** Analisis Hasil Konsep Perbandingan Konsep Jualan *Salam* dengan Operasi Perniagaan Tempahan Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan.

**Jadual 4.7.** Perbezaan Akaun Simpanan Biasa Perbankan Islam dengan Perbankan Konvensional.

**Jadual 4.8.** Perbezaan Akaun Pelaburan Perbankan Islam dengan Perbankan Konvensional.

**Jadual 4.9.** Destinasi Pemasaran Koperasi dan Syarikat Perniagaan Kopi Gayo.

**Jadual 4.10.** Negara Islam Pengimport Kopi Dunia 2012-2016 (60 ribu kilogram beg).

**Jadual 4.11.** Kaedah Pengiraan Akad *Murābahah* Koperasi Baitul Qiradh Sehati.

**Jadual 4.12.** Analisis Perbandingan Konsep *Murābahah* dengan Konsep *Murābahah bi al-Wakālah* Pinjaman Perniagaan Koperasi Baitul Qiradh Sehati.

**Jadual 4.13.** Analisis Perbandingan Konsep *Murābahah* dengan Konsep *Murābahah bi al-Wakālah* Pinjaman Modal Perniagaan Koperasi Baitul Qiradh Sehati.

## **SENARAI RAJAH**

**Rajah 1.1.** Kaedah Temu Bual

**Rajah 1.2.** Metodologi Penyelidikan

**Rajah 3.1.** Struktur Pentadbiran Koperasi Baitul Qirad Bburayyan

**Rajah 3.2.** Konsep Pemasaran Koperasi Baitul Qirad Baburayyan

**Rajah 3.3.** Konsep Operasi Perniagaan Koperasi Baitul Qirad Baburayyan

## **SENARAI LAMPIRAN**

**Lampiran A1:** Soalan Temu Bual

**Lampiran A2:** Gambar Informan di Koperasi Baitul Qirad Baturayyan

## PANDUAN TRANSLITERASI

Senarai panduan transliterasi huruf Arab ke Roman dalam penulisan bahasa Melayu seperti berikut:<sup>1</sup>

### 1. Huruf Konsonan

1	ء	A,'
2	ب	b
3	ت	t
4	ث	th
5	ج	j
6	ح	h
7	خ	kh
8	د	d
9	ذ	dh
10	ر	r
11	ز	Z
12	س	S
13	ش	sh
14	ص	ṣ
15	ض	ḍ
16	ط	ṭ
17	ظ	ẓ
18	ع	'
19	غ	gh
20	ف	f
21	ق	q
22	ك	k
23	ل	l
24	م	m
25	ن	n
26	ه	h
27	و	w
28	ي	y
29	ة	h,t

<sup>1</sup> Panduan Penulisan Ilmiah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, ed. Ke-3 (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2012), 45.

## 2. Huruf Vokal

Vokal Pendek	---	
	---	(fathah)
	---	(kasrah)
	-'	(dammah)
Vokal Panjang	ء, ا	ā
	ء	ī
	ء	ū

## 3. Huruf Diftong

---	
ء ---	aw
ء ---	ay
ء ---	uww
ء ---	iy, ī

# BAB SATU

## PENDAHULUAN

### 1.1 PENGENALAN

Kopi merupakan minuman antarabangsa yang digemari oleh pelbagai bangsa di seluruh dunia yang kini sudah menjadi sebahagian daripada kehidupan manusia. Dari aspek perniagaan terkini, kopi merupakan salah satu perniagaan terpenting dunia yang melibatkan jaringan perdagangan antarabangsa dari negara-negara membangun sehingga ke negara-negara maju.<sup>1</sup>

Menurut Organisasi Kopi Antarabangsa ( ICO), jumlah pengguna kopi dunia tahun 2015 dan 2016 mencecah 155,469 bersamaan 9,328,140 (60 ribu kilogram beg) yang merentasi benua Asia, Afrika, Eropah, dan Amerika.<sup>2</sup> Dianggarkan sebanyak 1.6 bilion cawan kopi diminum setiap hari bersamaan 18,500 cawan setiap saat.

**Jadual 1.1.** Jadual Pengguna Kopi Dunia 2012-2016 (60 ribu kilogram beg).

Negara	Tahun				CAGR <sup>3</sup>
	2012/13	2013/14	2014/15	2015/16	
Eropah	50,028	50,177	50,908	51,802	0,7%
Asia & Oceania	29,459	30,714	32,602	33,665	4,5%
Amerika Utara	26,778	27,714	27,372	28,876	2,6%
Amerika Selatan	25,042	24,682	24,962	25,313	0,3%
Afrika	10,470	10,594	10,739	10,746	1,0%
Amerika Tengah & Mexico	5,200	5,158	5,240	5,311	1,0%
<b>Jumlah</b>	<b>146,964</b>	<b>149,022</b>	<b>151,758</b>	<b>155,469</b>	<b>1,9%</b>

Sumber: Data diubahsuai dari laman sesawang Organisasi Kopi Antarabangsa (ICO).<sup>4</sup>

<sup>1</sup> Mirza Fahmi at al, “Analisis Strategi Pemasaran Kopi Arabika ‘Bergendaal Koffie’ Di Kabupaten Bener Meriah,” *Jurnal Agrisep* 14, no. 1 (2013), 28.

<sup>2</sup> Trade Statistics Tables, laman sesawang Organisasi Kopi Antarabangsa (ICO) dicapai 11 November 2017, data dikemas kini Julai 2017, [http://www.ico.org/trade\\_statistics.asp?section=Statistics](http://www.ico.org/trade_statistics.asp?section=Statistics).

<sup>3</sup> Kompaun Kadar Pertumbuhan Tahunan (*Compound Annual Growth Rate*).

<sup>4</sup>*Coffee*, laman sesawang *fairtrade* dicapai 11 November 2017, <https://www.fairtrade.net/products/coffee.html>.

Indonesia merupakan negara keempat terbesar dunia pengeluar kopi selepas negara Brazil, Vietnam dan Colombia. Di benua, Indonesia sebagai negara kedua terbesar pengeluar kopi dunia di benua Asia selepas Vietnam. Jumlah pengeluaran kopi Indonesia sebanyak 11,491 bersamaan 689,460 kilogram, di mana berlaku peningkatan dari tahun 2013 sehingga tahun 2016 lebih kurang 6.7 peratus keluaran kopi dunia. Dalam jadual 1.2, benua Amerika merupakan benua terbesar pengeluar kopi dunia. Brazil adalah negara yang terletak di bahagian selatan Amerika Syarikat sebagai pengeluar kopi terbesar dunia, dengan jumlah pengeluaran sebanyak 55,000 bersamaan 3,300,000 (60 ribu kilogram beg). Manakala negara Ethiopia pula merupakan salah satu negara pengeluar kopi terbesar di benua Afrika dengan jumlah pengeluaran sebanyak 7,100 kopi dunia bersamaan 426,000 kilogram.

**Jadual 1.2.** Negara Terpilih Pengeluar Kopi Dunia (60 ribu kilogram beg).

Bil	Negara	Tahun				Negara
		2013	2014	2015	2016	
1	Brazil	54,698	52,299	50,388	55,000	Amerika Selatan
2	Colombia	12,163	13,339	14,009	14,500	Amerika Selatan
3	Vietnam	27,610	26,500	28,737	25,500	Asia & Oceania
4	Indonesia	11,265	11,418	12,317	11,491	Asia & Oceania
5	Ethiopia	6,527	6,625	6,714	7,100	Afrika
6	Honduras	4,578	5,258	5,766	7,667	Mexico&Amerika Tengah
7	India	5,075	5,450	5,800	5,333	Asia & Oceania
8	Peru	4,338	2,883	3,304	4,221	Amerika Selatan
9	Mexico	3,916	3,591	2,900	3,600	Amerika Tengah
10	Guatemala	3,189	3,310	3,410	3,500	Mexico&Amerika Tengah

Sumber: Data diubahsuai dari laman sesawang Organisasi Kopi Antarabangsa (ICO).<sup>5</sup>

<sup>5</sup> *Trade Statistics Tables*, laman sesawang Organisasi Kopi Antarabangsa (ICO) dicapai 29 Disember 2017, data dikemas kini 31 Oktober 2017, [http://www.ico.org/trade\\_statistics.asp?section=Statistics](http://www.ico.org/trade_statistics.asp?section=Statistics).

Jenis kopi keluaran Indonesia yang merupakan sebagai perdagangan domestik dan antarabangsa ialah kopi Arabika dan kopi Robusta. Kopi Arabika merupakan tanaman yang menghasilkan buah dengan baik pada ketinggian 1000 meter dari atas permukaan laut. Manakala kopi Robusta pula menghasilkan buah pada ketinggian 400-800 meter dari atas permukaan laut.<sup>6</sup> Luas ladang kopi Arabika dan Robusta di Indonesia adalah sebanyak 111,2 juta hektar. Daripada keluasan tersebut, 96 peratus merupakan ladang kopi yang diusahakan oleh rakyat dan baki 4 peratus adalah milik kerajaan dan swasta.<sup>7</sup> Jumlah keluaran kopi Indonesia mencapai 637,539 tan.<sup>8</sup> Dalam perdagangan eksport pula, kopi Indonesia mampu merentasi pasaran antarabangsa sehingga mencelah 70 buah negara. Pada tahun 2015, jumlah eksport kopi *beans* Indonesia mencalah sebanyak 502,021 tan dengan nilai USD. 1,197,753 juta.<sup>9</sup>

Aceh merupakan satu-satunya wilayah yang memiliki perladangan kopi Arabika terluas di Indonesia. Kawasan pengeluar kopi Arabika Aceh terletak di Dataran Tinggi Gayo yang dinamakan sebagai kopi Gayo atau kopi dari pegunungan Gayo (*Gayo mountain coffee*) dengan altitude 1100-1300 meter dari atas permukaan laut,<sup>10</sup> yang meliputi tiga kawasan iaitu, Aceh Tengah, Bener Meriah dan Gayo Lues. Aceh Tengah merupakan kawasan pengeluar kopi Arabika terbesar dan terluas di wilayah Aceh.<sup>11</sup>

<sup>6</sup> Statistik Luas Lahan dan Produksi Kopi Indonesia, laman sesawang Asosiasi Eksportir dan Industri Kopi Indonesia, dicapai 25 Novemver 2017, [http://www.aeki-aice.org/areal\\_dan\\_produksi\\_aeki.html](http://www.aeki-aice.org/areal_dan_produksi_aeki.html).

<sup>7</sup> Luas Lahan dan Keluaran, laman sesawang Asosiasi Eksportir Kopi Indonesia (AEKI), dicapai 11 November 2016, <http://www.aeki-aice.org/page/areal-dan-produksi/id>.

<sup>8</sup> Data Statistik Perkebunan Kopi Indonesia 2015-2017, 3.

<sup>9</sup> *Ibid.*, 4.

<sup>10</sup> Anna-Carin Almqvist, *Coffee, A Fair Trade?, A Study About Fairtrade Certified Gayo Coffee Farmers In Aceh, Indonesia* (Swedish: Department of Horticulture, Faculty of Landscape Planning, Horticulture and Agricultural Sciences, Swedish University, 2011), 4.

<sup>11</sup> *Ibid.*, 56-58.

## 1.2 LATAR BELAKANG MASALAH

Perladangan adalah aspek ekonomi terpenting di wilayah Aceh. Sehingga tahun 2016, keluasan perladangan Aceh mencecah 700,350 hektar. Daripada keluasan tersebut, terdapat lima jenis tanaman yang menjadi tonggak utama sumber ekonomi di wilayah Aceh iaitu, kelapa sawit, getah, kopi, koko, dan kelapa. Dalam jadual 1.3 di bawah, kopi adalah tanaman ketiga terbesar yang merupakan sebagai sumber utama ekonomi di wilayah Aceh selepas tanaman kelapa sawit dan getah. Keluasan tanaman kopi jenis Arabika dan Robusta adalah 121,273 hektar, dengan pengeluaran sebanyak 47,444 tan pada tahun 2015.<sup>12</sup>

**Jadual 1.3.** Kawasan Terpilih Perladangan Wilayah Aceh 2014-2015.

Bil	Perladangan	Tahun			
		2014		2015	
		Hektar	Tan	Hektar	Tan
1	Kelapa Sawit	214,850	375,826	220,092	385,175
2	Getah	130,923	69,948	133,079	68,809
3	Kopi	120,666	44,343	121,273	47,444
4	Koko	101,579	43,749	102,576	44,542
5	Kelapa	104,868	63,099	106,453	63,702

Sumber: Jabatan Perkebunan, Badan Pusat Statistik Aceh 2016.

Perladangan kopi Arabika dan Robusta telah tersebar luas di Aceh termasuk Aceh Tengah. Aceh Tengah merupakan kawasan sejuk yang dikelilingi oleh pergunungan dengan ketinggian antara 200-2600 meter dari atas permukaan laut dan sesuai untuk tanaman kopi Arabika.<sup>13</sup> Dalam jadual 1.4 di bawah, Aceh Tengah merupakan pengeluar kopi terbesar jenis Arabika dari tujuh kawasan terbesar pengeluar kopi di Aceh.<sup>14</sup>

<sup>12</sup> Badan Pusat Statistik (BPS) Provinsi Aceh, “Aceh Dalam Angka 2016”, 211, 216, 221, 226 dan 228.

<sup>13</sup> Badan Pusat Statistik (BPS) Kabupaten Aceh Tengah, “Kabupaten Aceh Tengah dalam Angka 2016”, 8.

<sup>14</sup> Badan Pusat Statistik Provinsi Aceh 2016, 228.

**Jadual 1.4.** Kawasan Terpilih Pengeluar Kopi Terbesar Aceh 2014-2015.

Bil	Kawasan	Tahun			
		2014		2015	
		Luas Lahan (hektar)	Keluaran (tan)	Luas Lahan (hektar)	Keluaran (tan)
1	Aceh Tengah				
	Arabika	48,300	26,851	48,320	29,239
	Robusta	887	402	802	348
2	Bener Meriah				
	Arabika	47,370	11,029	47,370	11,526
	Robusta	1,795	889	1,886	1,014
3	Gayo Lues				
	Arabika	3,894	1,065	3,894	1,082
	Robusta	876	197	876	201
4	Pidie	9,855	1,729	9,792	1,766
5	Aceh Besar	1,719	1,719	1,719	793
6	Aceh Jaya	1,459	225	1,561	245
7	Aceh Selatan	1,465	343	1,470	360

Sumber: Jabatan Perkebunan, Badan Pusat Statistik Aceh 2016.

Kopi Gayo yang berasal dari Aceh Tengah merupakan kopi yang ditanam oleh petani majoriti beragama Islam. Jumlah petani yang terlibat dengan tanaman kopi Gayo seramai 36,704 orang. Manakala keluasan ladang adalah 48,320 hektar dengan pengeluaran sebanyak 29,239 tan setahun. Keluasan ladang kopi Dataran Tinggi Gayo adalah 99,564 hektar, dengan pengeluaran sebanyak 41,847 tan. Jumlah petani pula seramai 76,996 orang yang bekerja di beberapa buah kawasan seperti Aceh Tengah, Bener Meriah dan Gayo Lues.<sup>15</sup>

**Jadual 1.5.** Pusat Kawasan Pengeluar Kopi Arabika Aceh 2014-2015.

Aceh	2014		2015	
	(hektar)	(tan)	(hektar)	(tan)
Aceh Tengah	48,320	26,851	48,320	29,239
Bener Meriah	47,370	16,509	47,370	11,526
Gayo Lues	1,886	1,063	398	1,086
Jumlah	99,564	44,423	99,584	41,847

Sumber: Data Statistik Perkebunan Kopi Arabika Indonesia 2014-2016 dan 2015-2017.

<sup>15</sup> Data Statistik Perkebunan Kopi Arabika Indonesia 2014-2016, 63.

Kopi Gayo Arabika merupakan produk yang menghasilkan 100 peratus kopi organik yang terkenal di dunia kerana memiliki ciri utama iaitu aroma dan perisa yang kompleks dimana aromanya memiliki rasa kopi yang wujud di seluruh dunia.<sup>16</sup> Menurut kajian *International Conference on Coffee Science*, kopi Gayo merupakan kopi *The Best No.1* berbanding kopi Arabika lain.<sup>17</sup> Kopi Gayo juga tergolong dalam kategori kopi istimewa yang berkualiti dan kandungannya telah dianalisis sehingga mencapai *scor cupping test* 86 dari standard 80 skor.<sup>18</sup> Oleh sebab itu, syarikat perniagaan tersohor dunia menjadikannya sebagai produk utama dalam perniagaan seperti syarikat *Starbuck Coffee*, *Volcafe Specialty Coffee*, *Royal Coffee*, *John Burton* dan *HA Bennett & Son*.<sup>19</sup>

Kopi Gayo merupakan kopi Arabika yang diiktiraf oleh kerajaan Indonesia dan organisasi kopi antarabangsa. Pengiktirafan daripada kerajaan Indonesia melalui sijil Indikasi Geografis (GI), menyatakan bahawa kopi Gayo merupakan kopi yang dihasilkan daripada kawasan geografi yang memiliki kualiti dan ciri khas yang dipengaruhi oleh sosial dan alam sekitar. Manakala organisasi kopi antarabangsa pula memberi pengiktirafan seperti pensijilan organik dimana kopi Gayo dihasilkan daripada proses penjagaan alam sekitar dan tidak menggunakan bahan-bahan kimia bermula dari proses penanaman sehingga menuai. Kemudian sijil *fair trade* antarabangsa ialah sistem pensijilan kopi Gayo yang mengutamakan kebijakan sosial, ekonomi dan menjaga persekitaran.<sup>20</sup>

<sup>16</sup> Koperasi Baitul Qirad Baturayyan, laman sesawang *fair trade* USA, dicapai 11 November 2016. <http://fairtradeusa.org/producer-profiles/kbqb-koperasi-baitul-qirad-baturayyan>.

<sup>17</sup> Lagi-lagi Kopi Aceh Raih Juara Pertama Nasional, laman sesawang BPTP Aceh, [http://nad.litbang.pertanian.go.id/ind/index.php?option=com\\_content&view=article&id=169:kopi-arabika-campuran-timtim-dengan-varietas-lain-sebagai-pemenang&catid=4:info-aktual](http://nad.litbang.pertanian.go.id/ind/index.php?option=com_content&view=article&id=169:kopi-arabika-campuran-timtim-dengan-varietas-lain-sebagai-pemenang&catid=4:info-aktual), dicapai 15 September 2017.

<sup>18</sup> Kopi Spesialti, laman sesawang AEKI, dicapai 11 November 2016, <http://www.aeki-aice.org/page/kopi-spesialti/id>.

<sup>19</sup> Muhammad Syukri, “Transaksi Non Tunai”, laman sesawang Akbar Kompasiana, dicapai 11 November 2016. [http://www.kompasiana.com/muhammadhsyukri/transaksi-non-tunai-kopi-gayo-capai-ratusan-milyar-rupiah\\_5535b2516ea8340a24da42dc](http://www.kompasiana.com/muhammadhsyukri/transaksi-non-tunai-kopi-gayo-capai-ratusan-milyar-rupiah_5535b2516ea8340a24da42dc).

<sup>20</sup> Emmia Tambarta, “Analisis Nilai Tambah Dan Strategi Pengembangan Olahan Kopi Arabika Di Kabupaten Bener Meriah Aceh” (tesis master, Institut Pertanian Bogor, Indonesia, 2017), 46.

Dalam perniagaan kopi Gayo di Aceh Tengah, koperasi dan syarikat memainkan peranan penting bagi melancarkan operasi perniagaan pasaran domestik dan eksport antarabangsa. Dalam jadual 1.6 di bawah menunjukkan bahawa perniagaan kopi Gayo sehingga tahun 2016 telah mampu memenuhi permintaan pasaran terutamanya dalam pasaran eksport antarabangsa seperti Amerika, Eropah, Asia dan Australia.<sup>21</sup>

**Jadual 1.6.** Jumlah Jualan Koperasi dan Syarikat Pasaran Eksport Kopi Gayo 2016.

Bil	Nama Koperasi	Tahun (2016 /kg)	Negara Tujuan Eksport
1	KBQ Baburayyan	1,494,000	AS, Kanada, Australia, New Zealand
2	Koperasi Ketiara	1,110,013	AS, Belanda, Turki, Malaysia, Taiwan, Hongkong dan Jerman.
3	CV. Gayo Mandiri <sup>22</sup> Coffee	1,029,152	AS, Mexico, Swiden, Rusia, Jerman, Ireland, Hong Kong dan Korea.
4	CV. Ardinalta Mandiri	798,059	AS, Belanda, Kanada dan Taiwan.
5	PT. Ketiara <sup>23</sup>	449,857	AS, Taiwan, Inggris, Jepun, dan Arab Saudi.

Sumber: Jabatan Perindustrian, Perdagangan, Koperasi, Energi dan Sumber Daya Mineral, Aceh Tengah.

### 1.3 PERNYATAAN MASALAH

Sehingga tahun 2017, jumlah koperasi perniagaan kopi Gayo yang berdaftar di bawah Jabatan Koperasi Aceh Tengah sebanyak 20 buah koperasi. Ianya beroperasi sebagai koperasi perniagaan kopi Gayo pasaran domestik dan eksport antarabangsa. Manakala koperasi yang beroperasi dalam perniagaan eksport pasaran antarabangsa sebanyak 7 buah koperasi. Daripada jumlah tersebut, majoriti koperasi berkenaan beroperasi sebagai

---

<sup>21</sup> Pemasaran Kopi Gayo 2007-2016, Jabatan Perindustrian, Perdagangan, Koperasi, Energi dan Sumber Daya Mineral, Aceh Tengah.

<sup>22</sup> Syarikat Commanditaire Vennootschap atau Perkongsian Terhad (CV), di Malaysia dinamakan syarikat Enterprise.

<sup>23</sup> Syarikat Perseroan Terbatas (PT), di Malaysia dinamakan syarikat Sendirian Berhad (Sdn Bhd).

koperasi konvensional termasuk Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan yang merupakan koperasi terawal ditubuhkan pada tahun 2002.<sup>24</sup>

**Jadual 1.7.** Senarai Koperasi Perniagaan Eksport Kopi Gayo Kawasan Aceh Tengah.

Bil	Nama Koperasi	No. BH/Akta Penubuhan
1	Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan	62.01/233/BH/X/2002
2	KSU Arinagata	62.01/08/BH/XII/2006
3	Koperasi Kopi Gayo Organik	62.01/071BH/II/2007
4	KSU Rahmat Kinara	62.01/09/BH/III/2007
5	Koperasi Adil Wiladah Mabrus	518/21/BH/V/2008
6	Koperasi Pedagang Kopi (KOPEPI) Ketiara	38/BH/1.5/X/2009
7	Koperasi Sara Ate	77/BH/1.5/X/2011

Sumber: Jabatan Koperasi dan Usaha Kecil dan Menengah Kabupaten Aceh Tengah.

Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan merupakan koperasi yang terawal beroperasi dalam perniagaan kopi Gayo di pasaran eksport antarabangsa bermula tahun 2006. Dalam jadual 1.8 di bawah menunjukkan bahawa mulai tahun 2006 sehingga tahun 2016, perniagaan kopi Gayo keluaran Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan telah merentasi pasaran antarabangsa seperti Amerika Syarikat, Kanada dan Australia.<sup>25</sup>

**Jadual 1.8.** Pemasaran Kopi Gayo Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan 2006-2016.

Tahun	Senarai Negara Tujuan Eksport
2006	Amerika Syarikat
2007	Amerika Syarikat
2008	AS, Mexico, Kanada, Australia, New Zealand
2009	AS, Mexico, Kanada
2010	AS, Kanada, Australia, Inggris, New Zealand
2011	AS, Kanada, New Zealand, Inggris, Australia

<sup>24</sup> Senarai Koperasi Perniagaan Kopi di Kabupaten Aceh Tengah, Jabatan Koperasi dan Usaha Kecil dan Menengah Kabupaten Aceh Tengah 2017.

<sup>25</sup> Realisasi Ekspor Kopi Berdasarkan Penerbitan SPEK, Jabatan Perindustrian, Perdagangan, Koperasi, Energi Dan Sumber Daya Mineral Kabupaten Aceh Tengah 2006 – 2016.

### **Jadual 1.8. Sambungan.**

2012	AS, Australia
2013	AS, Kanada, Australia
2014	AS, Taiwan, Australia, Kanada, New Zealand
2015	AS, Australia, Kanada
2016	AS, Australia, Kanada

Sumber: Data Jabatan Koperasi dan Perdagangan Aceh Tengah.

Pada amnya, operasi perniagaan kopi Gayo yang dijalankan oleh Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan terbahagi kepada dua bahagian iaitu sebanyak 10 peratus pasaran domestik dan 90 peratus pasaran eksport antarabangsa.<sup>26</sup> Negara destinasi perniagaan eksport antarabangsa adalah sebanyak 70 peratus bagi pasaran Amerika Syarikat dan 30 peratus bagi pasaran Eropah, Asia dan Australia.<sup>27</sup> Konsep operasi perniagaan yang dijalankan bagi pasaran domestik ialah sistem tempahan, manakala pasaran eksport antarabangsa pula ialah konsep tempahan sistem sampel atau contoh barang seperti kopi.<sup>28</sup> Namun begitu, konsep perniagaan tempahan tersebut perlu dikaji, adakah konsep yang digunakan itu sesuai dengan perniagaan Islam atau sebaliknya seperti konsep bayaran tempahan deposit 50 peratus bagi pasaran domestik semasa akad pembelian kepada pihak Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan.<sup>29</sup>

Sumber kewangan memainkan peranan penting dalam operasi perniagaan termasuk koperasi perniagaan kopi Gayo. Sumber kewangan koperasi perniagaan kopi Gayo yang dijalankan oleh Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan adalah dari sumber dalaman dan

<sup>26</sup> Iwannitosa Putra (Pegawai Bahagian Hubungan Awam Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan), dalam temu bual dengan penulis, 31 Julai 2017.

<sup>27</sup> Muhammad Mujiman (Pegawai bahagian pemprosesan, Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan), dalam temu bual dengan penulis, 2 Ogos 2017.

<sup>28</sup> Sistem sampel atau contoh barang dalam perniagaan kopi ialah, pihak penjual kopi Gayo akan menghantar sampel buah kopi Gayo kepada pembeli luar negara. Pihak pembeli akan engkaji kopi tersebut, apabila mereka menyetujui dengan hasil kajian tersebut, mereka akan menempah kopi Gayo. Pihak pembeli akan menghantar barangan sesuai dengan sampel kopi Gayo berkenaan.

<sup>29</sup> Iwannitosa Putra, dalam temu bual dengan penulis, 31 Julai 2017.

sumber luaran. Sumber dalaman adalah daripada yuran peserta ahli yang dibayar secara bulanan. Sehingga tahun 2015, jumlah ahli seramai 5,752 orang meliputi kawasan Aceh Tengah dan Bener Meriah.<sup>30</sup> Namun sumber kewangan yuran peserta disimpan dan dilaburkan kepada Bank Rakyat Indonesia (BRI) konvensional.<sup>31</sup> Walhal, menurut data statistik perbankan Syariah Indonesia pada tahun 2017, jumlah perbankan Syariah yang beroperasi di Wilayah Aceh sebanyak 37 buah bank Syariah dan terdapat 102 buah cawangan yang terdapat diseluruh wilayah Aceh, termasuk Aceh Tengah.<sup>32</sup>

Antara sistem transaksi pembayaran yang digunakan oleh pihak Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan kepada peniaga pengumpul (kolektor) dan petani yang berdaftar adalah menggunakan perkhidmatan perbankan internet, tetapi industri perbankan yang digunakan ialah Bank Negara Indonesia (BNI) konvensional yang melibatkan kerjasama dengan industri perbankan konvensional yang mengamalkan sistem riba yang sangat ditegah oleh syarak. Meskipun pelbagai kemudahan boleh diperolehi melalui perkhidmatan perbankan tersebut.<sup>33</sup>

Disamping menjalankan perniagaan, Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan memberikan perkhidmatan bantuan kewangan kepada peniaga yang berdaftar, untuk digunakan sebagai modal perniagaan dan pembelian barang keperluan peniaga di bawah koperasi unit simpanan dan pinjaman yang dinamakan sebagai Koperasi Baitul Qiradh Sehati. Jumlah pinjaman kewangan yang diberikan oleh pihak koperasi kepada peniaga pada tahun 2014 sehingga tahun 2015 sebanyak dua ratus juta rupiah. Kemudian pada tahun 2016 dihadkan kepada dua puluh juta rupiah sahaja. Konsep pinjaman kewangan yang

<sup>30</sup> Profil Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan 2015.

<sup>31</sup> Sugiat (Bendahari Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan), dalam temu bual dengan penulis, 2 November 2017.

<sup>32</sup> Otoritas Jasa Keuangan, Republik Indonesia, “Statistik Perbankan Syariah (SPS)”, (2017), 5.

<sup>33</sup> Devi Puspa (Bahagian Kewangan, Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan), dalam temu bual dengan penulis, 1 Ogos 2017.

dijalankan adalah konsep jual beli *murābahah*. Manakala skim bayaran dibuat secara ansuran bulanan dengan kadar keuntungan sebanyak 1 peratus bagi pihak koperasi.<sup>34</sup> Apabila konsep jual beli *murābahah* yang digunakan bagi pinjaman modal perniagaan dengan jumlah kadar keuntungan ditentukan pada awal akad, yang mana pihak koperasi sebagai pihak pemberi pinjaman kepada peniaga sebagai pihak peminjam, maka akan berlaku riba pinjaman dalam bentuk hutang (*al-duyūn*) yang dinamakan riba *al-qard* yang ditegah oleh syarak.<sup>35</sup> Untuk itu, penggunaan konsep jual beli *murābahah* bagi pinjaman kewangan yang digunakan sebagai modal perniagaan perlu dikaji semula sehingga menepati kehendak syarak.

Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan merupakan koperasi berdaftar yang mendapat pengiktirafan daripada kerajaan Indonesia dan antarabangsa. Seperti sijil Organik, sijil *fair trade* dan sijil *Coffee Practice* bagi syarikat *Sturbuck Coffee*.<sup>36</sup> Antara sijil terpenting ialah sijil *fair trade* antarabangsa. Kelebihan sistem pensijilan *fair trade* antarabangsa adalah mendapat pulangan tambahan yang dinamakan sebagai *premium fee* daripada pembeli luar negara dengan jumlah sebanyak USD.0,04/kg setiap tahun. Bantuan *premium fee* tersebut digunakan sebagai kebajikan sosial, membaiki ekonomi dan persekitaran bagi peniaga dan petani yang berdaftar dengan Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan.<sup>37</sup> Pada tahun 2015, Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan telah mengagihkan dana premium daripada organisasi *fair trade* antarabangsa sebanyak IDR.680 juta.<sup>38</sup> Walaupun demikian, sistem ini perlu dikaji adakah sesuai dengan matlamat muamalah Islam seperti pulangan tambahan di luar

<sup>34</sup> Hasan (Pengurus koperasi unit simpan pinjam, Koperasi Baitul Qiradh Sehati), dalam temu bual dengan penulis, 1 Ogos 2017.

<sup>35</sup> Riba *al-qard* ialah riba yang berlaku disebakan hutang *al-duyūn*, ianya merupakan kadar atau sebarang manfaat tambahan yang disyaratkan atas pemberian jumlah pinjaman pokok. Syarat ini dibuat diawal akad pinjaman yang dikenakan oleh pihak yang memberi pinjaman kepada pihak peminjam.

<sup>36</sup> Risalah Profil Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan 2015.

<sup>37</sup> Syaiful Arianto (Pegawai di Syarikat PT. Sumatera Jaya Kopi Bahagian Pensijilan), dalam temu bual dengan penulis, 2 Ogos 2017.

<sup>38</sup> Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan Bagikan Fee, laman sesawang Akhbar Serambi Indonesia Aceh, dicapai, 28 September 2017, <http://aceh.tribunnews.com/2015/10/03/kbq-baburayyan-bagikan-fee>.

keuntungan pernigaan sebanyak USD.0,04/kg pada setiap tahun kepada peniaga dan petani yang berdaftar dengan Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan.

#### **1.4 PERSOALAN PENYELIDIKAN**

Terdapat beberapa persoalan penyelidikan, antaranya ialah:

1. Apakah konsep operasi perniagaan menurut ekonomi Islam?
2. Bagaimanakah konsep operasi perniagaan kopi Gayo yang dijalankan oleh Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan ?
3. Adakah konsep operasi perniagaan kopi Gayo yang dijalankan di Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan sesuai dengan konsep operasi perniagaan menurut ekonomi Islam?

#### **1.5 OBJEKTIF PENYELIDIKAN**

Berdasarkan persoalan penyelidikan di atas, terdapat beberapa objektif penyelidikan yang akan dicapai antaranya seperti berikut:

1. Menjelaskan konsep operasi perniagaan menurut ekonomi Islam.
2. Menghuraikan konsep operasi perniagaan kopi Gayo yang dijalankan oleh Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan.
3. Menganalisis konsep operasi perniagaan kopi Gayo yang dijalankan di Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan menurut konsep operasi perniagaan menurut ekonomi Islam.

## **1.6 BATASAN PENYELIDIKAN**

Bagi mencapai objektif penyelidikan, penyelidik telah membataskan penyelidikan kepada beberapa aspek berikut:

1. Penyelidikan ini hanya mengkaji konsep operasi perniagaan kopi Gayo terhadap Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan di Aceh Tengah, Aceh, Indonesia. Terdapat beberapa faktor pemilihan koperasi berkenaan seperti berikut:
  - 1) Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan sebagai koperasi terawal yang beroperasi dalam perniagaan kopi Gayo pada perniagaan eksport pasaran antarabangsa yang berdaftar di bawah kerajaan Aceh Tengah pada tahun 2002.<sup>39</sup>
  - 2) Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan merupakan antara koperasi terawal sebagai pengeluar kopi Gayo yang diiktiraf oleh organisasi perniagaan kopi antarabangsa melalui sistem pensijilan seperti sijil Organik pada tahun 2005, sijil *fair trade* tahun 2007 dan sijil *Coffee Practice* bagi syarikat *Sturbuck Coffee* tahun 2006.<sup>40</sup>
  - 3) Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan adalah koperasi yang telah mendapat anugerah sebagai koperasi terbaik daripada Dewan Koperasi Indonesia (DEKOPIN) daripada 105 buah koperasi terpilih yang ada di Indonesia pada tahun 2015.<sup>41</sup>
2. Batasan analisis penyelidikan konsep operasi perniagaan kopi Gayo terhadap Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan telah penyelidik bataskan kepada tiga analisis konsep penyelidikan iaitu:
  - 1) Analisis konsep jualan tempahan produk kopi Gayo
  - 2) Analisis konsep transaksi pembayaran menggunakan perbankan internet konvensional
  - 3) Analisis pinjaman kewangan konsep *murābahah*

<sup>39</sup> Senarai Koperasi Kopi Di Kabupaten Aceh Tengah tahun 2017, Jabatan Koperasi dan Usaha Kecil dan Menengah Kabupaten Aceh Tengah.

<sup>40</sup> Risalah Profil Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan 2015.

<sup>41</sup> Kopi Gayo Raih DEKOPIN Award, laman sesawang Akhbar Lintas Gayo, dicapai 2 November 2016, <http://lintasgayo.co/2015/11/28/koperasi-asal-gayo-ini-raih-dekopin-award-2015>.

## **1.7 PENGERTIAN TAJUK**

Tajuk penyelidikan adalah “*Operasi Perniagaan Kopi Gayo di Koperasi Baitul Qirad Baburayyan (KBQB): Kajian Menurut Perspektif Ekonomi Islam*”. Di sini, penyelidik akan menerangkan secara jelas terhadap tajuk penyelidikan ini supaya mudah difahami dan mencapai matlamat yang dikehendaki.

### **Definisi Operasi Perniagaan**

Operasi dari segi bahasa ialah gerakan, tindakan, kegiatan, aktiviti, langkah, dan usaha. Ia berasal daripada perkataan beroperasi yang bermaksud menjalankan kegiatan perniagaan dan sebagainya. Manakala perniagaan berasal daripada perkataan bermiaga, perniagaan, dan peniaga, yang membawa maksud urusan jual beli untuk mencari keuntungan.<sup>42</sup>

Berdasarkan definisi tersebut, operasi perniagaan ialah suatu aktiviti atau kegiatan yang menjalankan dan mengusahakan urusan perniagaan atau jual beli dengan matlamat untuk mencari keuntungan.

### **Definisi Kopi Gayo**

Kopi Gayo ialah kopi Arabika yang dihasilkan dari kawasan Dataran Tinggi Gayo. Kopi Gayo berasal dari Dataran Tinggi Gayo Aceh Tengah yang merupakan salah satu produk terkenal dalam masyarakat Aceh Tengah. Sebahagian besar daripada penduduknya mengusahakan tanaman ini sejak zaman peralihan kekuasaan kesultanan dan zaman

---

<sup>42</sup>Perniagaan, laman sesawang Kamus Bahasa Melayu, dicapai 15 Jun 2017, [# LIHATSINI,](http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=perniagaan&d=112592)

kemerdekaan. Sejak tahun 1970, tanaman kopi telah menjadi sumber ekonomi utama dalam masyarakat di daerah ini, di samping tanaman sayur-sayuran.<sup>43</sup>

### **Definisi Koperasi Baitul Qirad Baturayyan**

Koperasi Baitul Qirad Baturayyan merupakan pengeluar kopi Gayo Arabika berdaftar yang diiktiraf oleh organisasi pensijilan kopi antarabangsa. Penubuhan koperasi dalam perniagaan kopi Gayo adalah sebagai syarat bagi mendapatkan pensijilan perniagaan kopi Gayo daripada organisasi pensijilan *fair trade* antarabangsa.<sup>44</sup> Ia beroperasi dalam pasaran domestik dan pasaran eksport antarabangsa di Aceh Tengah, Aceh, Indonesia.<sup>45</sup>

### **Definisi dari Perspektif Ekonomi Islam**

Penyelidikan ini akan dijalankan selaras dengan Syariah Islam dengan mematuhi kaedah dan peraturan yang telah ditetapkan oleh nas yang bersumberkan al-Quran dan al-hadith. Manakala kaedah yang tidak ditetapkan oleh nas, maka kajian ini akan merujuk kepada pandangan yang bersumberkan al-Quran, al-Sunnah, ijmak, *qiyās*, *istishān* dan hukum-hakam yang dipersetujui oleh jumhur ulama.<sup>46</sup>

## **1.8 KEPENTINGAN PENYELIDIKAN**

Antara kepentingan penyelidikan adalah seperti berikut:

- 1) Penyelidikan ini dapat menambah khazanah ilmu pengetahuan mengenai konsep operasi perniagaan kopi Gayo menurut kajian ekonomi Islam.

---

<sup>43</sup> Mujiburrahman, "Sistem Jaringan Pasok Dan Nilai Tambah Ekonomi Kopi Organik (Kajian di KBQ Baburayyan, Aceh Tengah)", *Jurnal Agrisep* 12, no. 1 (2011), 1.

<sup>44</sup> Iwannitosa Putra (Pegawai Bahagian Hubungan Awam KBQB), dalam temu bual dengan penulis, 31 Julai 2017.

<sup>45</sup> Risalah Profil Koperasi Baitul Qirad Baturayyan 2015.

<sup>46</sup> Asmak Ab. Rahman, *Pertanian dari Perspektif Ekonomi Islam* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2011), 3.

- 2) Penyelidikan ini dapat menerangkan secara jelas konsep operasi perniagaan kopi Gayo yang dijalankan oleh Koperasi Baitul Qirad Baturayyan terhadap konsep operasi perniagaan kopi Gayo menurut perspektif ekonomi Islam.
- 3) Hasil penyelidikan konsep operasi perniagaan kopi Gayo yang telah dijalankan oleh Koperasi Baitul Qirad Baturayyan dapat dijadikan sebagai salah satu rujukan ilmiah kepada penyelidik yang lain.

## 1.9 ULASAN PENYELIDIKAN LEPAS

### 1.9.1 Pengenalan

Ulasan penyelidikan lepas adalah perkara penting dalam sesuatu penyelidikan, ia merupakan hasil penyelidikan terhadap projek-projek sebelum ini. Ia juga untuk mengetahui maklumat penyelidikan yang sedia ada dalam bidang yang ingin dijalankan sebelum penyelidikan dimulakan. Penyelidikan lepas membantu mengelakkan daripada melakukan penyelidikan yang telah dijalankan. Dalam memenuhi kekurangan maklumat dalam bidang yang ingin dikaji, ia dapat memastikan bahawa pengecaman kekurangan maklumat ini memiliki asas yang kukuh, dan boleh membantu meneliti persoalan penyelidikan yang akan mengisi kekurangan itu. Penyelidikan lepas perlu dilakukan sebagai suatu proses pengulangan secara berterusan dalam penyelidikan.<sup>47</sup>

Penyelidikan lepas mengenai perniagaan menurut Islam telah banyak dikaji oleh para ulama terdahulu melalui kitab turath daripada pelbagai mazhab sebagai khazanah keilmuan Islam. Begitu juga sarjana Islam terkini, sama ada sarjana tempatan mahupun luar Negara. Terdapat pelbagai penyelidikan lepas terkini yang diperolehi daripada artikel jurnal dan seumpamanya. Daripada penyelidikan lepas yang telah penyelidik kaji, skop

<sup>47</sup> Siti Uzairiah Mohd Tobi, *Kajian Kualitatif Dan Analisis Temu Bual* (Kuala Lumpur: Aras Publisher, 2017), 13-16.

penyelidikan yang telah dijalankan oleh penyelidik, belum pernah dilakukan oleh penyelidik sebelum ini.

Menurut ulasan penyelidikan lepas sebelum ini, penyelidik telah membahagikan ulasan penyelidikan lepas mengenai perniagaan menurut Islam kepada tiga bahagian iaitu, kajian mengenai konsep perniagaan menurut Islam, kajian perbankan internet dan kajian koperasi Syariah. Manakala penyelidikan lepas mengenai kajian perniagaan kopi Gayo, penyelidik membahagikan kepada dua bahagian iaitu, kajian perniagaan kopi Gayo dan kajian koperasi perniagaan kopi Gayo.

### **1.9.2 Kajian Lepas Konsep Perniagaan Menurut Islam**

Menurut kajian Akhmad Nur Zaroni,<sup>48</sup> perniagaan dalam Islam banyak dijelaskan dalam al-Quran menggunakan perkataan *tijārah* atau perniagaan yang menggunakan pelbagai bentuk perkataan dalam al-Quran. Konsep perniagaan menurut Islam tidak hanya tertumpu kepada matlamat untuk mendapatkan keuntungan dunia semata-mata, namun matlamat sebenar ialah untuk mendapatkan kebahagiaan di akhirat. Antara ciri perniagaan Islam ialah bebas daripada riba, penipuan (*gharar*), dan amalan yang ditegah oleh syarak disamping pengurusan yang baik. Antara perbezaan perniagaan Islam dengan konvensional ialah bebas daripada amalan riba, seperti kajian Muhammad Muflih<sup>49</sup> yang mengkaji konsep riba menurut ahli ekonomi moden dan menurut ahli fekah merujuk kepada kitab turath. Kajian ini menyatakan bahawa riba berlaku bukan hanya kerana hutang piutang atau riba *nasi'ah* seperti yang difahami oleh ahli ekonomi moden, bahkan ia juga

<sup>48</sup> Akhmad Nur Zaroni, "Bisnis Dalam Perspektif Islam (Telaah Aspek Keagamaan dalam Kehidupan Ekonomi)," *Jurnal Mazahib* 4, no. 2 (2007).

<sup>49</sup> Muhammad Muflih, "Rekonstruksi Pemahaman Terhadap Konsep Riba Pada Transaksi Perbankan Konvensional," *Jurnal Ahkam* 13, no. 1 (2013).

disebabkan oleh pertukaran barang yang dinamakan sebagai riba *fadl* seperti mana yang dibincangkan oleh ulama ahli fekah terdahulu. Manakala sistem riba yang diamalkan oleh perniagaan konvensional seperti industri perbankan bukan disebabkan hutang piutang, tetapi disebabkan oleh pertukaran atau *sarf* iaitu barang ribawi yang tidak diserahkan nilai dan pada waktu yang sama.

Antara sistem perniagaan Islam ialah pembeli mempunyai hak untuk meneruskan kontrak atau membatkannya selepas melihat barang yang dihantar kepadanya melalui konsep *khiyār al-ru'yah*. Kajian Muhammad Hafiz Mohd Shukri dan Ruzian Markom,<sup>50</sup> menyatakan bahawa dengan wujudnya konsep ini dapat memberikan jaminan keadilan kepada semua pihak yang terlibat dalam sesuatu transaksi perniagaan sehingga tidak berlaku sebarang penipuan, ketidakjujuran, pemalsuan dan tipu helah dalam mana-mana transaksi perniagaan yang ditegah oleh Islam.

Adapun konsep harga dalam perniagaan Islam, menurut kajian Muhammad Birusman Nuryadin,<sup>51</sup> Islam tidak melarang dalam penetapan harga selagi ia menepati kehendak syarak seperti tidak menzalimi pihak pembeli, tidak memaksa dan saling meredai antara penjual dan pembeli. Sekiranya harga tidak menepati syarak, pihak kerajaan memiliki hak untuk menentukan harga pasaran bagi memelihara keadilan kepada pihak peniaga dan pembeli.

Kemudian dari aspek modal pula, Zaharudin Bin Muhammad,<sup>52</sup> mengkaji tentang modal daripada sumber haram yang digunakan untuk perniagaan halal. Kajian ini mendapati bahawa institusi kewangan Islam harus bermuamalah dengan individu atau

<sup>50</sup> Muhammad Hafiz Mohd Shukri dan Ruzian Markom, "Pengharmonian Prinsip Khiyar Al-Ru'yah Dalam Transaksi Perniagaan Di Malaysia," *Makalah 25 Kanun 2* (2013).

<sup>51</sup> Muhammad Birusman Nuryadin, "Harga Dalam Perspektif Islam," *Jurnal Mazahib 4*, no. 1 (2007).

<sup>52</sup> Zaharudin Bin Muhammad, "Hukum Bermuamalah Dengan Sumber Yang Haram," *Jurnal Muamalah 3* (2010).

syarikat yang memperolehi pendapatan daripada sumber yang haram berdasarkan dalil yang sahih. Manakala terdapat juga pandangan yang tidak mengharuskan menggunakan pembiayaan modal perniagaan daripada konvensional, seperti kajian Nor Aisyah Mohd dan Shofian Ahmad<sup>53</sup> yang membincangkan mengenai hukum penggunaan pinjaman konvensional sebagai modal dalam perniagaan halal menurut perspektif Islam. Hasil kajian ini mendapatkan bahawa terdapat dua pandangan iaitu, pandangan yang tidak mengharuskan penggunaan pinjaman konvensional dalam menjalankan perniagaan dan pandangan yang mengharuskan. Daripada pandangan tersebut, pendapat yang diterima untuk masa sekarang adalah tidak harus memandangkan terdapat banyak kemudahan dalam mendapatkan pembiayaan secara Islam.

### **1.9.3 Kajian Lepas Mengenai Perbankan Internet**

Perbankan internet mula diperkenalkan oleh bank-bank di Amerika pada tahun 1995, melalui proses globalisasi yang telah berkembang di Asia. Perkembangan perkhidmatan perbankan internet di Asia dipelopori oleh Hong Kong dan Singapura, yang ditandai dengan peningkatan jumlah bank yang menawarkan perbankan internet dari semasa ke semasa.<sup>54</sup>

Di Indonesia, praktik perbankan internet telah dipelopori oleh salah satu bank swasta nasional pada pertengahan tahun 1999. Sehingga tahun 2002, terdapat 7 buah bank yang menawarkan perkhidmatan perbankan internet, iaitu Bank Lippo, BCA, Bank Bali, BII, Bank Universal, Bank Niaga dan Citibank.<sup>55</sup> Manakala di Malaysia, perbankan internet

---

<sup>53</sup> Nor Aisyah Mohd dan Shofian Ahmad, “Integrasi Pembiayaan Islam Dalam Pensijilan Halal Di Malaysai Menurut Perspektif Islam, *Jurnal Muamalat* 8 (2015).

<sup>54</sup> Direktorat Penelitian dan Pengaturan Perbankan Bank Indonesia, *Internet Banking Di Indonesia, Buletin Ekonomi Moneter dan Perbankan* (2002), 43.

<sup>55</sup> *Ibid.*, 38.

mula dikenali dan telah memulakan perkhidmatan internet kepada pelanggan pada 15 Jun 2000 yang dipelopori oleh Malayan Bank (Maybank) yang merupakan perbankan korporat terbesar di Malaysia, dengan memperkenalkan *maybank2u.com*.<sup>56</sup> Sehingga bulan Jun tahun 2001, *maybank2u.com* telah mempunyai 300,000 pelanggan yang mencatatkan 3.7 juta urus niaga sejak dilancarkan.<sup>57</sup>

Menurut kajian Nurhanani Romli, dan Joni Tamkin Borhan,<sup>58</sup> mereka membincangkan mengenai perkhidmatan perbankan internet dari segi transaksi Islam di mana kajian menyentuh aplikasi kontrak yang terdapat dalam perkhidmatan perbankan internet. Kajian ini mendapati bahawa perkhidmatan perbankan internet dibenarkan dalam Islam dan kontrak yang sah walaupun dalam kemunculan awal Islam kecanggihan teknologi internet masih belum wujud.

Dari pada aspek akad perbankan internet, Anitha Rosland dan Joni Tamkin Borhan,<sup>59</sup> membincangkan mengenai perkhidmatan perbankan internet dari sudut muamalah Islam serta penjelasan terhadap persoalan-persoalan yang timbul dari segi akad yang berlaku, pembentukan majlis akad dan kecacatan dalam akad yang berlaku dalam pelaksanaan perbankan internet. Hasil kajian mendapati bahawa perkhidmatan perbankan internet ini dibenarkan dalam Islam serta sah akadnya walaupun di awal kemunculan Islam kecanggihan teknologi Internet ini masih belum wujud. Perkhidmatan perbankan internet dilakukan secara bertulis melalui dokumen bertulis digital yang disediakan oleh pihak bank dengan menggunakan peralatan komputer. Akad ini dapat disandarkan dengan

<sup>56</sup> Anitha Binti Rosland, Nurhanani Binti Romli, dan Joni Tamkin Bin Borhan, “Contract (Akad) in Online Banking,” *International Journal of Computer Applications* 60, no.18 (2012).

<sup>57</sup> Perbankan Internet Masa depan dan penerimaannya di Malaysia Laman Sesawang Akhbar Utusan Online, laman sesawang akbar Utusan Malaysia, dicapai 4 Oktober 2017, [http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2001&dt=0726&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Megabait&pg=me\\_01.htm](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2001&dt=0726&pub=Utusan_Malaysia&sec=Megabait&pg=me_01.htm).

<sup>58</sup> Anitha Rosland dan Joni Tamkin Borhan, 47.

<sup>59</sup> Anitha Rosland dan Joni Tamkin Borhan, “Akad dalam Perbankan Internet,” *Jurnal Teknologi (Social Sciences)* (2013).

pembentukan akad secara tulisan atau *al-kitābah* yang dibenarkan dalam proses berlakunya akad, malah ianya juga telah diguna pakai oleh para sarjana Islam. Akad secara maya ini juga boleh disandarkan kepada akad yang dilakukan oleh pihak yang berjauhan atau *ghā'ib* ketika melakukan akad iaitu kedua-dua pihak tidak bersama pada satu tempat dan masa semasa majlis akad berlangsung.

#### 1.9.4 Kajian Lepas Konsep Koperasi Syariah

Menurut kajian Nur S. Buchori,<sup>60</sup> koperasi dalam perspektif undang-undang Islam (syariah) adalah berbeza dari sistem ekonomi lain seperti kapitalisme dan sosialisme. Nilai-nilai Islam ialah menentang eksloitasi oleh pemilik modal terhadap pekerja yang miskin dan melarang pengumpulan kekayaan. Matlamat sistem ekonomi koperasi dalam sistem Islam adalah untuk mewujudkan kebijakan semua ahli, penyerahan harta, persaudaraan dan kebijakan sosial (*maṣlahah al-‘amm*). Dalam koperasi Syariah, terdapat banyak transaksi (*tasharruf*) yang berkesan sama ada untuk pembiayaan atau keperluan sehari-hari. Antara kontrak yang dibincangkan dalam perkongsian ialah *musyārakah* atau *mudārabah*, manakala dalam perniagaan pula ialah konsep *murābahah*, *salam* dan *istisnā*.

Manakala kajian Abdulah Safe'i,<sup>61</sup> mengatakan bahawa koperasi Syariah adalah koperasi yang diuruskan berdasarkan prinsip-prinsip Syariah. Walaupun masih baharu, ia telah mengalami peningkatan. Koperasi Syariah telah banyak berperanan dalam meningkatkan kesejahteraan masyarakat melalui produk-produk yang ditawarkan, sama ada melalui produk pembiayaan mahupun produk usaha perniagaan. Manakala koperasi unit simpanan dan pinjaman berperanan sebagai lembaga kewangan mikro yang diorientasikan untuk kesejahteraan ahli secara khusus dan masyarakat umum.

<sup>60</sup> Nur S. Buchori, “Koperasi dalam Perspektif Ekonomi Syari’ah”, *Maslahah* 1, no. 1 (2010).

<sup>61</sup> Abdulah Safe'i, “Koperasi Syariah: Tinjauan Terhadap Kedudukan Dan Peranannya Dalam Pemberdayaan Ekonomi Kerakyatan,” *Media Syari’ah Wahana Kajian Hukum Islam Dan Pranata Sosial* 14, no. 1 (2012).

Mohd Marzuki Haji Ali,<sup>62</sup> menjalankan kajian terhadap pengenalan dan prinsip *mudārabah* di Koperasi Kolej Poly-Tech MARA Kuala Lumpur Berhad (KOMASA) dalam beberapa instrumen perolehan sumber dana seperti syer, simpanan am, simpanan khas dan penggunaan dana seperti perusahaan projek trading, projek usaha sama dengan Koperasi Siswazah Berhad (KOSIS). Hasil kajian ini mendapati bahawa akad keahlian dan penggunaan syer yang tidak menepati prinsip *mudārabah*, penggabungan akad *wadī'ah yad damanah* dan *mudārabah* perlu dikemaskini. Selain daripada dua instrumen yang dinyatakan diatas, pelaksanaan prinsip *mudārabah* di koperasi berkenaan menepati kaedah, rukun dan syarat konsep *mudārabah*.

Aan Zainul Anwar dan Mohammad Yunies Edward,<sup>63</sup> menganalisis kepatuhan terhadap prinsip Islam pada pembiayaan konsep *murābahah* dalam gabungan Koperasi *Baitul Māl wa al-Tamwīl* (BMT) Mitra dikawasan Jepara, Indonesia. Hasil kajian tersebut menyatakan bahawa pihak koperasi berkenaan mestilah memahami setiap masalah perundangan yang berlaku, sama ada undang-undang hukum fekah Islam, maupun undang-undang negara yang berlaku, sehingga pematuhan merupakan tanggungjawab setiap individu dan bukan sebagai tanggungjawab bahagian pematuhan semata-mata. Demikian juga, pematuhan budaya (*compliance culture*) juga merupakan unsur penting daripada seluruh kegiatan yang dilakukan oleh Bank bermula dari pangkat tertinggi iaitu pengurus sehingga kepada pegawai terendah *Baitul Māl wa al-Tamwīl*.

---

<sup>62</sup> Mohd Marzuki Bin Haji Ali, "Pelaksanaan Prinsip Al-Mudarabah Di Koperasi Kolej Poly-Tech Mara Kuala Lumpur Berhad," *Prosiding Perkem* 10 (2015).

<sup>63</sup>Aan Zainul Anwar Dan Mohammad Yunies Edward, "Analisis Syariah Compliance Pembiayaan Murabahah Pada Gabungan Koperasi BMT Mitra Se-Kabupaten Jepara," *The 3rd University Research Colloquium* (2016).

Adapun Muhammad Issyam Itam, Rusni Hasan dan Syed Musa Alhabshi,<sup>64</sup> mengkaji mengenai sistem tadbir urus Syariah koperasi Islam dan institusi-institusi kewangan Islam. Kajian ini mendapat bahawa tadbir urus Syariah oleh koperasi Islam adalah fleksibel dan bersesuaian dengan tuntutan undang undang sepetimana matlamat utamanya adalah meningkatkan kebijakan sosial ekonomi para ahlinya dan berbeza dengan syarat yang dikenakan atas institusi kewangan Islam.

Manakala Khotibul Umam,<sup>65</sup> mengkaji semula pelaksanaan konsep dan peraturan amalan Koperasi Jasa Kewangan Syariah *Baitul Māl wat-Tamwīl* (KJKS BMT) di kawasan Beringharjo, Yogyakarta, Indonesia. Hasil kajian mendapat bahawa usaha dalam bidang pengumpulan dan pengagihan dana berdasarkan prinsip Syariah. Manakala produk pembiayaan yang banyak digunakan ialah konsep pembiayaan *muḍārabah* dan *musyārakah*.

Testru Hendra,<sup>66</sup> mengkaji mengenai perkembangan koperasi berasaskan Syariah daripada aspek pengharaman amalan riba menerusi fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Ulama Indonesia (MUI) dan konsep penawaran produk secara Islam yang boleh membantu meningkatkan ekonomi disamping bebas daripada unsur riba. Hasil kajian ini mendapat bahawa pengkaji menghuraikan secara umum mengenai konsep koperasi dan kontrak-kontrak yang dibincangkan seperti *musyārakah*, *muḍārabah* dan *murābahah* bagi penyelesaian terhadap muamalah sistem riba. Konsep tersebut sesuai dengan *maqāṣid syarī‘ah* untuk mencapai matlamat kemaslahatan dan kesejahteraan masyarakat.

---

<sup>64</sup>Muhammad Issyam Itam, Rusni Binti Hasan dan Syed Musa Alhabshi, “Shariah Governance Framework For Islamic Co-Operatives As An Integral Social Institution In Malaysia,” *Intellectual Discourse, Special Issue* (2016).

<sup>65</sup>Khotibul Umam, “Koperasi Jasa Keuangan Syariah Baitul Maal Wat-Tamwil (Studi Kasus Di Beringharjo, Yogyakarta),” *Jurnal Hukum* 20, no.1 (2013).

<sup>66</sup> Testru Hendra, Pembangunan Ekonomi Islam Dengan Pengembangan Koperasi Syari’ah, Maqdis, *Jurnal Kajian Ekonomi Islam* 1, no.1 (2016).

Sunarno,<sup>67</sup> mengkaji tentang konsep dan pengamalan kontrak *murābahah* bagi perkhidmatan pembiayaan kewangan sistem Syariah terhadap pengguna, dan menolak isu-isu yang berbangkit di Koperasi Pesantren XYZ di Surabaya, pada Unit Simpan Pinjam (USP).

### 1.9.5 Kajian Lepas Perniagaan dan Koperasi Perniagaan Kopi Gayo

Kajian dari aspek pasaran industri kopi Gayo yang diproses, Mirza Fahmi at al,<sup>68</sup> menganalisis tentang strategi pemasaran *Bergendaal Koffie* yang merupakan sebuah industri pemprosesan kopi Gayo untuk perdagangan eksport kawasan Asia. Hasil kajian ini mendapati bahawa pihak petani mendapat keuntungan dari nilai tambah kopi Gayo yang telah diproses kerana harga eksport kopi Arabika mentah (biji) lebih murah berbanding kopi Arabika yang telah diproses.

Menurut Reni Kustiari,<sup>69</sup> kopi yang telah diproses dengan kaedah kepelbagaiannya produk perlu dilakukan bagi destinasi pasaran perniagaan eksport, memandangkan penurunan harga berubah-ubah disebabkan ia berkembang pesat sebagai pengeluaran kopi dunia, sehingga mewujudkan lebihan bekalan dan menggalakkan persaingan hebat dalam kalangan negara-negara pengeksport.

Seterusnya Emmia Tambarta,<sup>70</sup> mengkaji mengenai nilai tambah produk kopi Gayo Arabika olahan dan merumuskan strategi pengembangan produk pemprosesan kopi Gayo. Berdasarkan pemprosesannya, produk kopi gayo dibahagikan kepada tiga kelompok

<sup>67</sup> Sunarno, “Penanganan Pembiayaan Murabahah Macet Pada Koperasi Pondok Pesantren (KOPONTREN) XYZ”, *Jurnal Ekonomi Syariah Teori Dan Terapan* 3 (2016).

<sup>68</sup> Mirza Fahmi at al, “Analisis Strategi Pemasaran Kopi Arabika ‘Bergendaal Koffie’ Di Kabupaten Bener Meriah”, *Jurnal Agrisep* 14, no. 1 (2013).

<sup>69</sup> Reni Kustiari, “Perkembangan Pasar Kopi Dunia Dan Implikasinya Bagi Indonesia,” *Forum Penelitian Agro Ekonomi* 25, no. 1 (2007).

<sup>70</sup> Emmia Tambarta, “Analisis Nilai Tambah Dan Strategi Pengembangan Olahan Kopi Arabika Di Kabupaten Bener Meriah Aceh,” (tesis master Sekolah Pascasarjana Institut Pertanian Bogor, Indonesia 2017).

iaitu biji kopi premium, biji kopi istimewa dan serbuk kopi istimewa. Hasil kajian menunjukkan bahawa kelompok produk serbuk kopi istimewa mempunyai nilai tambah tertinggi berbanding dengan produk lain yang berjumlah Rp.102,469/kg. Manakala strategi untuk membangunkan biji kopi premium adalah untuk meningkatkan kawalan kualiti. Strategi mengembangkan biji kopi istimewa adalah untuk meningkatkan rasa dan strategi pembangunan serbuk kopi istimewa untuk mempelbagaikan produk.

Sistem pensijilan memainkan peranan penting bagi pemasaran kopi Gayo. Menurut kajian Lukman Hakim dan Andika Septian,<sup>71</sup> bahawa aktiviti eksport kopi Arabika organik yang diperakui telah dimulakan sejak Ogos 2006 bersamaan dengan penerimaan sijil daripada *fair trade* sebagai pertubuhan pensijilan rasmi antarabangsa. Dengan pengiktirafan tersebut, ia menyumbang kepada mewujudkan dan menjelaskan kedudukan kopi Gayo yang dihasilkan dari Dataran Tinggi Gayo dalam pasaran kopi Arabika seluruh dunia. Hasil kajian mendapati bahawa nilai eksport kopi Arabika organik bersijil mengalami peningkatan pada masa akan datang, walaupun dalam istilah nominal ia jatuh, namun ia masih menunjukkan kenaikan yang positif.

Koperasi memiliki peranan penting dalam strategi pemasaran kopi, menurut Ishak Hasan,<sup>72</sup> prestasi koperasi pertanian Aceh Tengah masih rendah dan perlu diperbaiki walaupun potensi dan sokongan untuk pembangunan perniagaan agak besar. Manakala kajian Ketut Arnawa at al,<sup>73</sup> menyimpulkan bahawa kerjasama dalam koperasi boleh meningkatkan aspek penanaman tanaman kopi, aspek proses produk dan aspek peralatan produk. Hasil aktiviti telah mampu meningkatkan keuntungan sebanyak 10 peratus setahun,

<sup>71</sup> Lukman Hakim dan Andika Septian, “Prospek Eksport Kopi Arabika Organik Bersertifikat Di Kabupaten Aceh Tengah”, *Jurnal Agrisep* 12, no. 1 (2011).

<sup>72</sup> Ishak Hasan, “Analisis Kinerja Koperasi Pertanian Dalam Tataniaga Komoditi Eksport Di Kabupaten Aceh Tengah-Aceh Dalam Menghadapi Persaingan Antar Negara Asean 2015”, *Jurnal Kebangsaan* 3, no.6 (2014).

<sup>73</sup>Ketut Arnawa at al, “Peningkatan Kualiti Dan Kuantiti Kopi Arabika Kintamani Dalam Upaya Meningkatkan Komoditi Eksport Sektor Perkebunan”, *Majalah Aplikasi Ipteks Ngayah* 1, (1) (2010).

begitu juga penambahan pelaburan 10 peratus dan perluasan pemasaran pada tingkat domestik dan antarabangsa. Kemudian Devi Agustia,<sup>74</sup> mengkaji mengenai peranan koperasi pertanian kopi di Dataran Tinggi Gayo Aceh Tengah dan Bener Meriah yang telah berperanan dalam memberikan latihan juruteknik disamping membeli hasil tuaian kopi ahli. Koperasi menjalankan organisasi dalam masa 3 hingga 16 tahun. Dalam pentadbiran yang baik, pengarah dan kakitangan berada pada umur yang produktif dengan tingkat pendidikan yang tinggi dan berpengalaman dalam berorganisasi disamping menghasilkan keuntungan perniagaan yang memuaskan.

Aspek operasi perniagaan kopi Gayo di Koperasi Baitul Qirad Baburayyan menurut Mujiburrahman,<sup>75</sup> ialah konsep perkongsian dengan peniaga dan petani. Dalam setiap kelompok terdapat peniaga yang telah dilatih oleh Koperasi Baitul Qirad Baburayyan secara berterusan dalam menjalankan perniagaan. Antara latihan yang diberikan seperti kaedah peningkatan keupayaan pengendalian produk, sistem pembelian, aliran maklumat harga dan kawalan mutu. Peniaga yang dibina oleh Koperasi Baitul Qirad Baburayyan akan membeli kopi organik yang berbentuk buah merah daripada petani yang berdaftar. Setelah itu ia diproses menjadi *gabah* dan dijual pada pihak Koperasi Baitul Qirad Baburayyan. Pihak koperasi akan memproses sehingga menjadi biji kopi atau *green beans*. Manakala pemasaran kopi Gayo keluaran Koperasi Baitul Qirad Baburayyan terbahagi kepada dua pasaran iaitu pasaran domestik dan pasaran eksport. Pasaran domestik sebanyak 20 peratus, manakala pasaran antarabangsa sebanyak 80 peratus. Bagi pasaran domestik pula, sistem penjualan kopi Gayo secara lelong dengan menjemput pembeli tempatan (*local buyer*), kebiasaannya dilakukan dalam bentuk transaksi secara langsung.

<sup>74</sup> Devi Agustia, “Perilaku Usaha Koperasi Pertanian: Kasus Koperasi Di Dataran Tinggi Gayo, Aceh,” (tesis master, Sekolah Pascasarjana Institut Pertanian Bogor, Indonesia, 2016).

<sup>75</sup> Mujiburrahman, “Sistem Jaringan Pasok Dan Nilai Tambah Ekonomi Kopi Organik (Kajian Di KBQ Baburayyan Kabupaten Aceh Tengah,” *Jurnal Agrisep* 12, no. 1 (2011).

Kemudian dari aspek keuntungan melalui koperasi kopi sistem pensijilan, Anna-Carin Almqvist,<sup>76</sup> mengkaji perbandingan terhadap keuntungan yang didapati oleh petani kopi Dataran Tinggi Gayo dengan menyertai sistem pensijilan kopi *fair trade*, kajian pada petani Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan dan petani yang tidak menyertai sistem pensijilan. Hasil kajian ini mendapati bahawa pengeluaran kopi bagi petani yang tidak memiliki sistem pensijilan lebih tinggi berbanding petani yang memiliki sistem pensijilan. Namun keuntungan yang didapati oleh petani yang memiliki pensijilan adalah mereka mendapat bantuan dari koperasi *fair trade*, dan mereka dibantu bagi meningkatkan keluasan tanah perladangan berbanding dengan petani yang tidak memiliki sistem pensijilan.

Manakala kajian Johan Fogelberg,<sup>77</sup> menyatakan bahawa manfaat bagi petani yang memiliki sistem pensijilan *fair trade* akan memudahkan penjualan produk kopi Gayo ke pasaran antarabangsa disamping mendapat harga yang stabil berbanding petani yang tidak memiliki sistem pensijilan.

Fahnia Chairawaty,<sup>78</sup> menganalisis kesan yang diperolehi daripada aktiviti perlindungan alam sekitar yang dirasai oleh para petani kopi anggota Koperasi Permata Gayo (KPG) selepas mereka memiliki pensijilan *fair trade*. Kesan penerapan perlindungan alam sekitar yang dirasakan oleh petani Permata Gayo Koperasi terhadap sistem pensijilan perdagangan yang adil lebih dikuasai oleh kesan ekonomi. Ini disebabkan oleh fakta yang dilihat secara langsung oleh petani, dalam bentuk pengurangan kos input daripada

---

<sup>76</sup> Anna-Carin Almqvist Coffee, “A Fair Trade? A Study About Fairtrade Certified Gayo Coffee Farmers in Aceh, Indonesia,” (tesis master, Jabatan Horticulture, Fakulti Landscape Planning, Universiti Sain Pertanian Swedish, 2011)

<sup>77</sup> Johan Fogelberg, “Fairtrade coffee, fair enough? A study comparing Fairtrade certified coffee producers and uncertified coffee producers in Aceh Tengah, Indonesia,” (tesis Master, Jabatan Horticulture, Fakulti Landscape Planning, Universiti Sain Pertanian Swedish, 2012)

<sup>78</sup> Fahnia Chairawaty, “Dampak Pelaksanaan Perlindungan Lingkungan Melalui Sertifikasi Fair Trade (Studi Kasus: Petani Kopi Anggota Koperasi Permata Gayo, Kabupaten Bener Meriah, Nanggroe Aceh Darussalam),” *Jurnal Ilmu Lingkungan* 10, (2) (2012).

pembelian bahan kimia. Devi Agustia, Nunung Kusnadi, dan Harianto,<sup>79</sup> mengkaji tingkah laku usaha koperasi dengan menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi harga belian, jumlah pembelian, jumlah jualan, jumlah ahli dan baki hasil usaha terhadap koperasi. Menurutnya, koperasi telah menjalankan aktiviti perniagaan sesuai dengan prinsip koperasi melalui pelaksanaan koperasi dalam pembelian kopi setiap ahli.

Daripada senarai projek ulasan penyelidikan lepas yang telah dilakukan oleh para penyelidik sebelum ini, penyelidik mendapati bahawa terdapat banyak penyelidikan yang telah dibuat mengenai kajian konsep operasi perniagaan, termasuk kajian mengenai operasi perniagaan menurut konsep Islam, koperasi secara Syariah dan operasi perniagaan kopi Gayo secara khusus. Walaupun demikian, kajian mengenai konsep operasi perniagaan menurut perspektif ekonomi Islam terhadap konsep operasi perniagaan kopi Gayo masih belum ditemui oleh penyelidik. Oleh itu, dengan wujudnya penyelidikan ini diharapkan dapat menambahkan lagi maklumat dan input pada masa yang akan datang.

**Jadual 1.9.** Rumusan Ulasan Penyelidikan Lepas.

Tajuk	Nama Penyelidik dan Tahun
Kajian Lepas Konsep Perniagaan Menurut Islam	Nor Aisyah Mohd dan Shofian Ahmad (2015), Muhammad Muflih (2013), Muhammad Hafiz Mohd Shukri dan Ruzian Markom (2013, Zaharudin Bin Muhammad (2010), Akhmad Nur Zaroni (2007), Muhammad Birusman Nuryadin , (2007),
Kajian Lepas Perbankan Internet	Yulia Kurniaty dan Heni Hendrawati (2015), Anitha Rosland dan Joni Tamkin Borhan (2013), Azhar Muttaqin (2010), Nasrul Hisyam Nor Muhamad (2008).

<sup>79</sup> Devi Agustia, Nunung Kusnadi, Dan Harianto, "Studi Empiris Perilaku Usaha Koperasi Pertanian: Kasus Koperasi Di Dataran Tinggi Gayo, Provinsi Aceh," *Jurnal Manajemen & Agribisnis* 14, no. 1, (2017).

### **Jadual 1.9.** Sambungan.

Kajian Lepas Konsep Koperasi Syariah	Muhammad Issyam Itam, Rusni Binti Hasan dan Syed Musa Alhabshi (2016), Testru Hendra (2016), Sunarno (2016), Aan Zainul Anwar dan Mohammad Yunies Edward (2016), Mohd Marzuki Bin Haji Ali (2015), Khotibul Umam (2013), Nur S. Buchori (2010), Abdulah Safe'I (2010).
Kajian lepas Koperasi Perniagaan Kopi Gayo	Devi Agustia, Nunung Kusnadi, dan Harianto (2017), Devi Agustia (2016), Ishak Hasan (2014), Mirza Fahmi at al (2013), Johan Fogelberg (2012), Fahnia Chairawaty (2012), Lukman Hakim dan Andika Septian (2011), Mujiburrahman (2011), Anna-Carin Almqvist (2011), Reni Kustiari (2007).

Sumber: Penyelidikan.

## **1.10 METODOLOGI PENYELIDIKAN**

### **1.10.1 Pengenalan**

Dalam penulisan akademik, metodologi penyelidikan memiliki peranan penting dalam proses menghasilkan penyelidikan yang berkualiti. Menurut kamus dewan, metodologi penyelidikan merupakan sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan untuk menghasilkan sesuatu kegiatan.<sup>80</sup> Dari aspek bidang penyelidikan, metodologi merupakan kaedah analisis teoritikal yang terdiri daripada analisis teoritis mengenai kaedah dan prinsip yang berkaitan dengan cabang ilmu pengetahuan. Ia merangkumi konsep seperti paradigma, model teori, fasa dan teknik kuantitatif atau

<sup>80</sup>Metodologi Kajian, laman sesawang edisi keempat, dicapai 6 November 2017, [#LIHATSINI.](http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=metodologi&d=346196)

kualitatif.<sup>81</sup> Teknik penyelidikan kualitatif ialah penyelidikan yang dianalisis melalui teori yang berasas. Manakala penyelidikan kuantitatif ialah penyelidikan yang menggunakan kaedah eksperimen. Antara teknik penting ialah kesimpulan, simulasi dan percubaan.<sup>82</sup>

### **1.10.2 Reka Bentuk Penyelidikan**

Secara prinsip, terdapat tiga jenis reka bentuk penyelidikan iaitu, reka bentuk kaedah penyelidikan gabungan (*mix-method*), kaedah penyelidikan pelbagai (*multi-method*) dan kaedah tunggal (*mono-method*).<sup>83</sup> Daripada tiga jenis reka bentuk penyelidikan tersebut, kaedah yang digunakan oleh penyelidik ialah reka bentuk kaedah tunggal (*mono-method*) yang melibatkan penggunaan data yang dikumpul dengan menggunakan kaedah kualitatif. Manakala jenis kualitatif yang digunakan oleh penyelidik ialah penyelidikan perpustakaan (*library research*) dan penyelidikan lapangan (*field research*). Ia dijalankan bagi mengetahui sejauh mana konsep operasi perniagaan kopi Gayo yang dijalankan oleh Koperasi Baitul Qirad Baturayyan bersesuaian dengan konsep perniagaan menurut muamalah Islam ataupun hanya menitikberatkan keuntungan dalam perniagaan sahaja.

### **1.10.3 Kaedah Pengumpulan Data**

Kaedah pengumpulan data merupakan satu proses yang berkaitan perancangan dan pelaksanaan kutipan data dengan menggunakan kaedah-kaedah tertentu untuk memperoleh data serta maklumat yang berkaitan dengan permasalahan penyelidikan. Kebiasaannya, data-data tersebut mempunyai maklumat dalam bentuk perangkaan, fakta, persepsi dan

<sup>81</sup> Irny, S.I. and Rose, A.A. “Designing a Strategic Information Systems Planning Methodology for Malaysian Institutes of Higher Learning (ISP- IPTA), Issues in Information System 6, no. 1, (2005).

<sup>82</sup> Methodology, Methods of Research, laman sesawang wikipedia, dicapai, 6 November 2017, Methhttps://en.wikipedia.org/wiki/Methodology#cite\_note-1.

<sup>83</sup> Siti Uzairiah Mohd Tobi, 9.

sebagainya yang telah dikumpul untuk dianalisis.<sup>84</sup> Dalam menjalankan proses penyelidikan ini, tedapat dua kaedah pengumpulan data yang digunakan oleh penyelidik ialah data sekunder dan data primer. Data sekunder diperolehi melalui kaedah dokumentasi melalui penyelidikan perpustakaan (*library research*). Adapun data primer diperolehi melalui penyelidikan lapangan (*field research*) melalui temu bual dengan pihak informan yang terlibat bagi mengetahui suatu penyelidikan secara langsung semasa menjalankan penyelidikan lapangan.

### **1.10.3.1 Data Sekunder**

Penyelidikan perpustakaan antara data sekunder yang penting bagi kaedah dokumentasi untuk mendapatkan data-data dan maklumat yang merujuk kepada kertas kerja, buku, majalah, jurnal, surat khabar dan sebagainya.<sup>85</sup> Kaedah ini digunakan untuk mendapatkan maklumat teori dan konsep operasi perniagaan menurut Syariah, dan juga untuk mendapatkan maklumat awal mengenai konsep operasi perniagaan kopi Gayo yang dijalankan oleh Koperasi Baitul Qirad Baburayyan. Antara perpustakaan yang terlibat dalam memenuhi kaedah ini ialah:

1. Perpustakaan Utama Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur

Pemilihan perpustakaan utama Universiti Malaya (UM) yang dijalankan oleh penyelidik, memandangkan bahawa koleksi buku rujukan di perpustakaan tersebut lengkap daripada pelbagai literatur penyelidikan sehingga memudahkan penyelidik untuk mendapatkan maklumat mengenai penyelidikan yang dijalankan.

---

<sup>84</sup> Idris Awang, *Kaedah Penyelidikan: Suatu Sorotan* (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2001), 75.

<sup>85</sup> Abdul Majid Koenting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990), 47.

2. Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM), Kuala Lumpur

Perpustakaan APIUM mempunyai kelebihan tersendiri bagi kajian Islam dengan rujukan kitab-kitab Arab klasik dan terkini.


3. Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Dari segi aspek kemudahan kawasan dengan penyelidik, perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) merupakan perpustakaan yang lengkap dari pelbagai penyelidikan yang berhampiran dengan penyelidik.

#### 1.10.3.2 Data Primer

Data primer sebagai data terpenting bagi penyelidikan lapangan. Dalam penyelidikan ini, data primer yang digunakan oleh penyelidik ialah kaedah temu bual dengan pihak informan yang terlibat. Rajah 1.1 di bawah merupakan kaedah yang digunakan oleh penyelidik.

**Rajah 1.1.** Kaedah Temu Bual.



Sumber: Penyelidikan.

Kaedah temu bual merupakan data primer yang memiliki peranan penting bagi mendapatkan maklumat secara langsung dan bersifat mendalam daripada penyelidikan lapangan. Kaedah temu bual adalah kaedah cara pengumpulan data dengan bertanya dan

mendengar jawapan secara langsung dari sumber utama data.<sup>86</sup> Ia merupakan kaedah pengumpulan data yang diaplikasikan ketika menjalankan kajian lapangan dengan menyoal informan secara lisan secara langsung.<sup>87</sup>

Dalam menjalankan kaedah temu bual ini, antara prosedur yang penyelidik gunakan ialah bermula dengan mendapatkan kebenaran daripada penyelia. Selepas itu, penyelidik memohon surat kebenaran daripada Jabatan Syariah dan Ekonomi (JSE), Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM) Kuala Lumpur. Kemudian membuat temu janji dengan pihak Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan di Aceh, Indonesia.

Bagi mendapatkan maklumat yang komprehensif, penyelidikan ini telah dijalankan dalam masa 19 hari (15 Julai-2 Ogos 2017) bermula dari temu janji dengan pentadbir koperasi Baitul Qiradh Baburayyan. Lamanya masa yang digunakan berdasarkan kepada kerjasama dan kelapangan masa para informan yang terlibat. Seterusnya penyelidik telah membuat temu bual dengan informan-informan berpandukan senarai soalan yang telah disediakan terlebih dahulu sebelum menjalankan temu bual dengan pihak Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan yang terdiri daripada pegawai, peniaga (kolektor), delegasi (wakil petani) dan pihak pegawai kerajaan di Jabatan Koperasi dan Perniagaan kawasan Aceh Tengah, Aceh, Indonesia.

Pemilihan informan dalam penyelidikan ini berdasarkan kepada kesesuaian posisi jawatan yang dipegang oleh mereka dengan matlamat penyelidikan untuk meneliti konsep operasi perniagaan kopi Gayo yang sesuai menurut konsep perniagaan dalam muamalah Islam yang dijalankan oleh pihak Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan. Dengan kaedah ini, penyelidik boleh mengumpulkan pendapat, pemikiran pandangan dan pengalaman dalam

---

<sup>86</sup> Noraini Idris, *Penyelidikan Dalam Pendidikan* (Kuala Lumpur: McGraw-Hill Sdn.Bhd, 2010), 211.

<sup>87</sup> Azhar Harun dan Nawi Abdullah, *Metodologi Penyelidikan Ekonomi dan Sains Sosial* (Singapura: Thompson, 2004), 67.

bentuk penyertaan langsung daripada peserta penyelidikan sendiri.<sup>88</sup> Antara kepentingan pemilihan informan yang ditemui bual kepada penyelidik ialah seperti berikut.

1) Bendahari Koperasi Baitul Qirad Bburayyan

Penyelidik memilih Puan Sugiati sebagai bendahari Koperasi Baitul Qirad Baburayyan sebagai informan untuk mengetahui proses pendaftaran bagi ahli baru, jumlah keseluruhan ahli dan manfaat yang akan didapatkan oleh ahli menyertai koperasi berkenaan.

2) Pegawai Bahagian Kewangan Koperasi Baitul Qirad Baburayyan

Pemilihan pegawai Puan Devi Puspa bahagian kewangan Koperasi Baitul Qirad Baburayyan sebagai informan memiliki peranan penting bagi penyelidik untuk mengetahui kaedah transaksi pembayaran yang digunakan dalam perniagaan kopi Gayo yang dijalankan oleh pihak koperasi dengan peniaga yang berdaftar dan sejauh mana konsep yang dijalankan bersesuaian dengan syarak. Seperti transaksi pembayaran melalui perkhidmatan perbankan internet perbankan konvensional.

3) Pegawai Bahagian Hubungan Awam Koperasi Baitul Qirad Baburayyan

Penyelidik memilih Encik Iwannitosa Putra pegawai bahagian hubungan awam Koperasi Baitul Qirad Baburayyan disebabkan pegawai pada bahagian ini mengetahui secara mendalam mengenai konsep operasi perniagaan kopi Gayo dalam pasaran domestik dan eksport antarabangsa, dan kaedah transaksi perniagaan yang dijalankan oleh pihak koperasi. Seperti transaksi perniagaan menggunakan Surat Kredit pada perdagangan eksport antarabangsa. Disamping itu, pegawai pada bahagian ini mempunyai pengalaman

---

<sup>88</sup> Marohani Yusoff, “Pengutipan Dan Pengumpulan Data Perlakuan Dan Proses Menulis Karangan Dalam Bilik Darjah”, dalam Marohani Yusoff, ed., *Penyelidikan Kualitatif: Pengalaman Kerja Lapangan* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2001), 109.

mengenai perjalanan perniagaan kopi antarabangsa beliau menyertai secara langsung pelbagai ekspos perniagaan kopi dunia.

4) Pengurus Bahagian Unit Koperasi Simpan Pinjam Koperasi Baitul Qiradah Sehati

Pemilihan Encik Hasan pengurus bahagian unit Koperasi Simpanan Pinjaman Koperasi Baitul Qiradah Sehati sebagai informan memainkan peranan penting bagi penyelidik untuk mengetahui konsep pinjaman kewangan yang dijalankan bagi perkhidmatan kewangan terhadap para peniaga yang digunakan sebagai modal untuk menjalankan perniagaan. Maklumat yang telah penyelidik dapatkan melalui temu bual yang mendalam memudahkan bagi menyelaraskan konsep tersebut dengan konsep muamalah Islam. Seperti konsep pinjaman kewangan melalui akad jual beli *murabahah*.

5) Peniaga Berdaftar Koperasi Baitul Qiradah Baburayyan

Penyelidik memilih Encik Jamaluddin dan Encik Abdullah Ali peniaga berdaftar di bawah Koperasi Baitul Qiradah Baburayyan sebagai informan untuk mengetahui konsep transaksi perniagaan yang dijalankan dengan petani berdaftar. Para peniaga berdaftar memainkan peranan penting bagi perniagaan kopi Gayo disebabkan para peniaga akan memproses secara langsung kopi yang dihasilkan oleh petani yang berdaftar sebelum pihak koperasi memasarakan pada pasaran domestik dan eksport antarabangsa.

6) Wakil Petani atau Delegasi Koperasi Baitul Qiradah Baburayyan

Penyelidik memilih Encik Anwar wakil petani sebagai informan disebabkan pegawai ini mengetahui hal ehwal petani kopi Gayo yang berdaftar dengan Koperasi Baitul Qiradah Baburayyan. Penyeilidik menjalankan temu bual dengan pihak berkenaan untuk mengetahui manfaat yang diperolehi oleh para petani yang berdaftar dengan koperasi berkenaan. Memandangkan koperasi berkenaan merupakan koperasi yang mempunyai sijil

perniagaan kopi yang di iktiraf oleh sistem pensijilan kopi antarabangsa seperti sijil *fair trade*. Antara kelebihan sistem pensijilan ini memberikan bantuan kepada petani yang berdaftar untuk membaiki ekonomi, kebajikan sosial dan persekitaran. Maklumat yang diperolehi oleh penyelidik boleh membantu bagi menyesuaikan sistem tersebut dengan matlamat perniagaan menurut muamalah Islam.

#### 7) Pegawai Pegawai Kerajaan Jabatan Koperasi dan Perniagaan Kawasan Aceh Tengah

Penyelidik memilih temu bual dengan Encik Said Zulkarnain dan Encik Anhar Wahab pegawai kerajaan di Jabatan Koperasi dan Perniagaan kawasan Aceh Tengah sebagai informan bagi mengetahu polisi dan prosedur operasi perniagaan kopi Gayo. Pada masa yang sama, penyelidik dapat mengumpukan data daripada jabatan tersebut mengenai senarai koperasi dan syarikat yang terlibat dalam perniagaan kopi Gayo di kawasan Aceh Tengah bagi perniagaan pasaran domestik dan antarabangsa. Antaranya seperti data statistik perniagaan produk kopi Gayo keluaran Koperasi Baitul Qirad Baburayyan dengan lebih terperinci.

Dalam menjalankan penyelidikan temu bual ini, penyelidik telah membahagikan proses temu bual ini kepada dua sesi yang utama, iaitu dimulakan dengan sesi pengenalan dengan pihak informan bagi menjelaskan maksud dan tujuan penyelidikan ini dibuat, secara tidak langsung ianya bakal membina hubungan rapat antara penyelidik dan pihak informan

yang ditemu bual.<sup>89</sup> Manakala yang keduanya ialah sesi temu bual sebenar yang lebih dan berfokus kepada isi kandungan sebenar penyelidikan ini dibuat.<sup>90</sup>

Penyelidik telah membuat rakaman temu bual dengan para informan menggunakan alat perakam suara bagi memudahkan proses transkripsi agar tiada sebarang maklumat yang tercicir dan tertinggal. Di samping dapat membantu penyelidik dalam membentulkan sebarang kesilapan tanggapan serta mencatat pemerhatian ringkas yang penting.<sup>91</sup> Anggaran masa yang diambil oleh penyelidik ketika menjalankan temu bual ialah 30 minit hingga 60 minit. Pada masa yang sama, penyelidik juga turut membuat liputan dan penggambaran setelah mendapat keizinan daripada pihak koperasi berkenaan. Jadual 1.10. di bawah merupakan senarai nama para informan yang telah ditemu bual oleh penyelidik:

**Jadual 1.10.** Senarai Nama Para Informan.

Bil	Nama	Jawatan	Pihak
1	Rizwan Husin	Pentadbir	Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan
2	Sugiatи	Bendahari	
3	Devi Puspa	Bahagian Kewangan	
4	Iwannitosa Putra	Bahagian Perhubungan Awam	
5	Muhammad Mujiman	Bahagian Pemprosesan	
6	Hasan	Pengurus Unit Simpan Pinjam	Koperasi Baitul Qiradh Sehati
7	Jamaluddin	Peniaga (kolektor) kawasan Jagong	Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan
8	Abdullah Ali	Peniaga (kolektor) kawasan Bebesen	

<sup>89</sup> Mohd. Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005), 237-240.

<sup>90</sup> Suseela Malakolunthu, “Pengumpulan Dan Analisis Data Kualitatif; Satu Imbasan,” ed., Marohani Yusoff, *Penyelidikan Kualitatif: Pengamalan Kerja Lapangan Kajian* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2001), 123-125.

<sup>91</sup> G.E. Gorman dan Peter Clayton, *Qualitative Research for the Information Professional: A Practical Handbook* (London: Facet, 2005), 137-138.

**Jadual 1.10.** Sambungan.

9	Anwar	Delegasi atau wakil Petani kawasan Jagong	Koperasi Baitul Qiradah Baburayyan
10	Said Zulkarnain	Pegawai Kerajaan di Jabatan Koperasi dan Perniagaan	Aceh Tengah
11	Anhar Wahab		

Sumber: Penyelidikan.

Bagi memudahkan dalam menjalankan penyelidikan ini, penyelidik telah menggunakan alat telekomunikasi telefon untuk mendapatkan nombor telefon dan menghubungi para informan daripada pihak Koperasi Baitul Qiradah Baburayyan dalam menetapkan tarikh, masa dan tempat temu janji yang bersesuaian bagi menjalankan temu bual bersama mereka. Di samping itu, penyelidik turut berkomunikasi dengan para informan melalui media sosial, seperti aplikasi *whatapps* jika memerlukan kepada maklumat tambahan atau penjelasan lanjut berkaitan dengan data temu bual yang telah diperolehi.

### **1.10.2 Kaedah Analisis Data**

Data yang telah dikumpul oleh penyelidik, sama ada dari data sekunder seperti penyelidikan perpustakaan atau data primer dari penyelidikan lapangan dianalisis menggunakan beberapa kaedah seperti berikut.

#### **1.10.4.1 Kaedah Induktif**


Kaedah Induktif ialah kaedah menganalisis data melalui pola berfikir yang mencari pembuktian daripada perkara-perkara yang bersifat khusus untuk membuat kesimpulan

kepada perkara-perkara yang bersifat umum.<sup>92</sup> Ia merupakan kaedah analisis data yang diperolehi daripada fakta-fakta yang khusus. Kemudian diubah menjadi generalisasi yang memiliki sifat umum.<sup>93</sup> Kaedah ini digunakan oleh penyelidik untuk menghuraikan konsep operasi perniagaan menurut Syariah secara khusus, kemudian dihuraikan konsep perniagaan yang khusus tersebut dengan pembahasan yang umum terhadap konsep operasi perniagaan menurut Islam.

#### **1.10.4.2 Kaedah Deduktif**

Kaedah deduktif pula berlawanan dengan kaedah berfikir secara induktif iaitu cara berfikir yang ringan seperti teori bersifat umum kemudian diubah menjadi kesimpulan yang bersifat khusus.<sup>94</sup> Kaedah ini digunakan oleh penyelidik bagi menghuraikan konsep operasi perniagaan kopi Gayo secara umum kemudian menjelaskan konsep operasi perniagaan kopi Gayo yang dijalankan di Koperasi Baitul Qirad Baburayyan secara khusus.

**Rajah 1.2. Metodologi Penyelidikan.**



Sumber: Penyelidikan.

<sup>92</sup> Idris Awang, *Kaedah Penyelidikan Suatu Sorotan*, (Kuala Lumpur: Intel Multimedia and Publication & Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2001), 82.

<sup>93</sup> Sutrisno Hadi, *Metodologi Research I* (Yogyakarta: Yayasan FPSI UGM, 1990), 42.

<sup>94</sup> Idris Awang, *Kaedah Penyelidikan Suatu Sorotan*, 82.

## **1.11 SISTEMATIKA PENULISAN**

Bagi melengkapkan penyelidikan ini, penyelidik telah membahagikan sistematika penulisan ini kepada lima bab. Antaranya ialah:

Bab pertama menjelaskan tentang pendahuluan yang merangkumi pengenalan, latar belakang masalah, pernyataan masalah, persoalan penyelidikan, objektif penyelidikan, batasan penyelidikan, definisi tajuk, kepentingan penyelidikan, ulasan penyelidikan lepas, metodologi penyelidikan dan sistematika penulisan. Secara ringkasnya, bab ini menjelaskan mengenai metodologi yang digunakan oleh penyelidik dalam menjalankan penyelidikan ini.

Bab kedua membincangkan tentang konsep operasi perniagaan menurut Syariah. Pembahasan dimulakan dengan menghuraikan tentang definisi perniagaan, selanjutnya huraian mengenai konsep operasi perniagaan menurut Syariah seperti konsep yang boleh diamalkan pada perniagaan terkini. Antara konsep perniagaan yang dihuraikan ialah, konsep *murābahah*, *salam*. Manakala konsep perkongsian perniagaan yang dihuraikan ialah konsep *musyārakah* dan *mudārabah*.

Bab ketiga pula, penyelidik fokus dalam menghuraikan operasi perniagaan kopi Gayo yang dijalankan di Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan Aceh Tengah, Aceh, Indonesia. Pembahasan dimulakan dengan pengenalan Aceh Tengah, kemudian latar belakang Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan, konsep operasi perniagaan yang dijalankan seperti konsep pembelian, perkhidmatan dan konsep pemasaran perniagaan kopi Gayo keluaran Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan.

Bab keempat pula, penyelidik telah menganalisis mengenai operasi perniagaan kopi Gayo yang dijalankan oleh Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan. Analisis telah dibuat berdasarkan hasil temu bual dengan para informan daripada pihak Koperasi Baitul Qiradh

Baburayyan dan pihak kerajaan yang berpandukan rakaman semasa menjalankan temu bual. Seterusnya penyelidik telah menganalisis adakah konsep tersebut bersesuaian dengan konsep perniagaan Syariah dan ekonomi Islam atau sebaliknya.

Bab kelima, penyelidik telah membuat rumusan penyelidikan dan kesimpulan bagi setiap masalah yang dikaji berdasarkan pembahasan yang dilakukan dalam keseluruhan bab serta memberikan saranan dan cadangan.

## 1.11 KESIMPULAN

Perniagaan kopi merupakan perniagaan yang melibatkan perdagangan domestik dan antarabangsa. Ia mampu merentasi benua dan bangsa di seluruh dunia, bermula dari negara membangun sehingga ke negara maju. Benua Amerika merupakan pengeluar kopi terbesar di dunia. Manakala Asia sebagai pengeluar kedua terbesar termasuk negara Indonesia. Sumatera merupakan pusat kopi terbesar di Indonesia termasuk Aceh, negeri yang memiliki penduduk majoriti beragama Islam, ia merupakan salah satu negeri pengeluar kopi Arabika terbesar di Indonesia yang dinamakan kopi Gayo. Koperasi memainkan peranan penting dalam perniagaan kopi Gayo, disebabkan kewujudan koperasi sebagai syarat untuk memperolehi sijil perniagaan kopi daripada sistem pensijilan kopi antarabangsa seperti sijil *fair trade*, yang membolehkan produk kopi Gayo dipasarkan pada pasaran domestik dan antarabangsa. Oleh itu, penyelidikan ini mengkaji mengenai konsep operasi perniagaan kopi Gayo menurut perspektif ekonomi Islam yang dijalankan di Koperasi Baitul Qiradah Baburayyan Aceh Tengah, Aceh, Indonesia. Kaedah penyelidikan yang digunakan adalah teknik kualitatif, manakala kaedah pengumpulan data melalui penyelidikan kepustakaan (*library research*) dan penyelidikan lapangan (*field research*) yang merangkumi kaedah temu bual, manakala kaedah analisis data menggunakan kaedah induktif dan deduktif.

## **BAB DUA**

### **KONSEP OPERASI PERNIAGAAN MENURUT SYARIAH**

#### **2.1 PENGENALAN**

Islam merupakan agama yang sempurna atau *syūmūl* yang memandu seluruh kehidupan manusia. Sepertimana firman Allah SWT:

الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَنْمَطْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيَتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا ﴿٣﴾

Al-Ma''idah 5: 3

Terjemahan: Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu dan Aku telah cukupkan nikmatKu kepada kamu dan Aku telah redakan Islam itu menjadi agama untuk kamu.

Kesempurnaan agama Islam meliputi aspek akidah, akhlak dan Syariah. Aspek akidah dan akhlak sentiasa berterusan dan tidak mengalami perubahan walaupun zaman berubah. Berbeza dengan Syariah yang bersifat komprehensif yang meliputi seluruh aspek kehidupan manusia dan universal yang boleh diamalkan di mana sahaja. Manakala *muāmalah* pula merupakan peraturan dalam kehidupan manusia yang bersifat sosial.<sup>1</sup>

Konsep perniagaan dianggap patuh dan selari dengan Syariah apabila setiap perniagaan itu mematuhi kaedah dan peraturan yang telah ditetapkan oleh nas al-Quran dan hadith. Adapun kaedah yang tidak ditetapkan secara nas ia hendaklah ditetapkan berdasarkan ijтиhad para ulama' yang bersumberkan al-Quran, al-Sunnah, ijmak, *qiyās*, istihsan dan hukum-hakam yang dipersetujui oleh jumhur ulama'.<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Muhammad Syafi'i Antonio, *Bank Syariah Dari Teori Ke Praktik*, ed. ke-19 (Jakarta: Gema Insani, 2012), 4.

<sup>2</sup> Asmak Ab. Rahman, *Pertanian dari Perspektif Ekonomi Islam* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2011), 3.

## 2.2 DEFINISI PERNIAGAAN

### 2.2.1 Bahasa

Menurut kamus dewan, perniagaan berasal daripada kata terbitan berniaga, perniagaan dan peniaga, atau dengan erti kata lain berkenaan berniaga. Perniagaan merupakan urusan berjual beli untuk mencari keuntungan.<sup>3</sup> Manakala makna jual beli pula ialah menjual dan membeli, berjual beli dengan menjual dan membeli barang-barang, memperniagakan dan memperdagangkan.<sup>4</sup>

Perniagaan dalam bahasa Arab ialah *tijārah* yang berasal daripada kata kerja تَجْرِي – تَجَرِّي و تِجَارَةً - تَجَرُّ - تَجْرِي yang bermaksud menjual dan membeli.<sup>5</sup> Perniagaan dari segi bahasa bermaksud segala jenis pertukaran (المعاوضة) dengan pelbagai cara.<sup>6</sup> Manakala makna jual beli menurut bahasa ialah segala jenis pertukaran, sama ada pertukaran harta dengan harta atau sebagainya.<sup>7</sup>

Perkataan *tijārah* dalam al-Quran ditemui dalam lapan tempat. Perkataan *tijrātun* terdapat pada dua tempat iaitu dalam surah al-Taubah (9:24) dan surah al-Nūr (24:37). Kemudian perkataan *tijāratan* terdapat dalam surah al-Baqarah (2:282), surah al-Nisā' (4:29) dan surah Fātir (35:29). Manakala perkataan *tijārah* pula terdapat dalam surah al-Jum‘ah (62:11), dan perkataan *tijāratin* terdapat dalam surah al- Saff (61:10). Perkataan *tijrātuhum* terdapat dalam surah al-Baqarah (2:16).<sup>8</sup>

<sup>3</sup> Perniagaan, laman sesawang Dewan Bahasa Pustaka, Kamus Dewan Pelajar, ed. ke-2, dan Kamus Dewan ed. ke-5, dicapai 19 September 2017, <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=perniagaan>.

<sup>4</sup> Jual beli, laman sesawang Kamus Pelajar Edisi Kedua, dicapai, 25 Disember 2017. <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=jual+beli>.

<sup>5</sup> Ibnu Manzur, *Lisān al-Arab*, (Kaherah: Dār al-Hadīth, 2003), 1:594.

<sup>6</sup> Najīḥ Ḥammād, *Mu’jam al-Muṣṭalaḥāt al-Āmaliyyah wa al-Iqtisādiyyah fī Lugah al-Fuqahā’* (Damshik: Dār al-Kalam, 2008), 127.

<sup>7</sup> *Mughnī al-Muḥtāj*, 2:351, Muḥammad Taqī al-Uthmānī, *Fiqh al-Buyū*, 1:23, *Fiqh Islāmī wa Adillatuh* 5:3304, *Fiqh al-Manhajī*, 3:5.

<sup>8</sup> Husain Muhammad Fahmi Shāfi‘ī, *al-Dalīl al-Mufahras li al-Fāz al-Qurān al-Karīm*, ed. ke-4 (Kaherah: Dār al-Salām, 2012), 310.

## 2.2.2 Istilah

Menurut imam Nawawī, perniagaan atau jual beli ialah pertukaran harta dengan harta sebagai pemilikan, manakala menurut khatib al-Sharbinī, ialah pertukaran harta dengan harta dengan cara tertentu, Mustafa al-Khin menjelaskan bahawa setiap akad pertukaran barang merupakan bentuk pemilikan menurut syarak yang tidak ditentukan oleh waktu.<sup>9</sup> Di sisi mazhab Hanafī, pertukaran yang tertentu itu melalui *ijāb* atau pemberian pada harta yang bermanfaat.<sup>10</sup> Ibnu Qudāmah mendefinisikan bahawa jual beli ialah menukar harta dengan harta atas dasar memberi milik dan menerima milik.<sup>11</sup> Menurut Ibnu Ābidīn, jual beli ialah kontrak pertukaran harta dengan harta untuk mendapatkan keuntungan. Ibnu Khaldūn menyebutkan bahawa perniagaan ialah suatu usaha untuk mendapatkan penambahan harta yang dinamakan keuntungan dengan cara transaksi pembelian barang dengan harga murah dan menjualnya dengan harga mahal.<sup>12</sup>

Dari pada pelbagai definisi yang diuraikan di atas, dapat disimpulkan bahawa perniagaan ialah pertukaran harta dengan harta dengan wujudnya *ijāb* dan *qabūl* di antara penjual dan pembeli bagi memiliki barang yang kekal untuk mendapatkan keuntungan.

Dalam Islam, perniagaan dapat difahami sebagai aktiviti perniagaan dalam pelbagai bentuk yang tidak dihadkan kepada kuantiti pemilikan keuntungan daripada harta dan perkhidmatan, namun ia merupakan kaedah untuk memperolehinya dan kesesuaianya dengan kehendak syarak yang meliputi halal dan haram.<sup>13</sup>

<sup>9</sup> *Mughnī al-Muhtāj*, 2:351, *Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh* 5:3304, *Fiqh al-Manhajī*, 3:5.

<sup>10</sup> Wahbah al-Zuḥaiyli, *Fiqh Islāmī wa Adillatuh*, ed. ke-4 (Damshik: Dār al-Fikr, 2002), 5:3305,

<sup>11</sup> *Ibid*, 5:3305.

<sup>12</sup> ‘Abd al-Rahmān Ibnu Khaldūn, *Muqaddimah Ibnu Khaldūn* (Kaherah: Dār al-Fajr li al-Turāth, 2004), 477.

<sup>13</sup> Muhammad Ismail Yusanto dan Muhammad Karebet Widjajakusuma, *Menggagas Bisnis Islami* (Jakarta: Gema Insani Press, 2002), 18.

## 2.3 ASAS PERNIAGAAN SYARIAH

Perniagaan adalah satu perkara yang disyariatkan dan hukumnya adalah harus sepetimana yang disepakati oleh para ahli feqah. Pensyariatannya bersumberkan daripada dalil al-Quran, al-Sunnah dan ijmak para ulama'.

### 2.3.1 Al-Quran

Dalam al-Quran terdapat banyak dalil yang menyentuh mengenai perniagaan, antaranya ialah firman Allah SWT:

وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَمَ الرِّبَاً ﴿٢٧﴾

Al-Baqarah 2: 275

Terjemahan: Padahal Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba.

Daripada ayat tersebut, dapat difahami bahawa ayat ini menghalalkan perniagaan di mana tidak terdapat unsur riba di dalamnya.<sup>14</sup> Menurut imam al-Qurtubī, jika telah ditetapkan bahawa jual beli atau perniagaan itu sebagai perintah umum, maka ia membawa maksud perintah khas (*makhsūs*) daripada larangan riba, begitu juga larangan-larangan yang lain. Manakala menurut majoriti ulama pula, makna-makna zahir yang umum ia membawa maksud khusus yang telah *thabit* daripada al-sunnah dan ijmak ‘ummah.<sup>15</sup>

Kemudian Firman Allah SWT:

يَأَيُّهَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِجَرَّةً عَنْ تَرَاضٍ مِّنْكُمْ ﴿٣﴾

Al-Nisā' 4: 29

<sup>14</sup> 'Abd al-Rahmān al-Jazīrī, *al-Fiqh ala al-Mazāhib al-'Arba'ah* (Kaherah: Dār al-Hadīth, t.t), 140.

<sup>15</sup> Tafsir al-Qurtubī, *al-Jāmi' al-Ahkām al-Qurān* (Kaherah: Maktabah al-Taufiqiyah, t.t), 312.

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu.

Ayat ini dapat difahami bahawa Islam melarang memakan harta dengan cara yang batil. Maka, perniagaan yang menepati syarak adalah cara untuk mengelakkan diri daripada menggunakan harta secara salah atau batil.<sup>16</sup> Disamping itu, dalam menjalankan perniagaan, menurut syarak saksi diperlukan bagi memudahkan perniagaan yang dijalankan. Allah SWT melarang saksi yang mempersulitkan urusan perniagaan. Sepertimana firman Allah SWT.

وَأَشْهُدُوكُمْ إِذَا تَبَايَعْتُمْ وَلَا يُضَارَّ كَاتِبٌ وَلَا شَهِيدٌ وَإِنْ تَفْعَلُوا فَإِنَّمَا رُفْسُوقٌ بِكُمْ رَاكِنُوا اللَّهُ  
وَيُعَلِّمُكُمُ اللَّهُ وَاللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ ﴿٢٨٢﴾

Al-Baqarah 2: 282

Terjemahan: Dan persaksikanlah apabila kamu berjual beli; dan janganlah penulis dan saksi saling sulit-menyulitkan. Jika kamu lakukan (yang demikian), maka sesungguhnya hal itu adalah suatu kefasikan pada dirimu. Dan bertakwalah kepada Allah; Allah mengajarmu; dan Allah Maha Mengetahui segala sesuatu.

### 2.3.2 Al-Sunnah

Hadith-hadith yang berkaitan dengan perniagaan begitu banyak sehingga mencapai 500 hadith.<sup>17</sup> Antaranya ialah:

1. Perniagaan merupakan pekerjaan yang paling baik seperti hadith riwayat al-Tabarānī dan al-Bayhaqī baginda SAW bersabda:

<sup>16</sup> ‘Abd al-Rahmān al-Jazīrī, 140.

<sup>17</sup> Mustafa Haji Daud, 9.

سُئلَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : أَيُّ الْكَسْبِ أَطَيْبُ قَالَ عَمَلُ الرَّجُلِ بِيَدِهِ وَكُلُّ بَعْضِ مِرْوِيِّ

Terjemahan: Seorang bertanya kepada baginda Nabi SAW: Kerja apakah yang paling baik? Maka baginda bersabda: Kerja seorang lelaki dengan tangannya, dan setiap perniagaan yang mabruk.<sup>18</sup>

Hadith di atas dapat difahami bahawa kerja melalui proses tangan dan perniagaan merupakan kerja yang paling baik daripada aspek kehalalan dan keberkatannya. Menurut al- Ṣan'ānī, para ulama berbeza pendapat mengenai kerja paling baik sebagai kerjaya. Di sisi al-Māwardī,<sup>19</sup> pertanian, produk hasil haiwan, industri, dan perniagaan merupakan kerja paling baik. Manakala pandangan yang disepakati dalam mazhab Syafi'i ialah pertanian, kerana ia lebih kepada tawakkal. Menurut imam Nawawī, kerja yang terbaik ialah sesuatu kerja yang diusahakan dengan tangan atau tenaga, termasuk perniagaan dan pertanian kerana wujud sifat tawakal dan dapat memberi manfaat secara umum kepada manusia dan haiwan. Menurut pandangan al-Hāfiẓ Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, kerja terhadap harta-harta orang kafir ialah kerja tangan yang mulia dan terbaik, kerana ia merupakan kerja nabi SAW untuk mengagungkan kalimah Allah.<sup>20</sup>

2. Hadith riwayat al-Tirmizī mengenai pujian terhadap peniaga yang jujur dan amanah sepertimana sabda nabi SAW.

التَّاجُرُ الصَّدُوقُ الْأَمِينُ مَعَ النَّبِيِّ وَالصَّدِيقِينَ وَالشُّهَدَاءِ

Terjemahan: Peniaga jujur yang amanah akan bersama para nabi, siddiqin dan syuhada.<sup>21</sup>

<sup>18</sup> Hadith riwayat al- Tabarānī, *al-Mu'jam al-Awsat*, 8:47 dan al-Baihakī, *Syu'ab al-Imān*, 2:548, hadith ini sahih menurut Hākim, *al-Mustadrak*, *Kitāb al-Buyū'* 2:10,

<sup>19</sup> Imām al-Māwardī, *Adab al-Din wa al-Dunyā* (Jeddah: Dār al-Minhāj, 2013), 336.

<sup>20</sup> Muḥammad Isma'il al-Amīr al-Yamanī al-Ṣan'ānī, *Subul al-Salām Sharḥ Bulūgh al-Marām min Adillat al-Ahkām* (Al-Mansūrah: Maktabah al-Imān, t.t), 3:5.

<sup>21</sup> Hadith riwayat al-Tirmizī, *Sunan al-Tirmizī*, *Kitāb al-Buyū'*, no, 1209, al-Dārimī, *Sunan al-Dārimī*, *Kitāb al-Buyū'*, no. 2539, al-Hakīm, *al-Mustadrak*, *Kitab al-Buyū'*, 2:7, Dār al-Qutnī, 2813. Berkata imam Tirmizī hadith ini adalah hasan.

Menurut hadit di atas, ada dua sifat penting yang mesti ada pada peniaga dalam menjalankan perniagaan iaitu sifat jujur dan amanah. Sifat jujur dan amanah merupakan sifat yang dimiliki oleh golongan orang-orang yang baik daripada kalangan para nabi dan orang-orang yang benar. Menurut al-Ṭībī, ia sebagai peringatan supaya menjaga kesempurnaan kedua sifat tersebut dalam menjalankan perniagaan sehingga memperoleh kedudukan yang tinggi iaitu bersama para nabi, siddiqin dan syuhada.<sup>22</sup>

Kemudian hadith riwayat al-Bukhārī menyatakan bahawa perniagaan sebagai satu usaha menjaga maruah daripada meminta-minta kepada orang ramai. Seperti hadith yang diriwayatkan oleh Zubayr bin al-‘Awwām r.a yang bermaksud.

لَأَنْ يَأْخُذَ أَخْدُوكُمْ حَبْلُهُ فَيَأْتِي بِخَزْمَةِ الْحَطَبِ عَلَى ظَفَرِهِ فَيَبْيَعُهَا كَيْفَكَ اللَّهُ بِكَا وَجْهَهُ خَيْرٌ لَهُ مِنْ أَنْ يَسْأَلَ النَّاسَ  
أَعْطُوهُ أَوْ مَنْعُوهُ.

Terjemahan: Jika ada di antara kamu yang mengambil seutas tali, kemudian dia memikul seikul kayu di belakangnya kemudian dijual, dan kerana itu Allah menjaga mukanya (maruahnya), perkara itu lebih baik baginya daripada dia meminta-minta belas ehsan orang ramai, sama ada mereka memberinya atau tidak.<sup>23</sup>

Mengikut hadith di atas, perniagaan atau jual beli merupakan salah satu cara untuk mendapatkan rezeki dan mengelakkan daripada meminta-minta kepada orang ramai. Menurut al-Ḥāfiẓ Ibnu Ḥajar al-‘Asqalānī, hadith ini menggesa menjaga kehormatan daripada keburukan meminta, walaupun seseorang terpaksa menaggung kesusahan dalam mencari rezeki.<sup>24</sup> Seperti menjalankan perniagaan dan seumpamanya.

<sup>22</sup> Muḥammad ‘Abd al-Raḥmān bin ‘Abd al-Raḥīm al-Mubārakfūrī, *Tuhfah al-Āhwazī bi Sharh Jāmi’ al-Tirmizī, Kitāb al-Buyū’*, hadith no. 1209, (Kaherah: Dār al-Ḥadīth, 2001), 88.

<sup>23</sup> Riwayat al-Bukhārī, *Kitāb al-Zakāh, Bāb al-Isti’jāf ‘an al-Mas’alah*, 1471 (Kaherah: Dār al-Ḥadīth, 2004), 630.

<sup>24</sup> Al-Ḥāfiẓ Ibnu Ḥajar al-‘Asqalānī, *Fathul Bārī fi Sharh al-Bukhārī* (Kaherah: Maktabah al-Miṣr, 2001), 3:482.

3. Perniagaan merupakan 9 per 10 punca rezeki seperti sabda nabi SAW yang diriwayatkan oleh Nu‘aim ibn Ābd al-Rahmān yang bermaksud.

عَنِّكُمْ بِالْجَاهِزَةِ فَإِنَّ فِيهَا تِسْعَةً أَعْشَارَ الرِّزْقِ.

Terjemahan: Berniagalah kamu kerana 9/10 punca rezeki adalah perniagaan.<sup>25</sup>

Walaupun kedudukan hadith ini banyak perselisihan di kalangan ahli hadith, namun hadith ini dapat menjadi motivasi kerana maksud hadith ini adalah benar, kebanyakan rezeki yang diperolehi adalah daripada perniagaan dan ia mampu menjana kekuatan ekonomi umat Islam. Bahkan Nabi SAW sendiri pernah berniaga semasa muda dan begitu juga para sahabat r.anhum menceburi bidang perniagaan.<sup>26</sup>

### 2.3.3 Ijmak Ulama

Menurut ijmak ulama pula, perniagaan itu diharuskan kerana manusia meneruskan kehidupan berhajat untuk memenuhi keperluan melalui pertolongan daripada pihak yang lain. Perniagaan sebagai jalan untuk memenuhi keperluan manusia melalui proses pertukaran barang atau harta yang dimiliki oleh pihak lain. Manakala menurut Imam al-Shāfi‘ī, kebolehan perniagaan itu melihat kepada keredaan antara penjual dan pembeli berdasarkan dalil surah al-Baqarah ayat 285.<sup>27</sup>

<sup>25</sup> Riwayat Ibrāhīm al-Harabī dalam *gharīb hadīth* daripada hadith Nu‘aim ibn Ābd al-Rahmān dengan hadith , Abu ‘Ubaid al-Qāsim bin Sallam, *gharīb Hadīth*, 1:80, al-Suyuṭī, *Jāmi’ al-Saghīr*, no.3296. Al-Ḥāfiẓ al-‘Irāqī berkata para perawinya adalah dipercayai, *Takhrij al-Hadīth Ihyā ‘Ulūmīddīn*, al-Ḥāfiẓ al-‘Irāqī, 3:100.

<sup>26</sup> Mohd Khafidz Soroni, *Q&A Hadith* (Petaling Jaya: Galeri Ilmu Sdn Bhd, 2016), 71.

<sup>27</sup> Wahbah Zuḥaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, ed. ke-4 (Damshik: Dār al-Fikr, 2002), 5:3308.

## 2.4 RUKUN DAN SYARAT PERNIAGAAN SYARIAH

Ahli fekah berbeza pendapat dalam menentukan rukun jual beli. Menurut mazhab Hanafi, rukun jual beli terhad kepada *ijāb* dan *qabūl*. Manakala di sisi jumhur ulama, seperti mazhab Maliki, Syafi'i dan Hambali rukun jual beli terbahagi kepada tiga rukun iaitu:<sup>28</sup>

1. Sighah (*ijāb* dan *qabūl*)
2. Penjual dan pembeli (pihak yang berakad)
3. Harga dan barang (perkara yang diakadkan).

### 2.4.1 Syarat sighah *ijāb* dan *qabūl*

Dalam mendefinisikan istilah *ijāb* dan *qabūl* ini, ahli fekah mempunyai perbezaan pandangan. Menurut mazhab Maliki, Syafi'i dan Hambali, istilah *ijāb* dikhaskan bagi perkataan pihak penjual, manakala istilah *qabūl* dikhaskan bagi pihak pembeli. Istilah ini berbeza dengan pandangan mazhab Hanafi, mereka berpandangan bahawa *ijāb* ialah pihak yang berkehendak berakad kepada pihak yang lain. Ianya menunjukkan atas perbuatan berdasarkan kerelaan ketika berlakunya akad.<sup>29</sup> Manakala lafaz *qabūl* ialah lafaz yang lahir daripada pihak kedua. Istilah *ijāb* dan *qabūl* tidak semestinya berasal dari pihak tertentu, namun boleh daripada pihak penjual ataupun pihak pembeli. Menurut jumhur ulama, lafaz *ijāb* merupakan proses pemilikan barang walaupun dilakukan pada akhir lafaz semasa akad, manakala lafaz *qabūl* merupakan pihak yang memiliki barang dilakukan pada awal lafaz semasa akad.<sup>30</sup>

<sup>28</sup> Muhammad al-Zuhaylī, *al-Mu'tamad fī al-Fiqh al-Shāfi'ī* (Damshik: Dār al-Kalam, 2011), 3:11.

<sup>29</sup> Muhammad Taqī al-Uthmānī, *Fiqh al-Buyū* (Pakistan: Maktabah Ma'ārif al-Qurān) 1:30

<sup>30</sup> *Ibid.*

Syarat-syarat sah *ijāb* dan *qabūl* yang telah disepakati oleh ahli fekah adalah seperti berikut:<sup>31</sup>

1. Lafaz *ijāb* dan *qabūl* mesti berlaku atas kerelaan daripada pihak yang berakad ke atas pemilikan harta yang bersesuaian dengan kehendak syarak menurut ‘urf kebiasaannya.
2. Lafaz *qabūl* bertepatan dengan lafaz *ijāb* dalam semua sudut.
3. Lafaz *’ijāb* dan *qabūl* mesti bersambung dan tidak boleh terpisah dalam satu majlis sebelum bersurai.
4. Semasa berlakunya lafaz *ijāb* dan *qabūl*, barang dan harga mestilah sama. Apabila barang dan harga tidak sama, maka tidak sah akad tersebut.
5. Menggunakan lafaz lampau, seperti “aku telah jual,” atau “aku telah beli.”
6. Boleh menggunakan akad dengan tulisan jika pihak penjual dan pembeli berjauhan antara satu dengan yang lain.
7. Begitu juga, kesahihan perniagaan tersebut tidak terikat dengan sebarang syarat atau tempoh waktu tertentu.

#### 2.4.2 Syarat Penjual dan Pembeli

Terdapat beberapa perkara yang disyaratkan bagi pihak penjual dan pembeli. Antaranya seperti berikut:<sup>32</sup>

1. Pihak yang berakad mestilah waras atau berakal dan baligh. Oleh yang demikian, tidak sah urusan perniagaan terhadap kanak-kanak dan orang gila. Namun, di sisi

<sup>31</sup> Sayyid Sābik, *Fiqh al-Sunnah*, 3:94, Muhammad Zuḥaylī, *al-Mu’tamad fī al-Fiqh al-Shāfi’ī*, 3:19.

<sup>32</sup> Wahbah Zuḥaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, 5:3317, Muṣṭafā al-Khin, Muṣṭafā al-Bughā dan Ali al-Sharbajī, *al-Fiqh al-Manhajī Mazhab al-Shāfi’ī*, terj. Zulkifli Mohamad al-Bakri dan Rakan-Rakan (Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2011). 3:6.

mazhab Hanafi, kanak-kanak umur 7 tahun yang berakal dan mumayyiz dibenarkan dalam urusan perniagaan.

2. Reda antara kedua-dua belah pihak yang berakad. Keredaan merupakan dua perkara penting bagi menunjukkan keinginan dalam menjalankan akad. Kerelaan merupakan syarat sah akad dalam perniagaan. Manakala keredaan ialah perkara yang tersembunyi yang hanya dapat dilihat melalui *ijāb* dan *qabūl*. *Ijāb* dan *qabūl* boleh dilakukan secara zahir atau kiasan.
3. Wujud penjual dan pembeli. Maka tidak sah jika diwakilkan.
4. Pihak penjual dan pembeli bukan pihak yang berlainan.
5. Dari aspek kesihatan, pihak berakad boleh melihat, sekiranya buta, ia boleh mewakilkan kepada orang lain sehingga tidak wujud kejahilan yang ketara.

#### **2.4.3 Syarat Barang Jualan dan Harga**

Barang dan harga memainkan peranan penting dalam menghasilkan akad perniagaan. Oleh itu, syarat sah perniagaan menurut muamalah Islam ialah:<sup>33</sup>

1. Barang jualan mestilah wujud dalam bentuk harta dan diketahui oleh pihak yang berakad ketika berlakunya proses *ijāb* dan *qabūl*, supaya tidak berlaku *gharar* atau risiko dalam perniagaan jika barang tidak wujud atau barang tidak sempurna seperti buah yang masih ada dipokok yang sedang atau akan berbuah.
2. Kewujudan barang tersebut mestilah dalam bentuk harta yang bernilai dan bermanfaat di sisi syarak. Oleh yang demikian, tidak sah menjual barang yang tidak

---

<sup>33</sup> Muhammad Zuhaylī, *al-Mu'tamad fī al-Fiqh al-Shāfi'i*, 3:23, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, 5:3317. *Al-Muħarrar fī Fiqh al-Shāfi'i*, 1:456-461.

wujud dan tidak bermanfaat iaitu benda haram dan najis seperti khinzir, bangkai dan seumpamanya.<sup>34</sup>

3. Barang dan harta boleh diserahkan dalam bentuk fizikal dan diterima oleh syarak.
4. Barang dan harga mestilah milik sempurna, maka tidak sah terhadap sesuatu benda yang tidak dimiliki secara sempurna.
5. Barang tersebut mestilah diketahui oleh kedua-dua pihak.
6. Barang dapat dijual dengan menangguhkan bayaran. Namun tempoh pembayaran dan cara pembayaran tersebut perlu dijelaskan bersamaan tarikh penyerahan barang dikira bermula dari tempoh jual beli. Penjual berkuasa terhadap harga walaupun belum diserahkan kepadanya, dan boleh memindahkan pembayaran kepada orang lain.<sup>35</sup>

## 2.5 HIKMAH PERNIAGAAN

Setiap orang Islam yang terlibat dengan perniagaan dan jual beli perlu sedar bahawa hanya sistem perniagaan secara Islam sahaja yang mampu memberi kemaslahatan, menyelamatkan manusia, dan membina peradaban. Pada hakikatnya, sistem ekonomi yang mengatur kehidupan seharian umat Islam pada hari ini ialah sistem Kapitalis. Kebanyakan urusan kewangan umat Islam seperti jual beli, syarikat dan sebagainya diatur oleh sistem ini.<sup>36</sup> Terdapat beberapa hikmah daripada perniagaan seperti berikut:<sup>37</sup>

---

<sup>34</sup> *Al-Muḥarrar fī Fiqh al-Shāfi‘ī*, 1:456.

<sup>35</sup> Mustafa Haji Daud, *Perniagaan Menurut Islam* (Kuala Lumpur: Utusan Publications&Distributors, 1995), 23.

<sup>36</sup> Zaharuddin Abdul Rahman, *Fiqh Kewangan Islam*, ed. ke-2 (Kuala Lumpur: PTS Islamika Sdn. Bhd, 2014), 52.

<sup>37</sup> *Ibid.*

### 1. Memenuhi keperluan

Pada dasarnya, manusia tidak boleh memenuhi keperluan hariannya sendiri. Oleh itu, mereka perlu membuat pertukaran antara satu dengan yang lain,<sup>38</sup> kerana keperluan seseorang itu ada pada kemampuan, kekuasaan, dan pemilikan orang lain. Ia akan mendapatkan keperluan tersebut melalui pertukaran dengan memberikan gantian barang dengan orang yang memerlukan sehingga dijadikan sebagai sumber pemilikan dan pendapatan. Maka jual beli menjadi perantara bagi memenuhi keperluan itu tanpa perlu bersusah payah.<sup>39</sup>

### 2. Mendapatkan harta yang menepati hukum syarak

Dalam jual beli Islam, harta yang diperolehi daripada urusan jual beli mestilah bertepatan dengan hukum syarak, bukan diperolehi dengan cara pertelingkahan, dan permusuhan sesama sendiri. Sesuatu itu akan diperolehi jika memelihara tatacara jual beli secara Islam dengan menjaga syarat-syarat yang telah ditetapkan dalam Islam.<sup>40</sup> Harta yang diperolehi dengan cara adil akan memberi ketenangan hidup kepada setiap penjual dan pembeli supaya harta yang diperolehi bebas daripada penipuan, rampasan dan kecurian.

### 3. Manfaat secara menyeluruh

Setiap manusia memiliki kecenderungan mencintai harta sebagai sifat fitrahnya. Maka, kewujudan aktiviti jual beli seperti pelaburan akan memberikan manfaat kepada semua orang sehingga dapat menghindarkan manusia daripada kemiskinan.<sup>41</sup>

---

<sup>38</sup> Muṣṭafa al-Khin, Muṣṭafa al-Bughā dan Ali al-Sharbajī, *al-Fiqh al-Manhajī Mazhab al-Shāfi‘ī*, ed. ke-14 (Damshiq: Dār al-Kalam, 2013), 3:7.

<sup>39</sup> *Ibid.*, 3:53.

<sup>40</sup> *Ibid.*, 3:58

<sup>41</sup> Muṣṭafa al-Khin, Muṣṭafa al-Bughā dan Ali al-Sharbajī, 3:60.

## **2.6 KONSEP OPERASI PERNIAGAAN MENURUT SYARIAH**

Konsep operasi perniagaan yang telah dibahaskan para ulama' dalam muamalah Islam terlalu banyak. Oleh itu, kajian ini akan menghuraikan beberapa konsep yang boleh digunakan dalam operasi perniagaan Syariah seperti berikut:

### **2.6.1 Konsep *Murābahah***

#### **2.6.1.1 Definisi *murābahah***

*Murābahah* dari segi bahasa berasal daripada perkataan الربح atau keuntungan, yang bermaksud berkembang dan bertambah. Menurut istilah ahli fekah *murābahah* ialah konsep jual beli barang dengan harga yang dibeli dan tambahan keuntungan yang diketahui. Menurut mazhab Ahmad, jual beli *murābahah* ialah pembelian barang dengan modal bersamaan keuntungan yang ditentukan.<sup>42</sup> Selain itu, ia merupakan jual beli barang pada harga asal dengan tambahan keuntungan yang disepakati. Konsep ini dapat menguntungkan kedua-dua belah pihak, penjual akan mendapat keuntungan daripada transaksi yang dilakukan, dan pembeli pula memperolehi dan memiliki suatu barang.<sup>43</sup>

#### **2.6.1.2 Asas *murābahah* menurut syarak**

##### **1. Al-Quran**

Asas konsep perniagaan *murābahah* ini adalah antara konsep yang dibenarkan dan bertepatan dengan kehendak syarak berdasarkan dalil yang umum tentang kehalalan jual beli dan keharaman riba. Firman Allah SWT:

---

<sup>42</sup> Najīh Ḥammād, *Mu'jam al-Muṣṭalaḥāt al-Ḥāfiẓah wa al-Iqtisādiyyah fī Lughah al-Fuqahā'* (Damshik: Dār al-Kalam, 2008), 409.

<sup>43</sup> Ab. Mumin Ab. Ghani dan Fadillah Mansor, *Dinamisme Kewangan Islam di Malaysia* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2006), 70.

وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَمَ الرِّبَاً

Al-Baqarah 2: 275

Terjemahan: Padahal Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba.

Secara umum, konsep perniagaan *murābahah* dikira menepati syarak apabila tiada unsur riba di dalamnya dan dalam setiap akad yang dilakukan secara suka sama suka di antara kedua pihak yang berakad.<sup>44</sup> Firman Allah SWT.

إِلَّا أَن تَكُونَ تِجَارَةً عَن تَرَاضٍ مَّنْكُومٌ

Al-Nisā 4: 29

Terjemahan: Kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu.

## 2. Al-Sunnah

Hadith nabi SAW yang diriwayatkan oleh al-Tabārānī dan Baiyhaqī yang bermaksud:

سُئِلَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : أَيُّ الْكَسْبِ أَطَيْبُ قَالَ عَمَلُ الرَّجُلِ بِيَدِهِ وَكُلُّ بَيْعٍ مَبْرُورٌ

Terjemahan: Seorang bertanya kepada baginda Nabi SAW: Kerja apakah yang paling baik? Maka baginda bersabda: Kerja seorang lelaki dengan tangannya, dan setiap perniagaan yang mabrus.<sup>45</sup>

Konsep jual beli *murābahah* merupakan konsep perniagaan yang amanah dalam harga dan keuntungan. Maksud perniagaan yang mabrus dalam hadith di atas ialah perniagaan yang

<sup>44</sup> Wahbah al-Zuhaylī, 5:3766.

<sup>45</sup> Hadith riwayat al-Tabārānī, *al-Mu‘jam al-Awsat*, 8:47 dan al-Baiyhakī, *Shu‘ab al-Imān*, 2:548, hadith ini sahih menurut Hakīm, *al-Mustadrak*, *Kitāb al-Buyū’* 2:10,

tidak ada penipuan dan khianat di dalamnya.<sup>46</sup> Bagitu juga dalam konsep *murābahah* harga mesti ditentukan<sup>47</sup> seperti hadith yang diriwayatakan oleh Bukhari yang bermaksud:

عن عائشة رضي الله عنها: أن أبا بكر رضي عنه قال النبي صلي الله عليه وسلم: خذْ بأبي انت وأمي إحدى راحتي هاتين ، فقال رسول الله صلي الله عليه وسلم: (بالثمن).

Terjemahan: Daripada ‘Aisyah r.anha: Apabila Abu Bakar r.a berkata kepada Nabi SAW: Ambillah salah satu daripada dua ekor untaku ini. Nabi SAW membalas: Boleh tetapi dengan bayaran.<sup>48</sup>

### 2.6.1.3 Rukun dan syarat *murābahah*

Terdapat beberapa rukun dan syarat *murābahah* dalam rukun jual beli secara umum. Antaranya seperti berikut:<sup>49</sup>

1. Mengetahui harga belian atau modal pada awal akad kepada pihak pembeli. Mengetahui harga belian merupakan syarat sahnya akad jual beli termasuklah jual beli konsep *murābahah*.
2. Mengetahui kadar keuntungan yang diperolehi. Kerana keuntungan merupakan bahagian daripada modal, dan mengetahui modal adalah syarat sahnya akad jual beli.
3. Modal daripada jenis yang sama.
4. Kontrak jual beli *murābahah* tidak mengikuti konsep jual beli pada harta riba. Setiap penjualan harta ribawi mesti dengan jenis ukuran dan timbangan yang sama dan tidak dibenarkan menetapkan lebihan keuntungan daripada harga awal pada harta ribawi, kerana ianya akan berlaku riba buka keuntungan.

<sup>46</sup> Hasan bin Ahmad bin Muhammad al-Kāf, *al-Taqrīrah al-Sadīdah fī al-Mas’alah al-Mufidah* (Riyāḍ: Dar al-Mīrāth al-Nabawī, 2013), 10.

<sup>47</sup> Wahbah al-Zuhaylī, 5:3766.

<sup>48</sup> Hadit Riwayat Bukhari, *Sahih al-Bukhārī*, *Fādāil al-Sahābah*, *Bāb Hijrah Nabi SAW*, no. 3692.

<sup>49</sup> Wahbah al-Zuhaylī, 5:3767.

5. Akad pertama mestilah betul. Apabila akad pertama rosak, maka ia bukan dinamakan jual beli *murābahah*. Kerana ianya merupakan konsep jual beli dengan harga pada awal akad bersamaan keuntungan.
6. Pihak penjual mestilah menjelaskan kepada pembeli jika wujud kecacatan pada barang.

## **2.6.2 Konsep Jualan *Salam***

### **2.6.2.1 Definisi *salam***

Perkataan *salam* berasal daripada kata terbitan (*masdar*) *aslama* (*wazan fi 'il maqī*), ia merupakan kata terbitan hakiki yang membawa maksud penyerahan. Perkataan *salam* digunakan oleh penduduk Hijaz, manakala perkataan *salaf* digunakan oleh penduduk Iraq. Walaupun demikian, ia membawa maksud yang sama. *Salam* dari segi bahasa ialah penyerahan atau pendahuluan modal.<sup>50</sup> Dalam erti kata lain, pembelian barang yang diserahkan pada hari dan waktu yang telah ditetapkan, manakala pembayaran dilakukan di awal transaksi perniagaan.<sup>51</sup> Menurut istilah syarak, ahli fekah empat mazhab memiliki perbezaan takrif sepertimana berikut:<sup>52</sup>

Menurut Mazhab Hanafi, *salam* ialah suatu akad sebagai pemilikan sesuatu barang dengan bayaran secara tunai dan penerimaan barang secara tangguh. Di sisi Mazhab Maliki, *salam* ialah akad ke atas barang dengan mendahulukan bayaran dan menangguhkan barang, atau pertukaran barang antara kedua-dua belah pihak yang berakad, dan mewajibkan satu pihak memenuhi suatu tanggungan tanpa melihat barang dan manfaat, dan kedua-dua pertukarannya tidak sama. Menurut mazhab Syafi'i dan Hambali ialah akad ke atas jenis

---

<sup>50</sup> 'Abd al-Rahmān al-Jazīrī, *Al-Fiqh Alā al-Mazāhib al-Arba'ah* (Kaherah: Dār al-Hadith, t.t ), 2:272.

<sup>51</sup> Muhammad Ibn al-Rushd, *Bidāyatul Mujtahid* (Beirut: Dār al-Kalam, 1988),124.

<sup>52</sup> *Ibid.*, 272

barang yang memiliki ciri-ciri tertentu dengan syarat bayaran secara tunai pada majlis akad dilakukan.<sup>53</sup>

Berdasarkan huraian tersebut, konsep *salam* ialah suatu akad ke atas barang dengan ciri-ciri tertentu yang dibayar secara tunai pada awal majlis dan penerimaan barang secara tangguh. Ia merupakan konsep jual beli yang dikecualikan oleh syarak mengenai jual beli barang yang tidak wujud pada masa akad dilakukan.

### 2.3 Asas *salam* menurut syarak

Konsep *salam* ialah akad perniagaan yang dibenarkan oleh syarak bersumberkan al-Quran, al-Sunnah dan Ijmak ulama.

#### 1) Al-Quran

يَتَّبِعُهَا الْذِينَ ءَامَنُوا إِذَا تَدَانَتُم بِدِينِ إِلَيْ أَجَلٍ مُّسَمٍ فَأَكْتُبُوهُ

Al-Baqarah 2: 282

Terjemahan: Hai orang-orang yang beriman, apabila kamu bermu'amalah tidak secara tunai untuk waktu yang ditentukan, hendaklah kamu menuliskannya. Dan hendaklah seorang penulis di antara kamu menuliskannya dengan benar.

Ibnu Abbas berkata bahawa aku bersaksi bahawa jual beli *salaf* berlaku pada waktu yang telah ditetapkan. Ia telah dihalalkan dan dizinkan oleh Allah SWT. Kemudian beliau membaca ayat tersebut.<sup>54</sup>

<sup>53</sup> Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, 5:3603.

<sup>54</sup> Tafsir al-Qurtubī, 3:377, al-Takhlis al-Khabīr, 3:32, Naṣal-Riwāyah, 3:41, al-Hāwī, 7:3.

## 2) Al-Sunnah

Terdapat banyak dalil yang menjelaskan mengenai jual beli *salam*, antaranya riwayat al-Bukhārī nabi SAW bersabda:

عَنْ أَبْنَى عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: قَدِيمُ الْجَيْعَانِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْمَدِينَةَ وَهُمْ يُسْلِمُونَ بِالثَّمَرِ السَّتَّةِ وَالثَّلَاثَ، فَقَالَ: "مَنْ أَسْلَفَ فِي شَيْءٍ، فَئِي كَيْنَ مَعْلُومٌ وَوَزْنٌ مَعْلُومٌ إِلَى أَجْلٍ مَعْلُومٍ".

Terjemahan: Daripada Ibnu Abbas R.A, beliau berkata: Nabi SAW tiba di Madinah, Baginda mendapati orang ramai meniaga tamar secara salaf selama dua tahun dan tiga tahun. Maka, Nabi SAW berkata: sesiapa yang ingin menjual secara bertangguh pada suatu barang, maka hendaklah ia mengikut suatu sukatan dan timbangan yang diketahui sehingga pada masa yang diketahui.<sup>55</sup>

Hadith di atas dapat difahami bahawa konsep jual beli *salam* merupakan konsep yang dibolehkan dalam Islam, ia merupakan amalan jual beli yang telahpun diamalkan oleh penduduk Madinah. Menurut imam Tirmizī, para ahli ilmu dikalangan sahabat Nabi SAW membolehkan menjalankan jual beli *salaf* atau *salam* daripada barang yang diketahui had dan sifatnya seperti makanan, pakaian dan lainnya. Namun para ulama berbeza pendapat mengenai jual beli *salam* pada haiwan. Imam al-Shāfi’ī, imam Ahmad dan Ishak membolehkan jual beli ini, memandangkan amalan ini telah diamalkan oleh para sahabat r.anhum. Manakala al-Thawrī dan penduduk Kufah menghukum makruh.<sup>56</sup>

<sup>55</sup> Hadith mengenai jual beli *salam* ini terdapat dengan berbagai lafaz. Riwayat al-Bukhārī, *Kitāb al-Salam*, no. 2239,2240,2241, 2241,2242,2243, Muslim, *Bāb al-Salam*, no. 127, 128, Tirmizī, *Bāb mā Jā’ a fī al-Salaf fī al-Ta’am wa al-Thimar*, no.1311.

<sup>56</sup> Abī ‘Isā Muhammad bin Sawrah al-Tirmizī. *Sunan al-Tirmizī* (Syiria: Mu’asasah al-Risālah Nāshirūn, 2013), 591-592.

## **2.4 Syarat dan rukun *salam***

Menurut mazhab Hanafi, rukun *salam* ialah *ijab* dan *qabūl*, manakala menurut mazhab Maliki, Syafi'i, dan Hambali ada empat perkara, Pihak yang berakad iaitu penjual (*muslam*), dan pihak pembeli (*muslam ilaih*), harga (*ra'sul māl*), barang (*muslam fīh*), dan lafaz *ijāb* dan *qabūl*.<sup>57</sup>

### **1) Syarat pihak penjual dan pembeli**

Sebagaimana syarat yang ditetapkan kepada pihak yang berakad pada konsep jual beli secara umum, begitu juga dengan konsep *salam*, seperti *ijāb* dan *qabūl* dengan lafaz *salam*.

### **2) Syarat harga**

Terdapat beberapa syarat harga konsep *salam* iaitu:<sup>58</sup>

1. Harga mestilah diketahui.
2. Harga mestilah diserahkan pada majlis akad. Harga diserahkan pada majlis akad *salam* secara tunai. Oleh yang demikian, konsep *salam* akan terbatal jika ia dibayar dengan hutang dan dilarang oleh syarak. Berbeza dengan pandangan imam Malik yang membenarkan selama tiga hari tanpa syarat.
3. Menentukan jenis harga. Jika menggunakan wang, mestilah dijelaskan jenis mata wang yang digunakan. Jika menggunakan barang, mestilah dijelaskan barang yang digunakan.
4. Jenis mata wang yang digunakan bersifat jelas, memandangkan jenis mata wang terlalu banyak, maka perlulah mengikut mata wang negara berkenaan. Seperti menggunakan jenis mata wang ringgit Malaysia atau Rupiah Indonesia.

---

<sup>57</sup> Wahbah al-Zuhaylī, 5:3604.

<sup>58</sup> Wahbah al-Zuhaylī, 5:3605, Muhammad Taqī al-Uthmānī, 1:563.

5. Mengetahui kadar harga atau modal dengan timbangan atau sukatan.

### 3) Syarat-syarat barang

Antara syarat barang adalah seperti berikut:<sup>59</sup>

1. Mengetahui jenis barang.
2. Mengetahui spesifik barang.
3. Mengetahui sifat barang.
4. Mengetahui ukuran barang.
5. Barang mestilah sama timbangan.
6. Barang mestilah wujud pada masa penyerahan.

### 4) Syarat penyerahan barang

Terdapat beberapa syarat dalam penyerahan barang sepetimana berikut:<sup>60</sup>

1. Jika barang diterima secara tangguh, maka tidak sah membuat bayaran secara tunai, berbeza dengan mazhab Syafi'i yang membenarkan transaksi seperti ini.
2. Tempoh penyerahan barang mestilah dijelaskan. Manakala tempoh penyerahan barang, ahli fekah berbeza pendapat, ada yang berpendapat tiga hari atau satu bulan. Walaupun demikian, tiada dalil yang spesifik mengenainya.
3. Mengetahui tempat penyerahan barang.
4. Penyerahan barang mestilah diberikan kepada pemilik barang dan tidak boleh diwakilkan.
5. Penyerahan barang mestilah sesuai seperti pada akad di awal perjanjian.

---

<sup>59</sup> Wahbah al-Zuhaylī, 5:3608, Muhammad Taqī al-Uthmānī, 1:569.

<sup>60</sup> Muhammad Taqī al-Uthmānī, *Fiqh al-Buyū'* (Pakistan: Maktabah Ma'arif al-Qurān, 2015), 1:576.

## **2.6.3 Konsep Perkongsian *Musyārakah***

### **2.6.3.1 Definisi *musyārakah***

*Syirkah* atau *musyārakah* menurut bahasa ialah segala bentuk percampuran harta daripada dua orang yang tidak boleh dibezakan antara satu dengan yang lain. Ia juga bermakna segala bentuk percampuran harta atau lainnya. Menurut istilah, ahli fekah berbeza pendapat mengenai pengertian *syirkah* atau *musyārakah*. Menurut Mazhab Maliki syirkah ialah kebenaran melaburkan harta daripada dua orang pihak yang berkongsi dengan mengekalkan hak kedua pelabur. Mazhab Hambali mentakrifkan sebagai perhimpunan dalam hak dan pelaburan. Manurut mazhab Syafi'i ialah penetapan hak daripada dua orang atau lebih dengan cara perkongsian. Menurut mazhab Hanafi, ia merupakan akad perkongsian daripada kedua pihak yang berkongsi terhadap modal harta dan keuntungan yang tidak terhad kepada bentuk perkongsian dalam perniagaan.<sup>61</sup>

### **2.6.3.2 Asas konsep *musyārakah***

#### **1. Al-Quran**

Secara umum, konsep ini bertepatan dengan hukum syarak yang berdasarkan kepada al-Quran, Hadith dan ijmak para ulama. Firman Allah SWT.

فَإِنْ كَانُوا أَكْثَرَ مِنْ ذَلِكَ فَهُمْ شُرَكَاءُ فِي الْتُّلُّ

Al-Nisā' 4: 12

Terjemahan: Maka mereka bersekutu pada satu pertiga (dengan mendapat sama banyak lelaki dengan perempuan).

<sup>61</sup> Sayyid Sābiq, *Fiqh al-Sunnah*, 210. Muhammad Zuhaylī, *al-Mu'tamad fī al-Fiqh al-Shāfi'ī*, 3:303. Wahbah al-Zuhaylī, 5:3875-3876. Mughnī Muhtāj, 2:211.

Kemudian firman Allah SWT.

وَإِنَّ كَثِيرًا مِّنَ الْخُلَطَاءِ لَيَسْعَى بَعْضُهُمْ عَلَىٰ بَعْضٍ إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَقَلِيلٌ مَا هُمْ

Sād 38: 24

Terjemahan: Dan sesungguhnya kebanyakan dari orang-orang yang bergaul dan berhubungan (dalam berbagai-bagai lapangan hidup), setengahnya berlaku zalim kepada setengahnya yang lain, kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh; sedang mereka amatlah sedikit.

Berdasarkan ayat di atas, konsep *musyārakah* merupakan konsep perkongsian yang dibenarkan terhadap pemilikan harta. Dalam surah al-Nisā' 4: 12, berlakunya pemilikan harta secara langsung disebabkan oleh waris. Menurut imam al-Qurtubī, perkongsian pemilikan harta oleh waris yang dimaksud ialah ahli waris daripada saudara perempuan atau saudara laki-laki seibu turut sama bersyarikat (berkongsi) sepertiga harta pusaka dan dibahagikan sama rata.<sup>62</sup> Manakala dalam surah Sād 38: 24, maksud perkataan الْخُلَطَاءِ orang-orang yang bergaul dan berhubungan (dalam berbagai-bagai lapangan hidup) di sini ialah orang yang berkongsi.<sup>63</sup> Konsep perkongsian pemilikan harta dalam ayat ini disebabkan berlakunya akad.

## 2. Al-Sunnah

Manakala asas daripada hadith ialah hadith qudsi yang diriwayatkan oleh Abu Daud daripada Abu Hurairah dengan sanad yang hasan. Nabi SAW bersabda, Allah SWT berfirman:

إِنَّ اللَّهَ تَعَالَى يَقُولُ: أَنَا ثَالِثُ الشَّرِيكَيْنَ مَا مَمْ يَكُونُ أَحَدُهُمَا صَاحِبَةٌ، فَإِذَا خَانَ أَحَدُهُمَا صَاحِبَةٌ خَرَجَتْ مِنْ بَيْنِهِمَا.

<sup>62</sup> Tafsir al-Qurtubī, 5:66.

<sup>63</sup> Wahbah al-Zuhaylī, *Al-Fiqhu al-Islāmī wa Wadillatuh*, 5:3876, Abī Hasan Yahyā bin Abī al-Khair Sālim al-'Imrānī al-Shafī'i, *al-Bayān*, 6:359.

Terjemahan: Sesungguhnya Allah berfirman, Aku adalah pihak ketiga daripada dua orang yang bersyekat selama salah satu pihak tidak mengkhianati pihak yang lain. Jika salah satu pihak telah berkhianat, Aku keluar dari mereka.<sup>64</sup>

Hadith ini menyatakan bahawa Allah SWT akan menjaga dan menolong dua orang atau lebih dengan memberi keberkatan pada harta dan perniagaan mereka selagimana mereka bersikap jujur dan amanah, tetapi jika mereka tidak jujur dan pecah amanah. Maka Allah SWT menurunkan musibah kepada mereka sehingga berlaku pergaduhan dan kerugian.<sup>65</sup>

### **2.6.3.3 Jenis-jenis *syirkah***

Jenis-jenis *syirkah* terbahagi kepada dua bahagian iaitu:<sup>66</sup>

- 1. *Syirkah amlak***

*Syirkah amlak* ialah perkongsian pemilikan harta daripada orang tertentu tanpa akad. Seperti hibah, wasiat, waris, atau yang berlaku pada keadaan tertentu yang mengakibatkan perkongsian pemilikan harta oleh dua orang atau lebih.

- 2. *Syirkah aqad***

*Syirkah aqad* ialah akad perkongsian antara dua orang atau lebih dengan masing-masing memberikan modal pada jumlah tertentu dengan matlamat mendapatkan keuntungan.

*Musyārakah aqad* terbahagi kepada empat bahagian iaitu, *syirkah ‘inān*, *syirkah mufawaḍah*, *syirkah abdan* dan *syirkah wujūh*. Daripada keempat-empat *syirkah* tersebut, ulama’ ikhtilaf untuk menerima semua konsep tersebut. Majoriti

---

<sup>64</sup> Hadith riwayat Abu Daud no.3383, *al-Bay’ wa al-Ijārah, Bāb Syirkah*, no.3383.

<sup>65</sup> Muṣṭafa al-Khin 5:219, Wahbah al-Zuḥaylī 5:3876.

<sup>66</sup> Muhammad ibn Ahmad ibn Muhammad ibn Ahmad ibn Rusyd al-Qurtubī, *al-Bidāyah al-Mujtahid wa al-Nihāyah al-Muqtasid* (Mesir: Maktabah al-Taufiqiyah, tt), 2:389.

ulama' mazhab menerima *syirkah 'inān*, manakala syirkah yang lain ada yang menerima dan ada yang menolak. Mazhab Hanafi menerima konsep syirkah secara keseluruhan, mazhab Maliki menolak *syirkah wujūh*, mazhab Syafi'i hanya menerima *syirkah 'inān* sahaja, manakala mazhab Hambali hanya menolak *syirkah mufawwadah*.<sup>67</sup>

- 1) *Syirkah 'inān* merupakan konsep perkongsian yang yang dipersetujui oleh ahli fekah, ia merupakan perkongsian yang dianggotai oleh dua orang atau lebih dengan masing-masing meyumbangkan suatu bahagian yang berbentuk harta daripada nisbah modal keseluruhan, mengetahui kadar keuntungan daripada modal yang dikongsikan, mengetahui kadar usaha dan modal yang dikongsikan untuk mendapatkan keuntungan. Namu tidak disyaratkan modal, usaha dan keuntungan mestilah sama. Bahkan boleh menyumbangkan modal lebih banyak daripada peserta yang lain sepermata yang disepakati.<sup>68</sup> Adapun syarat-syarat *syirkah 'inan* sepermata berikut:<sup>69</sup>
  1. Lafaz *ijāb* dan *qabūl* mesti dinyatakan dengan jelas oleh setiap rakan kongsi kepada rakan kongsi yang lain untuk menjalankan perniagaan.
  2. Setiap rakan kongsi mestilah baligh, berakal dan tidak ditahan daripada menggunakan harta.
  3. Modal yang dikongsi mestilah harta yang sama.
  4. Perkongsian terhadap harta.
  5. Mengetahui kadar keuntungan.
  6. Pihak yang berkongsi mengetahui kadar usaha yang dilakukan terhadap harta yang dilaburkan.

<sup>67</sup> Sayyid Sābiq, 3:211.

<sup>68</sup> Sayyid Sābiq 3:212, Mustafa al-Khin, 3:221.

<sup>69</sup> Ibn Rusyd al-Qurtubī, *al-Bidāyah al-Mujtahid wa al-Nihāyah al-Muqtasid*, 2:389. Muṣṭafa al-Khin, 3:221.

7. Menghimpunkan modal syarikat.
  8. Keuntungan dan kerugian berdasarkan perkongsian modal.
- 2) *Syirkah mufawādah* ialah jenis perkongsian dua orang atau lebih dan mereka berkongsi semua harta mereka dengan bersama. Mereka beroleh keuntungan dan kerugian bersama-sama. Maka syarat utama daripada konsep ini ialah, kesamaan modal yang diberikan dan keuntungan yang diperolehi, syarikat, tanggungjawab, dan beban hutang ditanggung bersama-sama.<sup>70</sup>
- 3) *Syirkah abdan* atau perkongsian kerja ialah perkongsian yang dianggotai oleh dua orang atau lebih yang masing-masing menyumbangkan kerja tetapi tidak menyumbangkan modal. Mereka memiliki kemahiran yang sama atau berlainan namun mereka mendapat tawaran pekerjaan dan mengusahakannya melalui kemahiran tersebut. Keuntungan mereka akan diperolehi secara sama rata atau berbeza.<sup>71</sup>
- 4) *Syirkah wujūh* ialah perkongsian yang berlaku pada dua orang atau lebih dalam kalangan mereka sama ada yang berpengaruh dalam kalangan masyarakat atau yang memiliki kemahiran dalam perniagaan. Mereka membeli barang daripada syarikat secara hutang dan menjual barang tersebut dengan tunai, manakala keuntungan yang diperolehi akan dikongsi bersama secara sama rata atau mengikut persetujuan yang dibuat. Oleh yang demikian, modal tidak diperlukan oleh peserta ahli.<sup>72</sup>

---

<sup>70</sup> *Ibid.*, 3:316.

<sup>71</sup> *Ibid.*

<sup>72</sup> Sayyid Sābiq 3:212, Muṣṭafa al-Khin, 3:221..

## **2.6.4 Konsep Perkongsian *Mudārabah***

### **2.6.4.1 Definisi *mudārabah***

Perkataan *mudārabah* masyhur digunakan oleh penduduk Iraq, manakala perkataan *qirādh* digunakan oleh penduduk Hijaz dengan maksud bahagian. Kerana pihak pemodal memberikan bahagian modal kepada pengusaha yang akan menguruskannya, hasil daripada usaha tersebut pihak pemodal akan memberikan bahagian keuntungan kepada pengusaha. Penduduk Iraq menamakannya *qiraḍ mudārabah* yang bermaksud dua pihak yang berakad untuk berkongsi keuntungan. Perkataan *mudārabah* diambil dari kata *darban fi al-ard* yang bermaksud bermusafir.<sup>73</sup> Kerana kebiasannya perniagaan akan membabitkan perjalanan jauh untuk memperoleh barang, memasarkan, mengaut keuntungan dan sebagainya.

Makna *mudārabah* menurut istilah syarak ialah pihak pemodal memberikan modal dalam bentuk harta kepada pengusaha untuk diusahakan dan diniagakan, dan keuntungan akan dikongsikan kepada kedua pihak mengikut syarat yang disepakati. Manakala kerugian dikenakan kepada pemodal. Pengusaha tidak menanggung kerugian apa-apa. Dia hanyalah rugi kerja dan tenaga.<sup>74</sup>

*Mudārabah* merupakan akad perkongsian antara pemodal dan pengusaha, pemodal memberikan modal 100 peratus kepada pengusaha. Keuntungan dibahagi mengikut nisbah tertentu sama ada satu pertiga, satu perempat, atau separuh menurut persetujuan pada awal kontrak perjanjian.<sup>75</sup> Manakala kerugian ditanggung oleh pemodal selagi kerugian tersebut

---

<sup>73</sup> Sayyid Sābiq 3:152, Wahbah al-Zuḥaylī, 5:3923-3924.

<sup>74</sup> *Ibid.*

<sup>75</sup> Zaharuddin Abd. Rahman, *Panduan Perbankan Islam, Kontrak dan Produk Asas* (Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn Bhd, 2009), 81.

bukan disebabkan oleh kecuaian pengusaha. Jika kerugian disebabkan oleh kecuaian pengusaha, maka pengusaha mesti bertanggungjawab ke atas kerugian tersebut.<sup>76</sup>

#### 2.6.4.2 Asas konsep *mudārabah*

Para fuqaha bersepakat bahawa bermuamalah dengan konsep *mudārabah* bersumberkan al-Quran, dan hadith.

##### 1. Al-Quran

وَإِخْرُونَ يَضْرِبُونَ فِي الْأَرْضِ يَبْتَغُونَ مِنْ فَضْلِ اللَّهِ وَإِخْرُونَ يُقْنَطُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ

Al-Muzzammil 73: 20

Terjemahan: Dan yang lainnya orang-orang yang musafir di muka bumi untuk mencari rezeki dari limpah kurnia Allah dan yang lainnya lagi orang-orang yang berjuang pada jalan Allah (membela agamaNya)."

Daripada surah al-Muzammil 73:20 ini, kata يَضْرِبُونَ فِي الْأَرْضِ bermakna pihak pengusaha perlu bermusafir mencari kurniaan Allah. Perkataan tersebut sama dengan akar kata *mudārabah* yang bererti melakukan perjalanan usaha perniagaan dengan menghabiskan waktu, tenaga dan fikiran.

وَإِذَا ضَرَبْتُمْ فِي الْأَرْضِ

Al-Nisā 4: 101

Terjemahan: Dan apabila kamu musafir di muka bumi.

Maksud bermusafir di muka bumi daripada ayat di atas ialah untuk menjalankan perniagaan. Ianya menyamai dengan maksud kata *mudārabah*. Kerana masing-masing kedua pihak yang menjalankan perniagaan menghendaki keuntungan daripada harta yang diusahakan.

<sup>76</sup> Muhammad Syafi'i Antonio, *Bank Syariah Dari Teori Ke Praktik*, ed. ke-19 (Gema Insani: 2012), 95.

Kemudian firman Allah SWT:

فَإِذَا قُضِيَتِ الْأَصْلَوَةُ فَانْتَشِرُوا فِي الْأَرْضِ وَابْتَغُوا مِنْ فَضْلِ اللَّهِ وَإِذْ كُرُوا إِلَهُكُمْ كَثِيرًا لَعَلَّكُمْ  
ثُقْلِحُونَ ﴿١٠﴾

Al-Jum'ah 62: 10

Terjemahan: Kemudian setelah selesai sembahyang, maka bertebaranlah kamu di muka bumi (untuk menjalankan urusan masing-masing) dan carilah apa yang kamu hajati dari limpah kurnia Allah, serta ingatlah akan Allah banyak-banyak (dalam segala keadaan), supaya kamu berjaya (di dunia dan di akhirat).

Mengikut surah Al-Jum'ah 62: 10 di atas, Allah SWT menggalakkan melakukan usaha untuk mencari rezeki selepas sahaja melaksanakan solah Jumaat. Termasuklah menjalankan perniagaan dalam perbagai konsep yang dibenarkan oleh syarak. Antaranya ialah konsep *mudārabah*.

## 2. Hadith riwayat al-Tabārānī daripada Ibnu Abbas r.a.

كَانَ سَيِّدُنَا الْعَبَاسُ بْنُ عَبْدِ الْمُطَّلِبِ إِذَا دَعَى الْمَالَ مُضَارَّةً أَشْرَطَ عَلَى صَاحِبِهِ أَنْ لَا يَسْتَلِكَ بِهِ بَخْرًا، وَلَا  
يَنْزِلَ بِهِ وَادِيًا، وَلَا يَسْتَرِي بِهِ ذَاتَ كَبِيرٍ رَطْبَةً، فَإِنْ فَعَلَ ذَلِكَ ضَمْنَ، فَبَلَغَ شَرْمَلَةَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ  
عَلَيْهِ وَآلِهِ وَسَلَّمَ فَأَخَذَهُ (رواه الطبراني في الأوسط عن ابن عباس)

Terjemahan: Abbas bin Abdul Muttallib jika menyerahkan hartanya sebagai *mudārabah*, ia mensyaratkan kepada agar tidak melintasi laut dan tidak menuruni lembah, dan tidak membeli ternak. Jika syarat itu dilanggar, dia (*mudārib*) mesti menanggung risiko. Apabila persyaratan yang ditetapkan oleh Abbas telah didengar oleh Rasulullah, beliau membenarkannya.<sup>77</sup>

Kemudian Hadith riwayat Ibnu Mājah daripada Ṣuhaib r.a.

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : تَلَاقَتْ فِيهِنَّ الْبَرَكَةُ : الْبَيْعُ إِلَى أَجْلٍ، وَالْمُفَازَضَةُ، وَخُلُطُ الْبَيْرِ بِالشَّعِيرِ لِلْبَيْتِ لَا  
لِلْبَيْعِ (رواه ابن ماجه عن صحيب)

<sup>77</sup> Hadith riwayat al-Tabārānī, *al-Awsat*, *Majma‘ al-Zawāid*, 4:161. Al-Bayhaqī, 6:111.

Terjemahan: Nabi bersabda, terdapat tiga perkara yang mengandungi berkat: membeli dan menjual bukan tunai, *muqāraḍah* (*muḍārabah*), dan mencampurkan gandum dengan bijih untuk keperluan rumah tangga, bukan untuk dijual.<sup>78</sup>

Walaupun sanad kesemua hadith ini lemah, tetapi secara keseluruhan semua sanad saling kukuh-memperkuuh antara satu dengan yang lain.<sup>79</sup>

#### **2.6.4.3 Rukun dan syarat *mudārabah***

Rukun *mudārabah* menurut majoriti ulama ada 3 rukun iaitu, pihak yang berakad (pemodal dan pengusaha), perkara yang diakadkan (modal, kerja, dan keuntungan), sighah (lafaz *ijāb* dan *qabūl*).<sup>80</sup> Manakala menurut mazhab Syafi'i ada 5 rukun seperti berikut:<sup>81</sup>

1. Pemodal (pihak yang berakad)
2. Pengusaha (pihak yang berakad)
3. Modal (perakara yang diakadkan)
4. Keuntungan (perkara yang diakadkan)
5. Lafaz *ijaāb* dan *qabūl* (sighah)

##### **1) Syarat pemodal<sup>82</sup>**

- a. Pemodal mesti bersifat terbuka.
- b. Kerugian ditanggung oleh pemodal.
- c. Keuntungan dikongsi antara pemodal dan pengusaha.

<sup>78</sup> Hadith riwayat Ibnu Mājah, *Sunan Ibnu Mājah*, *Kitāb al-Tijārah*, *Bāb al-Shirkah wa al-Muḍārabah*, no.2289 (Kaherah: Dār al-Hadīth, 2010), 2:314.

<sup>79</sup> *Fiqh al-Manhajī*, 3:230.

<sup>80</sup> Wahbah al-Zuhaylī, 5:3928.

<sup>81</sup> *Ibid.*, Muhammad al-Zuhaylī, 3:283.

<sup>82</sup> *Fiqh al-Manhajī*, 3:235-236.

**2) Syarat pengusaha<sup>83</sup>**

- a. Pengusaha bebas menguruskan modal dan bekerja.
- b. Pengusaha adalah pihak yang memegang amanah.
- c. Pengusaha tidak boleh membeli sesuatu untuk pelaburan dengan harga yang melebihi modal dan keuntungan yang bakal diperolehi.
- d. Pengusaha tidak harus membawa modal bersama dalam perjalanan tanpa izin pemodal.
- e. Pengusaha tidak boleh menjual secara hutang.
- f. Pengusaha tidak dibenarkan mengambil pengusaha lain untuk bekerja dan berkongsi keuntungan walaupun dibenarkan oleh pemodal.
- g. Pengusaha tidak boleh menggunakan pelaburan untuk kegunaan peribadi.

**3) Syarat modal adalah seperti berikut.<sup>84</sup>**

- a. Modal dalam bentuk wang.
- b. Modal mestilah dalam jumlah tertentu.
- c. Modal dalam bentuk tunai bukan hutang.
- d. Modal mestilah diserah langsung kepada pengusaha.

**4) Syarat keuntungan ataranya seperti berikut.<sup>85</sup>**

- a. Mengetahui kadar keuntungan, kerana maksud akad dibuat untuk mendapatkan keuntungan.
- b. Keuntungan mesti dikongsi bersama pemodal dan pengusaha.

---

<sup>83</sup> *Fiqh al-Manhajī*, 3:236.

<sup>84</sup> Sayyid Sābiq, 3:155-156, *Fiqh al-Manhajī*, 3:233.

<sup>85</sup> *Ibid.*

Pemodal mendapatkan keuntungan berdasarkan modal miliknya, sementara pengusaha memperolehi keuntungan daripada hasil usahanya.

- c. Menentukan keuntungan keseluruhan tidak boleh ditetapkan kepada pihak pemodal.
- d. Keuntungan dalam bentuk kadar tertentu. Seperti sepertiga, seperempat, atau setengah.

#### 5) Syarat lafaz *ijāb* dan *qabūl* (sighah)<sup>86</sup>

- a. Lafaz atau sighah ialah persetujuan dengan kata-kata untuk mewujudkan kontrak dan perkongsian di antara pihak yang berakad (pelabur dan pengusah). Setelah melafazkan sighah, mestilah terus berkuat kuasa.
  - 1. Lafaz penawaran atau *ijāb*, “*saya melabur pada kamu*”.
  - 2. Lafaz persetujuan atau *qabūl*, “*saya terima*”.
- b. Sebahagian ulama, sighah tidak disyaratkan lafaz tertentu, tetapi perlu menyempurnakan akad yang telah disetujui oleh kedua pihak yang berkongsi tanpa perlu menyebutkan lafaz atau sighah.<sup>87</sup>

---

<sup>86</sup> *Fiqh al-Manhajī*, 3:232. Muhammad al-Zuhaylī, 3:243-244.

<sup>87</sup> Sayyid Sābiq, 3:155.

## **2.7 Kesimpulan**

Perniagaan dalam muamalah Islam secara amalan adalah sama dengan perniagaan konvensional. Perbezaan antara kedua-duanya ialah sumber dan konsep yang diamalkan. Perniagaan kovensional dihasilkan oleh percubaan dan pengalaman manusia. Konsep perniagaan Islam adalah bersumberkan wahyu Allah, tetapi disandarkan kepada sumber-sumber yang berautoriti yang diiktifat oleh para ulama seperti Al-Quran, Sunnah, Ijmak, *qiyās* dan lainnya. Matlamat perniagaan menurut muamalah Islam bukan hanya bergantung kepada keuntungan duniawi semata-mata, tetapi juga untuk matlamat kejayaan akhirat. Berbeza dengan perniagaan konvensional yang hanya mengamalkan amalan riba dan bermatlamatkan keuntungan duniawi semata-mata. Konsep perniagaan yang bertepatan dengan syarak merupakan suatu kewajipan yang mesti difahami oleh para perniaga muslim. Antara perkara penting konsep yang perlu diamalkan ialah bebas daripada amalan riba, *gharar* dan *maysir*. Bagi mengelakkan perkara tersebut, Islam merupakan agama yang sempurna dalam setiap aspek kehidupan bagi menyelesaikan segala permasalahan yang berlaku. Antara konsep yang sesuai dengan syarak ialah *murābahah*, *salam*, *musyārakah*, *muḍārabah*.

**BAB TIGA**  
**KONSEP OPERASI PERNIAGAAN KOPERASI**  
**BAITUL QIRADH BABURRAYYAN**

### **3.1 PENGENALAN**

Negeri Aceh merupakan wilayah yang terletak di bahagian barat kepulauan Sumatera, Indonesia. Ia berhampiran dengan wilayah-wilayah iaitu di bahagian Utara bersempadan dengan Selat Melaka, bahagian Selatan bersempadan dengan Sumatera Utara, dan bahagian Barat bersempadan dengan samudera Indonesia. Ibu kota Aceh berpusat di Banda Aceh. Jumlah penduduk Aceh pada tahun 2015 seramai lima juta satu ribu sembilan puluh lima 5,001,95 orang. Bilangan penduduk lelaki seramai dua juta empat ratus sembilan puluh tujuh ribu empat puluh sembilan 2,497,49 orang, dan bilangan penduduk wanita seramai dua juta lima ratus empat ribu empat puluh enam 2,504,46 orang.<sup>1</sup> Manakala keluasan Aceh sebanyak 5,677,081 hektar. Berdasarkan keluasan tersebut, kawasan hutan merupakan kawasan terluas sehingga mencapai 2,270,080 hektar. Manakala Kawasan perladangan pula, seluas 700,350 hektar. Sehingga tahun 2013 Aceh mempunyai 5 buah bandar, 18 buah daerah/kabupaten, 289 buah kawasan, 779 pemukiman, dan 6,474 buah perkampungan.<sup>2</sup>

Kota Takengon merupakan ibu kota Aceh Tengah, salah satu daerah di wilayah Aceh. Ia merupakan dataran tinggi dengan ketinggian antara 200-2600 meter dari atas permukaan laut. Manakala daratan Aceh Tengah seluas empat juta tiga ratus lapan belas ribu dua puluh sembilan 4,318,39 km<sup>2</sup>.<sup>3</sup> Berdasarkan keadaan geografiknya, Aceh Tengah memiliki sempadan-sempadan seperti berikut, iaitu Bahagian Utara bersempadan dengan

---

<sup>1</sup> Badan Pusat Statistik (BPS) Aceh, “Provinsi Aceh Dalam Angka 2016”, 39.

<sup>2</sup> *Ibid.*, 11.

<sup>3</sup> Badan Pusat Statistik (BPS) Kabupaten Aceh Tengah, “Aceh Tengah Dalam Angka 2016”, 8.

daerah Bener Meriah, Bahagian Selatan bersempadan dengan daerah Gayo Lues, Bahagian Barat bersempadan dengan daerah Nagan Raya, dan Bahagian Timur bersempadan dengan daerah Aceh Timur.



**Gambar 3.1.** Pencarian google dicapai 7 Disember 2017.

Jumlah penduduk Aceh Tengah seramai 196,090 orang, yang terdiri daripada 99,011 penduduk lelaki dan 97,079 bilangan penduduk wanita. Aceh Tengah memiliki 14 buah kawasan.<sup>4</sup>

**Jadual 3.1.** Jumlah Penduduk Aceh Tengah Mengikut Bilangan Jantina 2015.

Bil	Kawasan/Kecamatan	Jumlah Bilangan Penduduk Tahun 2015		
		Lelaki	Perempuan	Jumlah
1	Linge	4,852	4,931	9,783
2	Atu Lintang	3,231	3,251	6,482
3	Jagong Jeget	4,967	4,944	9,911
4	Bintang	4,735	4,765	9,500
5	Lut Tawar	10,256	9,809	20,065

<sup>4</sup> *Ibid.*, 3.

**Jadual 3.1. Sambungan**

6	Kebayakan	7,931	7,754	15,685
7	Pegasing	9,922	9,786	19,708
8	Bies	3,644	3,521	7,165
9	Bebesen	19,611	18,755	38,366
10	Kute Panang	3,739	3,874	7,613
11	Silih Nara	11,670	11,278	22,948
12	Ketol	6,347	6,324	12,671
13	Celala	4,659	4,687	9,346
14	Rusip Antara	3,447	3,400	6,847
<b>Jumlah</b>		<b>99,011</b>	<b>97,079</b>	<b>196,090</b>

Sumber: Jabatan Badan Pusat Statistik Aceh Tengah 2016.

### 3.1.1 Jumlah Penganut Agama Islam Daerah Aceh Tengah

Negeri Aceh memiliki pengaruh terpenting bagi menyebarluaskan agama Islam di Indonesia. Menurut sejarah, Aceh merupakan tempat pertama tersebarnya agama Islam dan kerajaan Islam di Indonesia. Islam mula tersebar di Indonesia pada abad ke-9 melalui para pedagang dari Gujarat. Kerajaan Islam pertama di Indonesia ialah kerajaan Aceh Perlak dan Kerajaan Pasai. Pada masa itu, wilayah kerajaan Islam telah menguasai sebahagian besar pantai bahagian Barat dan bahagian Timur Sumatera sehingga ke Semenanjung Melaka. Kemuncak kejayaan kerajaan Islam di Aceh ialah pada masa kepimpinan Sultan Iskandar Muda pada awal abad ke-17.<sup>5</sup> Pada masa itu, pengaruh agama dan budaya Islam begitu besar dalam kehidupan seharian masyarakat Aceh, sehingga diberi nama sebagai *seuramo mekkah* atau serambi Mekah. Wilayah Aceh merupakan satu-satunya wilayah autonomi khas yang mendapat kebenaran untuk menjalankan undang-undang Islam berdasarkan undang-undang nombor 18 yang dikeluarkan pada tahun 2001.<sup>6</sup>

Menurut data pusat statistik pada tahun 2015, Aceh merupakan wilayah yang didiami oleh majoriti penduduk yang beragama Islam seramai 4,867,295 daripada jumlah

<sup>5</sup> Badan Pusat Stastistik Aceh, 3.

<sup>6</sup> Natangsa Surbakti, "Penegakan Hukum Pidana Islam (Jinayah) Di Provinsi Nanggroe Aceh Darussalam, *Jurnal Media Hukum* 17, no. 2 (2010), 190-191.

penduduk Aceh yang seramai 5,001,953 orang. Berdasarkan jumlah tersebut, bilangan penduduk Aceh Tengah yang beragama Islam seramai 224,440 orang. Walaupun agama Islam sebagai agama majoriti yang dianut oleh penduduk Aceh Tengah, agama selain Islam boleh mengamalkan agama mereka dengan kepercayaan masing-masing. Namun, agama selain Islam adalah pendatang dari wilayah lain. Sehingga tahun 2015, terdapat empat agama yang dianut di Aceh Tengah iaitu: Agama Kristian Protestan, Katolik, Hindu dan Buddha.<sup>7</sup>

### **3.2 MANFAAT KOPI**

Kopi merupakan minuman yang bermanfaat dan digemari oleh masyarakat seluruh dunia. Antara manfaat kopi ialah, kopi dapat membangkitkan potensi yang tersembunyi yang dimiliki oleh seseorang, menajamkan fikiran dan meningkatkan stamina badan. Dalam aspek kesihatan pula, menurut Khatherine Zeratsky, RD. LD merupakan pakar nutrisi dari Mayo Clinic menyatakan bahawa kopi dapat mengurangkan risiko penyakit hati autoimun *Primary Sclerosing Cholangitis* (PSC). Tambahan pula, kafein pada kopi juga dapat membantu menurunkan berat badan atau mencegah kenaikan berat badan.<sup>8</sup> Menurut Ade Wachjar, pengkaji kopi dari Institut Pertanian Bogor (IPB) pula, kopi yang mengandungi kafein rendah paling baik bagi penyakit asid perut atau penyakit jantung, darah tinggi, mengurangkan serangan diabetes, kanser kolon, sirosis hati, batu karang, sakit kepala dan mencegah gigi berlubang.<sup>9</sup>

---

<sup>7</sup> *Ibid.*, 153.

<sup>8</sup> Syukri Muhammad Syukri, *Hikayat Negeri Kopi* (Jakarta: PT. Gramedia Widiasarana, 2016), 145.

<sup>9</sup> *Ibid.*, 148.

### 3.3 KOPI GAYO

Kopi Gayo merupakan kopi Arabika yang berasal dari Dataran Tinggi Gayo, Aceh, Indonesia. Dataran Tinggi Gayo merupakan daerah pergunungan yang terletak di wilayah Aceh, termasuk Aceh Tengah dengan ketinggian antara 200-2600 meter dari atas permukaan laut, yang meliputi Bener Meriah, dan Gayo Lues, Aceh, Indonesia.<sup>10</sup> Kopi Gayo dikenali seluruh dunia kerana memiliki aroma dan kenikmatan yang khusus. Kopi Gayo memiliki citarasa khas dengan ciri utama iaitu aroma dan perisa yang kompleks dan pekat. Menurut kajian *International Conference On Coffee Science*, kopi Gayo ini merupakan *The Best No.1* berbanding kopi Arabika yang lain.<sup>11</sup>



**Gambar 3.2.** Pencarian google kopi Gayo, dicapai 10 November 2017.

Kopi Gayo Arabika merupakan kopi Arabika berdaftar yang diiktiraf oleh kerajaan Indonesia melalui sijil Indikasi Giografis (IG) dengan nombor ID G0000005<sup>12</sup> dan organisasi perdagangan kopi antarabangsa melalui pensijilan Kopi Organik, pensijilan *FLO*

<sup>10</sup> IPTC Hambrug, *Market Brief Kopi di Pasar Jerman* (Jabatan Kementerian Perdagangan Republik Indonesia, 2013), 7.

<sup>11</sup> Lagi-lagi Kopi Aceh Raih Juara Pertama Nasional, laman sesawang BPTP Aceh, dicapai, 15 September 2017,[http://nad.litbang.pertanian.go.id/ind/index.php?option=com\\_content&view=article&id=169:kopi-arabika-campuran-timtim-dengan-varietas-lain-sebagai-pemenang&catid=4:info-aktual](http://nad.litbang.pertanian.go.id/ind/index.php?option=com_content&view=article&id=169:kopi-arabika-campuran-timtim-dengan-varietas-lain-sebagai-pemenang&catid=4:info-aktual).

<sup>12</sup> Irfan Anwar, "Indonesia Coffee Market", *Kertas Kerja Persatuan Pengekspor Kopi Indonesia di Bali*, 7 November, 2014.

*Cert Fair Trade*, dan pensijilan *Coffee Practice* bagi syarikat *Starbuck Coffee*.<sup>13</sup> Kopi Gayo merupakan kopi istimewa yang telah dikaji melalui *cupping test* dengan memperolehi *cupping score* sehingga 85,34 oleh *Specialty Coffee Association of Indonesia* (SCAI) di Bali pada 9-10 Oktober 2010. Pada saat itu, kopi Gayo meraih tempat pertama peringkat kebangsaan dalam acara *lelang* kopi di Indonesia. Akhirnya, kopi Gayo mendapat tawaran tertinggi oleh syarikat *TONY'S Coffee and Tea* yang berasal Amerika Syarikat.<sup>14</sup>

### 3.3.1 Sejarah Kopi Gayo

Kopi bukanlah tanaman baru. Ia dikenali sebagai minuman bahan mentah yang menyegarkan dalam kalangan suku Galla di negara Afrika bahagian timur pada tahun 1,000 tahun Sebelum Masihi (SM). Perkembangan kopi mula meluas pada tahun 5 Masihi ke pelusuk negara Ethiopia. Seterusnya, pada tahun 700-1000, kopi mula dikenali oleh bangsa Arab dan terus tersebar seiring dengan penyebaran agama Islam.<sup>15</sup>

Perkembangan kopi di Nusantara pula, adalah melalui penjajahan Belanda yang memiliki peranan penting dalam mengembangkan pertanian kopi di Indonesia. Mereka telah memperkenalkan tanaman kopi Arabika di pulau Jawa pada tahun 1699. Manakala di Dataran Tinggi Gayo, penjajah Belanda mula membina perladangan kopi Arabika di daerah Paya Tumpi, Aceh Tengah pada tahun 1924.<sup>16</sup>

---

<sup>13</sup> Syaiful Ariyanto (Pegawai Bahagian Pensijilan Kopi Gayo di Syarikat PT. Sumatera Jaya Kopi), dalam temu bual dengan penulis 2 Ogos 2017.

<sup>14</sup> Syukri Muhammad Syukri, *Hikayat Negeri Kopi*, 41.

<sup>15</sup> *Ibid.*, 26.

<sup>16</sup> *Ibid.*, 2.

### **3.3.2 Luas Tanah dan Bilangan Petani Kopi Gayo**

#### **3.3.2.1 Luas Tanah**

Secara umum, kopi terbahagi kepada dua jenis iaitu kopi Arabika dan kopi Robusta. Kopi Arabika ditanam di dataran tinggi pada ketinggian 700 meter dari atas permukaan laut, manakala kopi Robusta ditanam di dataran rendah pada ketinggian 300-700 meter dari atas permukaan laut.<sup>17</sup>

Dataran Tinggi Gayo merupakan kawasan yang memiliki tanah kopi Arabika terluas di Indonesia. Menurut data statistik yang dikeluarkan pada tahun 2016,<sup>18</sup> luas perladangan kopi Gayo pada tahun 2014, yang meliputi kawasan Aceh Tengah, Bener Meriah dan Gayo Lues ialah 99,564 hektar dengan keluaran 38,943 tan setahun. Manakala tahun 2015, ia meningkat sehingga 41,847 tan setahun. Purata setiap satu hektar tanah kopi boleh menghasilkan 600-700 kilogram setahun. Berdasarkan jumlah tersebut, luas perladangan kopi di Aceh Tengah ialah 48,300 hektar dengan keluaran 29,239 tan setahun. Kawasan-kawasan ini memiliki peningkatan perladangan dan jumlah keluaran yang signifikan.<sup>19</sup>

**Jadual 3.2.** Kawasan Pengeluar Kopi Arabika Gayo Aceh 2014-2015.

Bila	Nama Daerah	Tahun 2014		2015	
		Luas Tanah ( Ha)	Keluaran ( Tan)	Luas Tanah (Ha)	Keluaran (Tan)
1	Aceh Tengah	48,300	26,851	48,320	29,239
2	Bener Meriah	47,370	11,029	43,370	11,526
3	Gayo Lues	3,894	1,063	3,894	1,082
<b>Jumlah</b>		<b>99,564</b>	<b>38,943</b>	<b>95,584</b>	<b>41,847</b>

Sumber: Badan Pusat Statistik Aceh 2016.

<sup>17</sup> *Ibid.*, 26.

<sup>18</sup> Badan Pusat Statistik Provinsi Aceh, 228.

<sup>19</sup> *Ibid.*

### **3.3.2.2 Bilangan Petani**

Petani memainkan peranan penting dalam pengeluaran kopi. Di Dataran Tinggi Gayo, kopi ditanam oleh petani dalam skala kecil dengan purata satu hektar setiap petani. Jumlah ini meningkat dari tahun ke tahun. Sehingga tahun 2014, bilangan petani seramai 76,976 orang. Manakala tahun 2015 meningkat sehingga 76,996 orang yang tersebar di Aceh Tengah, Bener Meriah dan Gayo Lues.<sup>20</sup>

**Jadual 3.3.** Bilangan Petani Kopi Gayo Dataran Tinggi Gayo 2014-2016.<sup>21</sup>

Kawasan	Jumlah Petani	
	2014	2015
Aceh Tengah	36,684	36,704
Bener Meriah	33,934	33,943
Gayo Lues	6,358	6,358
Jumlah	76,976	76,996

Sumber: Data statistik perladangan kopi Arabika Indonesia 2014-2016 dan 2015-2017.

### **3.3.3 Perkembangan Koperasi Kopi Gayo**

Seiring dengan peningkatan perniagaan kopi Gayo ke pasaran antarabangsa, perkembangan koperasi yang beroperasi dalam perniagaan kopi juga semakin meningkat. Sehingga tahun 2017, jumlah koperasi yang terdaftar di bawah kerajaan daerah Aceh Tengah, Wilayah Aceh ialah sebanyak 20 buah koperasi. Koperasi yang beroperasi dalam perdagangan eksport sebanyak 7 buah koperasi.<sup>22</sup>

**Jadual 3.4.** Senarai Koperasi Perniagaan Eksport Kopi Gayo Aceh Tengah.

Bil	Nama Koperasi
1	KBQ Baburayyan
2	KSU Arinagata
3	Koperasi Kopi Gayo Organik

<sup>20</sup> Data Statistik Perladangan Kopi Arabika Indonesia 2014-2016, 63.

<sup>21</sup> Data Statistik Perladangan Kopi Arabika Indonesia 2015-2017, 63, 69-70.

<sup>22</sup> Jabatan Koperasi dan Usaha Kecil dan Menengah Kabupaten Aceh Tengah. *Koperasi Kopi di Kabupaten Aceh Tengah* 2017.

**Jadual 3.4.** Sambungan.

4	KSU Rahmat Kinara
5	Koperasi Adil Wiladah Mabrus
6	Koperasi Pedagang Kopi (KOPEPI) Ketiara
7	Koperasi Sara Ate

Sumber: Jabatan Koperasi dan Usaha Kecil dan Menengah Kabupaten Aceh Tengah.

### 3.3.4 Jumlah Jualan dan Pemasaran Kopi Gayo

Koperasi dan syarikat memiliki peranan penting dalam pemasaran kopi Gayo yang telah meningkat dari semasa ke semasa, bermula dari negara membangun sehingga ke negara maju. Walaupun syarikat-syarikat ini merupakan pendatang baru dalam perniagaan kopi kerana pada awal perniagaan kopi ini dipelopori oleh koperasi di Dataran Tinggi Gayo termasuk Aceh Tegah. Pemasaran kopi Gayo di kawasan Aceh Tengah antara tahun 2014 hingga 2016 memiliki peningkatan yang signifikan. Pengaruh terpenting daripada pemasaran kopi Gayo ialah promosi melalui ekspo kopi dunia yang diadakan pada setiap tahun. Dalam jadual 3.5 di bawah ini, antara negara tujuan eksport kopi Gayo ialah negara Amerika Syarikat, Kanada, Belanda, dan Australia kemudian negara yang lain.

**Jadual 3.5.** Jumlah Jualan dan Pemasaran Koperasi Kopi Gayo 2014-2016.

Bil	Nama Koperasi dan Syarikat	Jualan Tahun 2014-2016/kg			Negara Yang Dieksport
		2014	2015	2016	
1	KBQ Baburayyan	2,248,600	1,689,600	1,494,000	AS, Kanada, Australia, New Zealand
2	Koperasi Ketiara	380,425.30	656,400	1,110,013,4	AS, Belanda, Turki, Malaysia, Taiwan, Hong Kong dan Jerman

**Jadual 3.5. Sambungan.**

3	Syarikat Ketiara	200,403,30	356,785	449,857,12	AS, Taiwan, Inggris, Jepun, Arab Saudi
4	Syarikat Ardinalta Mandiri	2,119,211,35	2,012,449,5	798,059,3	AS, Belanda, Kanada, Taiwan
5	Syarikat Gayo Mandiri Coffee	137,015	377,260,3	1,029,152	AS, Mexico, Swiden, Rusia, Jerman, Ireland, Hong Kong, Korea.

Sumber: Jabatan Perindustrian, Perdagangan, Koperasi, Energi dan Sumber Daya Mineral, Aceh Tengah.

### **3.4 LATAR BELAKANG KOPERASI BAITUL QIRADH BABURRAYYAN**

Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan diasaskan oleh Tuan Rizwan Husin, dan ditubuhkan pada awal tahun 1995 sebagai kumpulan sukarela yang menyediakan pinjaman untuk peniaga berskala kecil.<sup>23</sup> Pada 21 Oktober 2002, koperasi ini telah mendaftar secara rasmi sebagai koperasi yang beroperasi dalam pengeluar perladangan kopi bernombor pendaftaran 62.01/233/BH/X/2002 dan Nomor Induk Koperasi (NIK) 1106040320091, di bawah Kementerian Koperasi dan Usaha Kecil dan Menengah (UKM) dan Jabatan Koperasi dan Usaha Kecil dan Menengah Kabupaten Aceh Tengah, Aceh, Indonesia.<sup>24</sup>

Pada mulanya, Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan merupakan sebagai Lembaga Kewangan Mikro (LKM),<sup>25</sup> kemudian pada 24 Disember 2004, ia beroperasi sebagai koperasi yang beroperasi dalam unit perdagangan eksport kopi Gayo dengan kerjasama Persatuan Perniagaan Koperasi Kebangsaan Amerika Syarikat (NCBA) cawangan Indonesia untuk mendapatkan bantuan modal operasi perniagaan dari Agensi

<sup>23</sup> Anna-Carin Almqvist, Coffee, ‘‘a Fair Trade? A study about Fairtrade certified Gayo coffee farmers in Aceh, Indonesia,’’ (tesis master Jabatan Landscape Planning, Universiti Agricultural Sciences Swedish (SLU), 19.

<sup>24</sup> Daftar Koperasi, laman sesawang Kementerian Koperasi dan Usaha Kecil Menengah Kerajaan Indonesia, dicapai 27 Jun 2017, <http://nik.depkop.go.id/>,

<sup>25</sup> Iwannitosa Putra (Pegawai Bahagian Hubungan Awam Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan), dalam temu bual dengan penulis, 31 Julai 2017.

Pembangunan Antarabangsa Amerika Syarikat (USAID).<sup>26</sup> Pada 28 Oktober dan 23 November 2005, pihak NCBA bersetuju menjadi sebagai pihak pemodal bagi operasi perniagaan. Pada 7 Februari 2006, operasi perniagaan eksport dengan negara Amerika Syarikat telah dimulakan.<sup>27</sup>



**Gambar 3.3.** Google Image, Koperasi Baitul Qirad Baturayyan, dicapai 10 November 2017.

Koperasi Baitul Qirad Baturayyan merupakan pengeluar kopi Gayo yang diiktiraf melalui sistem pensijilan oleh organisasi perniagaan kopi antarabangsa seperti sijil Organik yang diperolehi pada tahun 2005, sijil *fair trade* tahun 2007 dan sijil *Coffee Practice* bagi syarikat *Starbuck Coffee* tahun 2006.<sup>28</sup>

**Jadual 3.6.** Sijil Koperasi Baitul Qirad Baturayyan.

Bil	Sijil	No. Lesen	Tahun	Dikeluarkan
1	Sijil <i>Fair Trade</i>	5416	06/07/2007	<i>FLO Cert</i> Jerman.
2	Sijil Organik : 1) Amerika Syarikat 2) Eropah	803507	24/11/2005	<i>Control Union Certification</i> , Belanda
3	Sijil <i>Coffee Practice</i> , (Syarikat Starbuck)	12785	01/12/2006	

Sumber: Risalah Profil Koperasi Baitul Qirad Baturayyan 2015.


<sup>26</sup> Direktorat Pemberdayaan Koperasi Dan UKM Kementerian Perencanaan Pembangunan Nasional, *Warta KUMKM* 2, no. 1 (2014), 27.

<sup>27</sup> Risalah Profil Koperasi Baitul Qirad Baturayyan 2015.

<sup>28</sup> Risalah Profil Koperasi Baitul Qirad Baturayyan 2015.

### 3.4.1 Struktur Pengurusan

Rajah 3.1. Struktur Pentadbiran Koperasi Baitul Qirad Baturayyan.



Sumber: Profil Koperasi Baitul Qirad Baturayyan 2015.

### **3.4.2 Jumlah pekerja**

Jumlah pekerja Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan tahun 2015 yang merangkumi pentadbiran, kakitangan, penjawat awam dan petani adalah seramai 7,585 orang iaitu 12 orang pengasas, 21 orang kelopok pekerja, 196 orang pekerja awam, 5,752 orang kelompok petani organik, dan 1,833 orang petani konvensional.<sup>29</sup>

### **3.4.3 Jumlah Petani dan Luas Tanah Perladangan Kopi Gayo Kawasan Aceh Tengah**

Jumlah petani yang diasaskan oleh Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan pada tahun 1995 hanya seramai 4 atau 5 orang ahli. Pada masa itu, Koperasi Baitul Qiradh menjadi sebagai sukarelawan yang menyediakan pinjaman untuk peniaga berskala kecil. Jumlah ahli semakin bertambah selepas Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan mendapat kelulusan pendaftaran rasmi dari pihak kerajaan Indonesia pada tahun 2002 seramai 600 orang ahli.<sup>30</sup> Pada tahun 2004 meningkat hingga 650 orang petani daripada 17 buah perkampungan.<sup>31</sup> Melihat kepada perkembangan yang signifikan dalam perniagaan dalam dan luar negara, pada tahun 2015 jumlah ahli meningkat sehingga mencapai jumlah keseluruhan seramai 5,752 orang peserta yang meliputi kawasan Aceh Tengah dan Bener Meriah. Daripada jumlah ini, petani kopi Gayo di kawasan Aceh Tengah yang mendaftar di bawah Koperasi Baitul Qiradh adalah seramai 4,395 orang peserta daripada 13 buah daerah.<sup>32</sup>

Manakala jumlah perladangan kopi Gayo yang berdaftar di bawah Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan sehingga tahun 2015 ialah seluas 7,029,45 hektar yang meliputi 13 buah kawasan sehingga ke daerah Aceh Tengah dan 5 buah kawasan daerah Bener Meriah.

---

<sup>29</sup> Profil Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan 2015.

<sup>30</sup> Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan, laman sesawang *Fair Trade USA*, dicapai 27 Jun 2017, <http://fairtradeusa.org/producer-profiles/kbqb-koperasi-baitul-qiradh-baburayyan>.

<sup>31</sup> Anna-Carin Almqvist, 19.

<sup>32</sup> Profil Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan 2015.

Berdasarkan jumlah tersebut, luas perladangan kopi Koperasi Baitul Qirad Baturayyan kawasan Aceh Tengah adalah seluas 4,984,30 hektar.<sup>33</sup>

**Jadual 3.7.** Bilangan Petani Kopi Gayo Koperasi Baitul Qirad Baturayyan Aceh Tengah.

Zon A	Tahun 2015		
	Aceh Tengah	Jumlah Petani	Luas Lahan (hektar )
F-A Pegasing	1,111	1,289,30	
F-A Bintang	351	310,20	
F-A Silih Nara	485	555,00	
F-A Rusip Antara	291	464,30	
F-A Atu Lintang	673	811,50	
F-A Bebesen	119	88,60	
F-A Kute Panang	138	164,20	
F-A Kebayakan	317	266,00	
F-A Jagong	228	219,10	
F-A Linge	91	116,60	
F-A Celala	188	222,00	
F-A Ketol	228	265,50	
F-A Lut Tawar	175	176,50	
<b>Jumlah</b>	<b>4,395</b>	<b>4,984,30</b>	

Sumber: Risalah Profil Koperasi Baitul Qirad Baturayyan 2015.

<sup>33</sup> Profil Koperasi Baitul Qirad Baturayyan 2015.

### **3.4.4 Syarat-Syarat dan Kelebihan Ahli**

#### **3.4.4.1 Syarat-syarat ahli**

Setiap permohonan untuk menjadi ahli hendaklah menggunakan borang rasmi Koperasi Baitul Qirad Bburayyan yang telah diisi dan dilengkakan kemudian diserahkan kepada pengurus Koperasi Baitul Qirad Bburayyan dengan memenuhi syarat-syarat seperti berikut:<sup>34</sup>

1. Mengikut dan mentaati semua peraturan dan keputusan koperasi yang dibincangkan dalam mesyuarat tahunan.
2. Membayar yuran pendaftaran sebanyak IDR.15,000,00 dan yuran perlu dibayar pada setiap tahun.
3. Bersedia membayar wang simpanan asas sebanyak IDR.25,000,00 sekali sepanjang hayat.
4. Bersedia membayar simpanan wajib sebanyak IDR.10,000,00 setiap bulan atau IDR.120,000,00 setiap tahun.
5. Jika selama dua tahun berturut-turut tidak membayar yuran simpanan wajib dan yuran pendaftaran, maka keahlian ditamatkan daripada Koperasi Baitul Qirad Bburayyan.

#### **3.4.4.2 Kelebihan Ahli**

Antara kelebihan yang diperolehi oleh anggota ahli koperasi adalah seperti berikut:

1. Kemudahan dalam transaksi jual beli memalui perbankan internet.
2. Layak memohon pinjaman kewangan sehingga IDR.20,000,000,00 (dua puluh juta).

---

<sup>34</sup> Sugiati (Bendahari Koperasi Baitul Qirad Bburayyan), dalam temubual dengan penulis, 1 Ogos 2017.

3. Layak mendapat pulangan dari sistem pensijilan *fair trade* luar negara yang meliputi bantuan segala keperluan petani seperti pembinaan jalan, sistem pengairan dan lain-lain.
4. Mendapat bantuan kematian dari IDR.3,000,000 hingga IDR.5,000,000.

### **3.5 KONSEP OPERASI PERNIAGAAN KOPERASI BAITUL QIRADH BABURRAYYAN**

Secara prinsip, operasi perniagaan Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan tiada beza dengan koperasi kopi. Pada tahun 2002, Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan merupakan Lembaga Kewangan Mikro (LKM).<sup>35</sup> Namun bermula pada tarikh 24 Disember tahun 2004, ia mula beroperasi menjadi sebuah koperasi perdagangan domestik dan antarabangsa.<sup>36</sup>

#### **3.5.1 Sumber Kewangan**

Dalam menjalankan perniagaan, modal memainkan peranan penting untuk memajukan sebuah perniagaan. Sumber modal Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan daripada Modal Dalaman dan Modal Luaran:

1. Sumber Modal Dalaman merupakan sumber daripada yuran ahli yang meliputi yuran pendaftaran ahli, simpanan asas, dan simpanan wajib peserta.
2. Sumber Modal Luaran pula merupakan sumber yang diperolehi daripada bantuan syarikat luar negara iaitu *National Cooperative Business Association* (NCBA). Syarikat ini ditubuhkan pada tahun 1916. Ia merupakan kerjasama koperasi tertua dan persatuan perdagangan tertua di Amerika Syarikat disamping memupuk pembangunan ekonomi dan sosial koperasi dan antarabangsa di Amerika Syarikat

---

<sup>35</sup> Iwannitosa Putra (Pegawai Bahagian Hubungan Awam Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan), dalam temubual dengan penulis 31 Julai 2017.

<sup>36</sup> Profil Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan, Unit Perdagangan Kopi 2015.

dan di luar negara untuk membangun, memaju, dan melindungi syarikat koperasi.<sup>37</sup> NCBA merupakan organisasi yang bergerak dalam bidang pengembangan komuniti antarabangsa. Peranan NCBA dimulakan dengan membantu petani di India untuk membentuk koperasi yang mampu berperanan dalam revolusi industri baja nasional, sehingga menjadi koperasi baja terbesar di dunia atau lebih dikenali sebagai IFFCO. Kini, NCBA telah bergiat aktif di lebih dari 100 buah negara termasuk Indonesia.<sup>38</sup> Matlamat NCBA Indonesia ialah untuk meningkatkan peluang pekerjaan dan pendapatan bagi penduduk Indonesia melalui peningkatan keluaran dan pemasaran hasil pertanian atau perladangan yang memiliki nilai tinggi seperti kopi, ubi kayu, lada hitam dan vanila. Program syarikat ini akan membantu petani dalam meningkatkan hasil keluaran tanaman, kawalan selepas penuaian, serta pemasaran melalui pemerkasaan koperasi pertanian domestik dan pembentukan jaringan pemasaran serta perkongsian.<sup>39</sup>

### 3.5.2 Konsep Perniagaan

Operasi perniagaan kopi Arabika yang dijalankan oleh Koperasi Baitul Qirad Baturayyan ialah konsep perkongsian antara koperasi dan peniaga pengumpul yang telah dilatih oleh Koperasi Baitul Qirad Baturayyan. Peniaga pengumpul yang dilatih pada kluster masing-masing merupakan tempat petani kopi menjual hasil tuaian yang telah mendapat pengawasan dari Koperasi Baitul Qirad Baturayyan. Pada kluster masing-masing, terdapat peniaga pengumpul yang telah dilatih oleh koperasi secara berterusan.

---

<sup>37</sup> *About Us*, laman sesawang NCBA CLUSA, dicapai 28 September 2017, <http://ncba.coop/about-us/mission-and-values>.

<sup>38</sup> WARTA KUMKM, 29.

<sup>39</sup> *Ibid.*, 29.

Pembinaan peniaga pengumpul ini dilakukan mulai bermula dari peningkatan kemampuan pengendalian produk, sistem pembelian, aliran maklumat harga dan kawalan kualiti.<sup>40</sup>

### **3.5.3 Konsep Pembelian dan Penjualan**

Konsep operasi pembelian kopi Gayo yang dijalankan oleh Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan ialah kopi yang berasal dari peniaga pengumpul yang berdaftar dan dipupuk oleh koperasi. Peniaga pengumpul mendapatkan kopi dari petani yang berdaftar di Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan. Pihak koperasi tidak menerima pembelian kopi dari petani yang tidak terdaftar di bawah Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan. Petani akan menjual kepada pihak peniaga Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan dalam bentuk bijian. Pihak peniaga pengumpul (kolektor) akan memproses menjadi kopi biji hijau atau kopi *green bean*. Seterusnya, mereka menjual kepada pihak Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan. Manakala Pihak Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan akan membuat pemrosesan kopi melalui pemilihan atau menyusun secara manual atau menggunakan mesin terhadap kualiti kopi yang boleh dijual untuk pasaran domestik dan eksport antarabangsa. Konsep penjualan bagi pasaran lokal dan antarabangsa ialah konsep tempahan. Bagi perniagaan eksport antarabangsa, kaedah yang dijalankan adalah menggunakan sistem persampelan, iaitu sebelum pembeli luar negara menempah barang yang akan dibeli, pihak Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan akan memberi contoh kopi Arabika kepada pihak pembeli luar negara. Pihak pembeli akan mengkaji kualiti dengan standard permintaan pengguna. Jika mereka bersetuju dengan hasil kajian tersebut, maka pihak Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan akan menghantar barang yang ditempah. Biasanya penghantaran barang melalui pelabuhan Belawan Sumatera Utara. Tempoh penghantaran barang bergantung kepada jarak negara

---

<sup>40</sup> Mujiburrahman, “Sistem Jaringan Pasok Dan Nilai Tambah Ekonomi Kopi Organik (Kajian Di KBQ Baburayyan Kabupaten Aceh Tengah”, *Jurnal Agrisep* 12, no. 1 (2011), 5-6.

yang dituju. Bagi negara Amerika, kebiasaannya mengambil masa selama 40 hari perjalanan dengan menggunakan kapal laut. Manakala bagi pasaran domestik seperti Jakarta mengambil masa selama 7 hari perjalanan.<sup>41</sup>

### **3.5.4 Konsep Transaksi Pembayaran**

Konsep pembayaran yang dijalankan oleh pihak Koperasi Baitul Qirad Baburayyan dalam operasi perniagaan boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu: Pembayaran pihak Koperasi Baitul Qirad Baburayyan kepada peniaga pengumpul dan petani, dan yang kedua adalah pembayaran pihak pembeli pasaran domestik dan pasaran tempatan kepada pihak Koperasi Baitul Qirad Baburayyan.

- a) Konsep transaksi pembayaran yang dijalankan oleh Koperasi Baitul Qirad Baburayyan kepada peniaga pengumpul (kolektor) dengan petani dengan beberapa konsep transaksi pembayaran seperti berikut:<sup>42</sup> (1) Transaksi secara tunai, (2) Transaksi pembayaran menggunakan cek dan (3) Transaksi pembayaran melalui Bank Pembangunan Daerah Aceh (BPD) Aceh, perkhidmatan perbankan internet Bank BCA. Terkini melalui Bank Negara Indonesia (BNI). Kesemua perbankan ini beroperasi secara konvensional bukan perbankan Syariah.
- b) Konsep pembayaran pihak pembeli pasaran domestik ialah sistem pembayaran deposit sebanyak 50 peratus sebelum penghantaran barang dan bakinya setelah barang sampai. Manakala pembayaran bagi perniagaan eksport pasaran antarabangsa, pembayaran akan dibuat secara tunai apabila barang sudah diterima di kapal setelah segala perjanjian dipersetujui antara pihak pembeli luar negara dan pihak Koperasi Baitul Qirad Baburayyan sebelum penghantaran barang. Sistem pembayaran menggunakan

<sup>41</sup> Temu bual dengan Iwannitosa Putra 31 Julai 2017.


<sup>42</sup> Devi Puspa (Pegawai Bahagian Kewangan Koperasi Baitul Qirad Baburayyan), dalam temu bual dengan penulis, 1 Ogos 2017.

kaedah *Free On Board* (FOB), surat kredit (LC) dan dokumen berbanding tunai (CAD). Pembayaran dibuat selepas keluar bil muatan (*bill of lading*).<sup>43</sup>

### 3.5.5 Konsep Saluran Pemasaran

Dari aspek saluran pemasaran, produk kopi Arabika Gayo yang di keluarkan oleh Koperasi Baitul Qirad Baturayyan terhad kepada kopi biji (*green beans*) yang di eksport ke pasaran antarabangsa dan domestik dengan negara yang dituju terutama Amerika Syarikat, Asia, Eropah, dan Australia.<sup>44</sup> Dalam rajah 3.2 di bawah ini, jumlah penjualan kopi Gayo keluaran Koperasi Baitul Qirad Baturayyan untuk pasaran eksport antarabangsa ialah sebanyak 90 peratus. Manakala bagi pasaran domestik sebanyak 10 peratus. Manakala bagi pasaran eksport antarabangsa pula, sebanyak 70 peratus bagi pengguna Amerika Syarikat, dan 30 peratus untuk pengguna Asia, Eropah dan Australia. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 100 peratus untuk pengguna.

**Rajah 3.2.** Konsep Pemasaran Koperasi Baitul Qirad Baturayyan.



Sumber: Penyelidikan.

<sup>43</sup> Temu bual dengan Iwannitosa Putra 31 Julai 2017.

<sup>44</sup> Muhammad Mujiman (Pegawai Bahagian Pemprosesan Koperasi Baitul Qirad Baturayyan), temu bual dengan penulis, 2 Ogos 2017.

### 3.5.6 Konsep Penghasilan Produk

Produk merupakan perkara penting dalam strategi pemasaran perniagaan. Produk ialah apa sahaja barang dan perkhidmatan yang boleh menarik minat dan boleh diperolehi oleh individu untuk memenuhi keperluan dan kehendak seseorang, memiliki ciri tertentu (*feature*) dan mempunyai kualiti dan faedah (*benefits*) berbentuk kelebihan daripada keluaran tersebut yang boleh dijual di pasaran<sup>45</sup>.

Kopi Gayo Arabika adalah produk Koperasi Baitul Qirad Baburayyan yang merupakan kopi Arabika istimewa yang berkualiti dan diiktiraf oleh seluruh dunia. Menurut Persatuan Kopi Istimewa Amerika (SCCA), kopi istimewa ialah, kopi yang dihasilkan melalui proses yang lama, yang melibatkan pelbagai pihak bagi menghasilkan kopi yang berkualiti, sesuai dengan standard piawaian istimewa kopi dunia. Antara proses terpenting ialah melibatkan petani yang berpengalaman, pembeli, pengujji, pemanggang, dan peracik atau dipanggil *barista* yang memiliki sijil kopi istimewa antarabangsa, dan yang terakhir ialah pengguna kopi istimewa itu sendiri.<sup>46</sup> Berdasarkan jadual 3.8 di bawah, kopi Gayo merupakan antara kopi istimewa daripada 13 jenis kopi istimewa yang terdapat di seluruh Indonesia. Jumlah produk kopi Gayo istimewa dengan kuantiti sebanyak 30,000 sehingga 40,000 tan setiap tahun.<sup>47</sup>

<sup>45</sup> Zafir Mohd Makhul dan Fazilah Mohammad Hasun, *Asas Pemasaran* (Selangor: Leed Publications, 2010), 40.

<sup>46</sup> *What Is Specialty Coffe*, laman sesawang Persatuan Kopi Spesialti Amerika (SCCA), dicapai 9 Disember 2017, <http://scaa.org/?page=resources&d=what-is-specialty-coffee>

<sup>47</sup> *Kopi Spesialti*, laman sesawang Asosiasi Eksportir dan Industri Kopi Indonesia (AEKI), dicapai 11 November 2016, <http://www.aeki-aice.org/page/kopi-spesialti/id>.

**Jadual 3.8.** Senarai Kopi Istimewa Indonesia.

Bil	Negeri	Jenama
1	Aceh	<i>Gayo Coffee</i>
2	Sumatera Utara	<i>Mandheling Coffee</i>
3	Sumatera Utara	<i>Linthong Coffee</i>
4	Bengkulu	<i>Mangkuraja Coffee</i>
5	Jawa Barat	<i>Java Preanger</i>
6	Jawa Timur	<i>Java Coffee</i>
7	Sulawesi Selatan	<i>Toraja Coffee</i>
8	Sulawesi Selatan	<i>Toarco Toraja Estate Coffee</i>
9	Sulawesi Selatan	<i>Kalosi Coffee</i>
10	Bali	<i>Bali Kintamani Coffee</i>
11	Bali	<i>God Mountain Coffee</i>
12	Nusa Tenggara Timur	<i>Flores Bajawa Coffee</i>
13	Papua	<i>Baliem Valley Coffee</i>

Sumber: Laman sesawang Persatuan Pengeksport dan Industri Kopi Indonesia (AEKI).

Kopi Gayo produk Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan merupakan satu jenama kopi yang diiktiraf oleh dunia sebagai kopi bersijil dan mengikut piawaian pensijilan kopi antarabangsa. Ia ditanam melalui proses organik dan menjaga keseimbangan alam sekitar. Biji kopi Gayo telah dikaji kualitinya dan sehingga kini kopi Gayo memiliki empat sijil yang diiktiraf oleh pasaran antarabangsa iaitu:<sup>48</sup> Sijil Organik yang meliputi Sijil Produk Organik (USDA) untuk negara Amerika Syarikat dan Sijil Produk Organik (EU) untuk negara Eropah, Sijil *fair trade* yang dikeluarkan oleh *FLO Cert* negara Jerman dan Sijil *Coffee Practice* syarikat Starbuck, yang dikeluarkan oleh *Control Union Certification*, Belanda.<sup>49</sup>

<sup>48</sup> Syaiful Ariyanto (Pegawai Bahagian Pensijilan Kopi Gayo di Syarikat PT. Sumatera Jaya Kopi), dalam temu bual dengan penulis 2 Ogos 2017.

<sup>49</sup> Risalah Profil Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan 2015.

### 3.5.7 Konsep Penetapan Harga

Dalam dunia perniagaan, kaedah menetapkan harga amatlah penting. Harga ialah nilai dalam bentuk wang yang dikenakan ke atas produk yang ditawarkan oleh peniaga, dan ia ditentukan setelah produk tersedia untuk dipasarkan. Dalam menetapkan harga pada pasaran tradisional dan moden adalah sangat berbeza. Dalam pemasaran tradisional, cara menetapkan harga melalui cara tawar-menawar di antara penjual dan pembeli. Manakala dalam pemasaran moden pula cara meletakkan harga harus mengambil kira pelbagai faktor. Antaranya ialah setiap harga produk perlu dipastikan dapat mencapai keuntungan maksimum, meluaskan bahagian pemasaran dan memastikan perniagaan yang berterusan.<sup>50</sup>

Dalam konsep penetapan harga di antara penjual dan pembeli, terdapat beberapa kaedah yang dijalankan oleh Koperasi Baitul Qirad Bburayyan. Kaedah penetapan harga eksport, pihak Koperasi Baitul Qirad Bburayyan akan melihat dari semasa ke semasa kadar harga pasaran kopi dunia yang ada di Amerika Syarikat secara mingguan atau disebut *Terminal New York*.<sup>51</sup> Manakala kaedah penetapan harga pada tahap peniaga ialah dengan membuat satu kaedah apabila peniaga pengumpul mampu menangani beras kopi sehingga spesifikasi dapat ditentukan oleh pembeli, maka Koperasi Baitul Qirad Bburayyan akan membeli dengan harga tinggi. Akan tetapi, jika sebahagian besar harus dilaksanakan di Koperasi Baitul Qirad Bburayyan maka harga beli biji kopi akan rendah.<sup>52</sup>

Terkini, harga biji kopi bagi pasaran terkini sebanyak IDR.30,000,00 (tiga puluh ribu rupiah) perkilogram. Harga biji kopi atau *green bean* bagi pasaran domestik sebanyak IDR.60,000,00 (enam puluh ribu rupiah) perkilogram. Manakala untuk harga ekport adalah sebanyak IDR.70,000,00 (tujuh puluh ribu rupiah) perkilogram dengan kadar keuntungan IDR.2,000,00 (dua ribu rupiah) perkilogram dipihak Koperasi Baitul Qirad Bburayyan.

<sup>50</sup> Zafir Mohd Makhul dan Fazilah Mohammad Hasun, *Asas Pemasaran*, 54.

<sup>51</sup> Temu bual dengan Muhammad Mujiman.

<sup>52</sup> *Ibid.*, 6.

Manakala keuntungan yang diambil oleh peniaga pemgumpul daripada petani ialah dengan kadar keuntungan sebanyak IDR.1,000,00 (satu ribu rupiah) perkilogram.<sup>53</sup>

### **3.5.8 Jumlah Jualan dan Destinasi Pemasaran**

Koperasi Baitul Qirad Baturayyan merupakan koperasi perdagangan eksport yang mula beroperasi dalam unit perdagangan pada bulan November tahun 2005. Ia merupakan koperasi terawal daripada 7 buah koperasi yang beroperasi dalam perniagaan eksport kopi yang berdaftar di bawah kerajaan daerah Aceh Tengah.<sup>54</sup> Jumlah jualan Koperasi Baitul Qirad Baturayyan mula beroperasi pada tahun 2006 sebanyak 18,000 kilogram, pembeli pertama ialah syarikat *Volcaffe Speciaslty LLC* dengan nilai USD. 61,200 atau IDR. 563,040,000. Kemudian pada tahun 2007 meningkat sehingga 703,000 kilogram. Tahun 2008 dan 2010, penjualan meningkat sehingga 1,546,500 dan 3,664,400. Manakala tahun 2009 menurun sehingga 680,261. Tahun 2011 hingga tahun 2016, hasil jualan memiliki keseimbangan.<sup>55</sup> Manakala destinasi pemasaran perniagaan eksport kopi Gayo Koperasi Baitul Qirad Baturayyan bermula pada tahun 2006 di negara Amerika Syarikat. Pada tahun 2007 dan 2009, ia mula berkembang di Amerika Syarikat seperti negara Mexico, kemudian bahagian Benua Eropah, Australia dan New Zealand. Pada tahun 2010 pula, pembeli semakin bertambah dari negara Britain. Pada tahun 2011 hingga tahun 2016, Negara yang masih kekal sebagai pembeli ialah negara Amerika Syarikat, Kanada, Australia dan New Zealand.<sup>56</sup>

---

<sup>53</sup> Iwannitosa Putra (Pegawai Bahagian Hubungan Awam KBQB), dalam temu bual dengan penulis, 31 Julai 2017.

<sup>54</sup> Jabatan Koperasi dan Usaha Kecil dan Menengah Kabupaten Aceh Tengah. Senarai Koperasi Kopi Hingga 2017.

<sup>55</sup> Jabatan Perindustrian, Perdagangan, Koperasi, Energi Dan Sumber Daya Mineral Kabupaten Aceh Tengah, Realisasi Eksport Kopi Berdasarkan Penerbitan SPEK 2006 – 2016.

**Jadual 3.9.** Jumlah Jualan dan Destinasi Pemasaran Perniagaan Eskport 2006-2016.

Tahun	Jumlah Jualan (kg)	Senarai Destinasi Pemasaran
2006	18,000	Amerika Syarikat
2007	703,000	Amerika Syarikat
2008	1,546,500	AS, Mexico, Kanada, Australia, New Zealand
2009	680,261	AS, Mexico, Kanada
2010	3,664,400	AS, Kanada, Australia, Inggris, New Zealand
2011	1,772,400	AS, Kanada, New Zealand, Inggris, Australia
2012	1,516,800	AS, Australia
2013	1,672,400	AS, Kanada, Australia
2014	2,248,600	AS, Taiwan, Australia, Kanada, New Zealand
2015	1,689,600	Amerika Syarikat, Australia, Kanada
2016	1,494,000	Amerika Syarikat, Australia, Kanada

Sumber: Data dari Jabatan Koperasi dan Perdagangan Aceh Tengah.

### 3.6 Konsep Perkhidmatan Pinjaman Kewangan

Walaupun Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan beroperasi dalam bidang perdagangan eksport, namun ia juga menyediakan perkhidmatan pinjaman kewangan bagi ahli peniaga berdaftar yang dinamakan Koperasi Simpan Pinjam (KSP) di bawah Koperasi Baitul Qiradh Sehati (KBQS). Koperasi unit simpan pinjam ini memiliki organisasi khas yang ditubuhkan pada tahun 2014. Sehingga kini, seramai 15 orang peserta ahli peniaga daripada 100 orang peserta ahli peniaga berdaftar yang menerima pinjaman kewangan. Jumlah pinjaman kewangan yang diberikan oleh pihak Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan pada tahun 2014 hingga 2015 ialah sebanyak IDR.200,000,000,00, (dua ratus juta rupiah) kemudian pada tahun 2016 dihadkan sehingga IDR.20,000,000, (dua puluh juta rupiah).<sup>57</sup>

Sejak ditubuhkan pada tahun 2014 hingga 2015, konsep pinjaman yang dijalankan adalah menggunakan sistem konvensional. Kemudian, pada tahun 2016 ia ditambah baik dengan menggunakan sistem jual beli Syariah akad *murābahah bi al-wakālah*:<sup>58</sup>

<sup>57</sup> Hasan (Pengurus Koperasi Unit Simpan Pinjam, Koperasi Baitul Qiradh Sehati), dalam temu bual dengan penulis, 1 Ogos 2017.

<sup>58</sup> *Ibid.*

Akad *murābahah* ialah konsep jual beli barang dengan harga yang dibeli dengan tambahan keuntungan yang diketahui. Menurut mazhab Ahmad, jual beli *murābahah* ialah pembelian barang dengan modal bersamaan keuntungan yang ditentukan.<sup>59</sup> Merujuk kepada takrifan akad *murābahah* di atas, konsep *murābahah* merupakan konsep akad jual beli barang dengan tambahan keuntungan yang disepakati. Manakala akad *wakālah* adalah akad penyerahan menguruskan sesuatu perkara kepada pihak yang diwakilkan dengan syarat tertentu.<sup>60</sup> Pada prinsipnya Islam mensyariatkan konsep *wakālah*, memandangkan tidak setiap individu mempunyai kemampuan menyelesaikan segala keperluannya seorang diri, ia perlu kepada bantuan daripada pihak lain sebagai wakil dirinya.

Menggunakan konsep akad jual beli *murābahah bi al-wakālah* bagi pinjaman kewangan adalah dibenarkan dengan syarat-syarat yang telah disepakati oleh Majlis Ulama Indonesia yang merujuk kepada fatwa yang dikeluarkan oleh Dewan Syari'ah Nasional, Majlis Ulama Indonesia pada 1 April 2000.<sup>61</sup>

Konsep akad jual beli *murābahah bi al-wakālah*<sup>62</sup> yang dijalankan oleh pihak Koperasi Baitul Sehati bagi perkhidmatan pinjaman kewangan kepada para peniaga berdaftar yang digunakan bagi pembelian barang keperluan para peniaga dan modal perniagaan.<sup>63</sup>

1) Akad pinjaman kewangan bagi pembelian barang keperluan para peniaga

Pinjaman kewangan konsep jual beli akad *murābahah bi al-wakālah* yang telah dijalankan oleh pihak Koperasi Baitul Qiradh Sehati adalah bagi pembelian barang keperluan para peniaga seperti pembelian motorsikal dan lainnya. Praktik yang dijalankan ialah para peniaga memohon pinjaman kewangan kepada pihak koperasi untuk membeli barang keperluan. Bila pihak koperasi menyetujui sesuai dengan kelayakan pihak

<sup>59</sup> Najīḥ Ḥammād, *Mu'jam al-Muṣṭalaḥāt al-Ḥāfiẓah wa al-Iqtisādiyyah fī Lughah al-Fuqahā'* (Damshik: Dār al-Kalam, 2008), 409.

<sup>60</sup> *Ibid.*, 477.

<sup>61</sup> Fatwa *murābahah bi al-wakālah* nombor 04/DSN-MUI/IV/2000.

<sup>62</sup> Huraihan lanjut berkenaan konsep *murābahah bi al-wakālah* pada halaman 138 dan seterusnya.

<sup>63</sup> Borang Pejanjian Jual Beli Akad *Murābahah* Koperasi Baitul Qiradh Sehati 2017, 2.

pemohon, pihak koperasi akan mengadakan akad perjanjian *murābahah* pihak pemohon. Setelah akad *murābahah* dimaterai oleh kedua pihak, maka pihak koperasi akan melantik peniaga (pihak peminjam) sebagai wakil dengan akad *wakālah* untuk mendapatkan barang yang disepakati pada awal akad *murābahah*. Setelah barang tersebut telah diperolehi oleh pihak peminjam, pihak koperasi akan membeli barang tersebut daripada pihak pembekal, setelah itu pihak koperasi akan menjual semula barang tersebut kepada peminjam sebagai pemilikan dengan keuntungan sebanyak 1 peratus daripada modal pinjaman yang diberikan dengan bayaran ansuran bulanan sehingga 12 bulan.<sup>64</sup>

Dalam jadual 3.10 di bawah, konsep akad *murābahah* yang dijalankan oleh pihak Koperasi Baitul Qiradh Sehati bagi pinjaman kewangan untuk pembelian barang para peniaga sebanyak IDR.5,000,000, (lima juta rupiah) dengan kadar keuntungan sebanyak 1 peratus atau IDR.600,000, (enam ratus ribu rupiah). Jumlah yang perlu dibayar oleh pihak peniaga dalam masa 12 bulan ialah IDR.5,600,000, (lima juta lima ratus ribu rupiah), dan bayaran ansuran bulanan sebanyak IDR.466,667 (empat ratus enam puluh enam ribu enam ratus enam puluh tujuh rupiah).<sup>65</sup>

**Jadual 3.10.** Akad Pinjaman Konsep *Murābahah* Koperasi Baitul Qiradh Sehati.

Bil	Perkara	Jumlah
1	Kadar Hitungan Baitul Qiradh Sehati (BKS)	
	Kadar BQS	IDR. 5,000,000
	Keperluan Modal	IDR. 5,000,000
	Kadar Keuntungan 1 %	IDR. 600,000
2	Perkara	Jumlah
	Pinjaman pembelian barang	IDR. 5,000,000
	Kadar Keuntungan 1 %	IDR. 600,000
	Harga Jual BQS	IDR. 5,600,000
	Baki Ansuran	IDR. 5,600,000
	Bayaran Perbulan (selama 12 bulan)	IDR. 5,600,000
	Jumlah Ansuran Bulanan	IDR. 466,667

Sumber: Borang Perjanjian Akad *Murābahah*.

<sup>64</sup> Hasan (Pengurus Koperasi Unit Simpan Pinjam, Koperasi Baitul Qiradh Sehati), dalam temu bual dengan penulis, 1 Ogos 2017.

<sup>65</sup> Borang Perjanjian Akad *Murābahah*, 1-4.

Dalam jadual 3.11 di bawah, konsep *wakālah* yang telah dijalankan oleh pihak Koperasi Baitul Qiradh Sehati ialah pihak koperasi melantik pihak peniaga (peminjam) sebagai wakil pembelian barang keperluan peniaga sebanyak IDR.5,000,004,00, (lima juta empat ratus rupiah) dengan kadar keuntungan sebanyak 1 peratus atau IDR.600,000, (enam ratus ribu rupiah). Jumlah yang perlu dibayar oleh pihak peminjam dalam masa 12 bulan ialah IDR. 5,600,004,00, (lima juta lima enam ratus ribu empat ratus rupiah), dan IDR.466,667 (empat ratus enam puluh enam ribu enam ratus enam puluh tujuh rupiah) ansuran pada setiap bulan.

**Jadual 3.11.** Skim Ansuran Pinjaman Konsep *Wakālah*.

Period	Ansuran			
	Tarikh Tempoh	Pinjaman	Kadar Keuntungan (1%)	Jumlah
1	02-03-2017	416,667,00	50,000,00	466,667,00
2	02-04-2017	416,667,00	50,000,00	466,667,00
3	02-05-2017	416,667,00	50,000,00	466,667,00
4	02-06-2017	416,667,00	50,000,00	466,667,00
5	02-07-2017	416,667,00	50,000,00	466,667,00
6	02-08-2017	416,667,00	50,000,00	466,667,00
7	02-09-2017	416,667,00	50,000,00	466,667,00
8	02-10-2017	416,667,00	50,000,00	466,667,00
9	02-11-2017	416,667,00	50,000,00	466,667,00
10	02-12-2017	416,667,00	50,000,00	466,667,00
11	02-01-2017	416,667,00	50,000,00	466,667,00
12	02-02-2017	416,667,00	50,000,00	466,667,00
<b>12 Bulan</b>		<b>5,000,004,00</b>	<b>600,000,00</b>	<b>5,600,004,00</b>

Sumber: Borang Perjanjian Akad *Wakālah*.

## 2) Akad pinjaman kewangan modal perniagaan

Pihak Koperasi Baitul Qiradh Sehati tidak hanya menggunakan akad jual beli *murābahah bi al-wakālah* bagi transaksi perniagaan, tetapi konsep ini juga digunakan bagi perkhidmatan pinjaman kewangan bagi para peniaga berdaftar yang digunakan sebagai

tambahan modal bagi menjalankan perniagaan.<sup>66</sup> Praktik yang dijalankan ialah para peniaga memohon pinjaman kewangan kepada pihak koperasi untuk mendapatkan pinjaman kewangan bagi modal perniagaan. Bila pihak koperasi menyetujui sesuai dengan kelayakan dan kesepakatan kedua pihak yang berakad, pihak koperasi akan memberikan pinjaman kewangan dengan jumlah yang diperlukan oleh pihak peniaga dengan akad *murābahah*. Setelah akad *murābahah* dimaterai oleh kedua pihak, maka pihak koperasi akan melantik peniaga (pihak peminjam) sebagai wakil dengan akad *wakālah* untuk mengusahakan jumlah modal sepetimana yang disepakati pada awal akad *murābahah*. Pihak koperasi akan mendapat keuntungan sebanyak 1 peratus daripada pinjaman yang diberikan dengan bayaran ansuran bulanan sehingga 12 bulan.<sup>67</sup>

### **3.7 Perkhidmatan Kebajikan Sosial Pensijilan *Fair Trade* Antarabangsa**

#### **3.7.1 Pengenalan**

Pensijilan *fair trade* merupakan perdagangan adil atau perdagangan yang berkeadilan, ialah sebagai pendekatan alternatif kepada perdagangan konvensional yang berasaskan konsep perkongsian antara pengeluar dan pengguna.<sup>68</sup> Ia hadir sebagai sebuah gerakan sosial dengan pendekatan berasaskan pasaran yang bertujuan untuk mempromosikan sistem perdagangan yang berterusan dan mengurangkan kemiskinan di peringkat global.<sup>69</sup> Di Indonesia, pensijilan *fair trade* mula berkembang pada pertengahan tahun 1980-an.<sup>70</sup>

---

<sup>66</sup> Hasan (Pengurus Koperasi Unit Simpan Pinjam, Koperasi Baitul Qiradh Sehati), dalam temu bual dengan penulis, 1 Ogos 2017.

<sup>67</sup> *Ibid.*

<sup>68</sup> *What is Fair Trade*, laman sesawang *fair trade*, <https://www.fairtrade.net/about-fairtrade/what-is-fairtrade.html>, dicapai pada 22 September 2017.

<sup>69</sup> Fahnia Chairawaty, “Dampak Pelaksanaan Perlindungan Lingkungan Melalui Sertifikasi *Fair Trade* (Studi Kasus: Petani Kopi Anggota Koperasi Permata Gayo, Kabupaten Bener Meriah, Nanggroe Aceh Darussalam)”, *Jurnal Ilmu Lingkungan* 10 (2), 76.

<sup>70</sup> *Ibid.*, 77.

Dengan adanya sistem pensijilan *fair trade*, petani skala kecil yang wujud di negara membangun dapat menjual hasil tani mereka ke pasaran antarabangsa dengan harga yang adil dan terbuka. Uniknya sistem pensijilan ini, setiap produk yang dibeli daripada petani oleh organisasi pengeluar *fair trade* memastikan setiap pembelian dengan menyertakan nama, produk dan dari mana asal produk tersebut diperolehi<sup>71</sup>. Oleh yang demikian, pembeli dan pengguna di pasaran antarabangsa mengetahui dari mana asal produk tersebut dikeluarkan. Menurut data terkini tahun 2016-2017, jumlah jualan produk sistem pensijilan *fair trade* di pasaran global mencecah €7,88 juta barbanding tahun 2009 hanya €3,4 juta sahaja. Sehingga tahun 2016, jumlah petani dan pengeluar yang menyertai sistem pensijilan *fair trade* seramai 1.6 juta orang dan sebanyak 1,411 organisasi pengeluar di 73 buah negara.<sup>72</sup> Antara produk pertanian yang mendapat pensijilan *fair trade* ialah pertanian pisang, kopi, kapas, bunga, gula dan teh.<sup>73</sup> Kini produk keluaran dari pensijilan *fair trade* boleh didapati di 130 buah negara diseluruh dunia.<sup>74</sup>

Kopi antara produk yang sangat digemari oleh pengguna dunia. Sehingga kini tidak kurang dari 18,500 cawan kopi yang diminum oleh 1,6 juta peminum di dunia. Produk kopi *fair trade* ialah biji kopi (*coffee bean*) bukan kopi panggang. Biji kopi hijau boleh disimpan selama lebih setahun, tetapi kopi panggang perlu dibancuh dalam masa 2-4 minggu untuk menikmati kesegaran maksima. Berdasarkan data tahun 2015-2015, jumlah keluaran kopi dunia mencecah 8,6 juta tan setahun. Petani kecil memiliki peranan penting dalam pemasaran kopi dunia. Jumlah petani dan pengeluar kopi dunia seramai 25,000 orang atau 70-80 peratus merupakan petani kecil. Berdasarkan data tahun 2015, hampir separuh

<sup>71</sup> Iwannitosa Putra (Pegawai Bahagian Hubungan Awam), dalam temu bual dengan penulis, 31 Julai 2017.

<sup>72</sup> *Fair Trade Sales Top €7.8 Billion, Fostering Sustainable Livelihoods For Farmers And workers*, laman sesawang *fair trade*, dicapai 29 Oktober 2017. <https://www.fairtrade.net/new/latest-news/single-view/article/fairtrade-sales-top-EUR78-billion-fostering-sustainable-livelihoods-for-farmers-and-workers.html>

<sup>73</sup> *Product*, laman sesawang *fair trade*, dicapai 29 Oktober 2017. <https://www.fairtrade.net/products.html>

<sup>74</sup> *Coffee*, laman sesawang *fair trade*, dicapai 29 Oktober 2017. <https://www.fairtrade.net/products/coffee.html>

dari pada semua pengeluar *fair trade* adalah penanam kopi berskala kecil. Jumlah petani dan pengeluar kopi yang terlibat dengan pensijilan *fair trade* seramai 812,500 orang dan sebanyak 445 buah syarikat pengeluar kopi. Sebanyak 80 peratus produk kopi *fair trade* dari Amerika Latin, Uganda, Tanzania dan Indonesia. Kini petani yang menghasilkan kopi menurut standard *fair trade* boleh didapati di 30 buah negara.<sup>75</sup>

Sistem pensijilan kopi *fair trade* di Dataran Tinggi Gayo mula diperkenalkan pada tahun 2005. Untuk mendapatkan pensijilan *fair trade* ini, pengeluar harus membentuk atau bergabung di bawah organisasi tempatan seperti koperasi. Koperasi Baitul Qiradah Baburayyan telah mendapat sijil *fair trade* yang dikeluarkan oleh *FLO Cert* negara German pada 6 Julai 2007.<sup>76</sup> *FLO Cert* adalah badan pensijilan di bawah *fair trade* dengan memeriksa pematuhan dengan piawaian *fair trade* dengan memastikan bahawa setiap syarikat memenuhi piawaian ekonomi, sosial dan alam sekitar. *FLO Cert* merupakan badan yang diiktiraf oleh pensijilan ISO 17065 yang menjamin menyediakan sistem pengurusan kualiti, ketelusan dalam semua proses dan kebebasan dalam membuat keputusan pensijilan<sup>77</sup>.

Kelebihan dari sistem pensijilan ini adalah penjualan kopi dengan penerimaan ekstra atau sejumlah wang tambahan kepada harga yang dibayar untuk setiap produk yang dijual pada sistem pensijilan *fair trade*, diluar harga beli yang disebut dengan dana premium (*premium fee*), kopi yang merupakan *feedback* dari pembeli kepada petani.<sup>78</sup> Dana premium tersebut digunakan untuk membaiki pembangunan sosial (*social development*), ekonomi (*economic development*) dan persekitaran (*environmental development*)

---

<sup>75</sup> *Coffee*, laman sesawang *fair trade*, dicapai 29 Oktober 2017, <https://www.fairtrade.net/products/coffee.html>

<sup>76</sup> Risalah Profil Koperasi Baitul Qiradah Baburayyan 2015.

<sup>77</sup> *Fair Trade Certifying*, laman sesawang *fair trade*, dicapai 29 Oktober 2019, <https://www.fairtrade.net/about-fairtrade/certifying-fairtrade.html>.

<sup>78</sup> Fahnia Chairawaty, 76.

sebagaimana matlamat terpenting dari sistem pensijilan *fair trade*.<sup>79</sup> Penggunaan dana premium ini diputuskan secara demokratik oleh pengeluar dalam organisasi petani, atau jawatankuasa pekerja. Dana premium ini boleh dilaburkan dalam pendidikan dan penjagaan kesihatan, pemberian ladang untuk meningkatkan hasil dan kualiti, atau kemudahan pemprosesan untuk meningkatkan pendapatan<sup>80</sup>. Jumlah dana premium bagi kopi Gayo sebanyak USD.0,04 sen sekilogram atau IDR.5,700,00 sekilogram.<sup>81</sup> Pada tahun 2016, *fair trade* telah mengagihkan dana premium kepada semua petani sebanyak €150 juta termasuk petani kopi.<sup>82</sup>

### **3.7.2 Konsep pensijilan *fair trade* Koperasi Baitul Qiradhb Baburayyan**

Dalam dunia perdagangan kopi, sijil pengiktirafan dunia memiliki peranan yang sangat penting bagi pemasaran antarabangsa. Tanpa mendapat kelulusan sijil tersebut dan syarat-syarat yang dikehendaki, kopi tidak akan dapat merentasi pasaran antarabangsa seperti yang dikehendaki oleh peniaga tersebut. Kelebihan daripada pensijilan ini ialah membina pembangunan ekonomi, sosial dan menjaga alam sekitar. Dari aspek perkhidmatan pula, pensijilan *fair trade* memiliki kelebihan yang dinamakan sebagai dana premium yang merupakan sejumlah dana pengembalian dari pengguna luar negara kepada petani yang digunakan untuk kebajikan para petani yang berdaftar di bawah Koperasi Baitul Qiradhb Baburayyan. Seperti pembinaan jalan, pengairan, pemberian dan juga

<sup>79</sup> *Aim of Fair Trade*, laman sesawang *fair trade*, dicapai 29 Oktober 2017, <https://www.fairtrade.net/standards/aims-of-fairtrade-standards.html>

<sup>80</sup> *What is Fair Trade*, laman sesawang *Fair Trade*, dicapai 29 Oktober 2017, <https://www.fairtrade.net/about-fairtrade/what-is-fairtrade.html>.

<sup>81</sup> Syaiful Ariyanto (Pegawai Bahagian Pensijilan Kopi Gayo di Syarikat PT. Sumatera Jaya Kopi), dalam temubual dengan penulis 2 Ogos 2017.

<sup>82</sup> *Fair Trade sales top €7.8 billion, fostering sustainable livelihoods for farmers and workers*, laman sesawang *fair trade*, dicapai 29 Oktober 2017. <https://www.fairtrade.net/new/latest-news/single-view/article/fairtrade-sales-top-EUR78-billion-fostering-sustainable-livelihoods-for-farmers-and-workers.html>

bantuan kewangan bagi kematian pada ahli waris anggota koperasi yang dinamakan *dana abadi*.<sup>83</sup>


Pada tahun 2015, Koperasi Baitul Qirad Baturayyan mengagihkan dana premium dari hasil penjualan kopi *fair trade* sebanyak IDR.680 juta kepada petani, delegasi dan peniaga. Dari keseluruhan bantuan kewangan, maka sebanyak 25 peratus diagihkan untuk meningkatkan produksi kopi dan 75 peratus yang lain adalah untuk kegiatan koperasi. Seperti kegiatan ahli, pembelian benih serta pohon pelindung kopi. Antara perkhidmatan sosial yang dijalankan oleh Koperasi Baitul Qirad Baturayyan ialah mengagihkan bantuan kewangan kepada delegasi dan peniaga sebanyak IDR.500,000,000 (lima ratus juta rupiah) dan bantuan kewangan kepada ahli waris koperasi yang telah meninggal dunia sebanyak IDR.4.000,000,00, (empat juta rupiah) hingga IDR.5,000,000, (lima juta rupiah) kepada 36 orang dengan jumlah sebanyak IDR.180,000,000,00 di kawasan Aceh Tengah dan Bener Meriah.<sup>84</sup>

---

<sup>83</sup> Anwar (Delegasi Koperasi Baitul Qirad Baturayyan kawasan Jagong Jeget), dalam temu bual dengan penulis, 2 Ogos 2017.

<sup>84</sup> Koperasi Baitul Qirad Baturayyan bagikan fee, laman sesawang Akhbar Serambi Indonesia Aceh, dicapai 28 September 2017, <http://aceh.tribunnews.com/2015/10/03/kbq-baburayyan-bagikan-fee>.

**Rajah 3.3.** Konsep Operasi Perniagaan Koperasi Baitul Qirad Baturayyan.



Sumber: Penyelidikan.

### **3.8 KESIMPULAN**

Dalam operasi perniagaan kopi Gayo, koperasi memiliki peranan penting dalam pemasaran perniagaan dalam dan luar negara seperti perniagaan eksport. Pihak koperasi berbangga kerana kopi Gayo merupakan kopi yang memiliki rasa kopi seluruh dunia. Ia dihasilkan melalui proses pensijilan yang diiktiraf oleh badan antarabangsa. Berdasarkan sistem pensijilan, kopi Gayo ini mendapat sambutan yang luar biasa sehingga pembeli-pembeli luar terpaksa datang ke Dataran Tinggi Gayo untuk melihat sendiri kaedah penanaman kopi Gayo secara organik dan sistem pemprosesan menjaga alam sekitar. Tidak kurang juga pembeli pergi ke ladang kopi untuk menuai kopi dan memproses sendiri dengan cara manual. Kini kopi Gayo boleh dijual ke 130 buah negara melalui sistem pensijilan *fair trade*. Sistem pensijilan ini telah dapat menaik taraf dan meningkatkan status ekonomi para petani dan pengusaha kopi Gayo.

# **BAB EMPAT**

## **ANALISIS OPERASI PERNIAGAAN KOPERASI**

### **BAITUL QIRADH BABURRAYYAN**

#### **4.1 PENGENALAN**

Perniagaan merupakan sebahagian daripada ajaran Islam dari aspek ekonomi atau muamalah. Dalam menjalankan perniagaan Islam, semua urusan mestilah menepati kaedah dan prinsip yang dikehendaki oleh Islam. Perniagaan dan agama bukan daripada dua elemen yang berbeza, namun perniagaan merupakan subset kepada perniagaan Islam. Perniagaan Islam tidak menolak teori-teori perniagaan konvensional selagi tidak bercanggah dengan Syariah.<sup>1</sup> Perniagaan konvensional merupakan hasil kajian manusia dan bukan fakta yang *qat’ī* atau tepat. Berbeza dengan perniagaan Islam, walaupun mengalami perubahan, namun ia perlu melihat pada kesesuaian dan keadaan dari semasa ke semasa dan tidak mengabaikan prinsip Syariah dalam mengemaskini segala teori perniagaan Islam.<sup>2</sup>

Dalam menganalisis konsep operasi perniagaan yang dijalankan oleh Koperasi Baitul Qirad Baturrayyan, analisis penyelidikan dapat dirumuskan kepada tiga perkara berikut:

- 1) Analisis konsep jualan tempahan produk kopi Gayo Koperasi Baitul Qirad Baburrayyan
- 2) Analisis konsep transaksi pembayaran menggunakan perbankan internet konvensional
- 3) Analisis pinjaman kewangan konsep *murābahah*

---

<sup>1</sup> Asmak Ab. Rahman, *Pertanian dari Perspektif Ekonomi Islam* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2011), 3.

<sup>2</sup> *Ibid.*, 4.

## **4.2 ANALISIS KONSEP JUALAN TEMPAHAN PRODUK KOPI GAYO KOPERASI BAITUL QIRADH BABURRAYYAN**

### **4.2.1 Pengenalan**

Konsep jualan operasi perniagaan bagi pasaran domestik dan antarabangsa yang dijalankan oleh pihak Koperasi Baitul Qiradh Baburrayyan ialah konsep jualan tempahan. Bagi pasaran domestik, tempahan dibuat melalui kontrak perjanjian antara pihak pembeli dan pihak Koperasi Baitul Qiradh Baburrayyan. Pihak Koperasi Baitul Qiradh Baburrayyan akan menghantar barang dengan kuantiti sepertimana dalam kontrak perjanjian. Manakala jualan tempahan pasaran antarabangsa, konsep yang dijalankan ialah kaedah persampelan, iaitu sebelum pembeli menempah barang, pihak pembeli menempah sampel kopi Arabika Gayo dahulu. Pihak Koperasi Baitul Qiradh Baburrayyan akan menghantar sampel kopi Arabika Gayo kepada pihak pembeli luar negara. Pihak pembeli akan mengkaji sampel kopi mengikut kualiti sistem *coffee cupping*.<sup>3</sup> Jika pembeli bersetuju dengan hasil kajian tersebut, maka pihak Koperasi Baitul Qiradh Baburrayyan akan menghantar barang dengan kuantiti mengikut spesifikasi yang ditempah.<sup>4</sup>

Sistem pembayaran oleh pihak pembeli dibuat secara tunai kepada pihak Koperasi Baitul Qiradh Baburrayyan selepas barang diterima di atas kapal pelabuhan Belawan, Sumatera Utara, Indonesia. Sistem pembayaran menggunakan kaedah *Free On Board*

---

<sup>3</sup> *Coffee Cupping* ialah proses yang dilakukan oleh profesional terlatih mengamati rasa sebelum kopi tiba di cawan kopi. Untuk maklumat lanjut, boleh layari kaedah *Cupping Coffee* oleh Persatuan Kopi Spesialti Antarabangsa (SCAA), laman sesawang berikut: <http://www.scaa.org/?page=resources&d=cupping-protocols>.

<sup>4</sup> Iwannitosa Putra (Pegawai Bahagian Hubungan Awam, Koperasi Baitul Qiradh Baburrayyan), dalam temu bual dengan penulis, 31 Julai 2017.

(FOB)<sup>5</sup>, dokumen berbanding tunai (CAD)<sup>6</sup> dan surat kredit (LC).<sup>7</sup> Pembayaran dibuat selepas keluar bil muatan (*bill of lading*).<sup>8</sup> Berbeza dengan sistem pembayaran pasaran domestik, bayaran dibuat dengan sistem deposit sebanyak 50 peratus sebelum penghantaran barang dan baki pembayaran dibuat selepas barang diterima. Tempoh penghantaran barang bergantung pada jarak destinasi. Bagi negara Amerika Syarikat, kebiasaannya ia mengambil masa selama 40 hari dengan menggunakan kapal laut. Manakala bagi pasaran domestik seperti Jakarta mengambil masa selama 7 hari. Kebiasaannya penghantaran barang melalui pelabuhan Belawan, Sumatera Utara, Indonesia.<sup>9</sup>

#### **4.2.2 Analisis Konsep Jualan Tempahan Koperasi Baitul Qirad Baturayyan**

Konsep jualan tempahan dalam muamalah Islam dipanggil *bay'salam* yang masyhur bagi penduduk Iraq atau *salaf* yang digunakan oleh penduduk Hijaz. Ia merupakan pembelian barang yang dibayar pada awal kontrak perniagaan sedangkan barang diserahkan

---

<sup>5</sup> *Free On Board* adalah pihak penjual atau pengeksport mempunyai kewajipan untuk membayar kos tambang kepada pelabuhan. Manakala bilamana barang sudah ada dikapal, kos akan ditanggung oleh pihak pengimport.

<sup>6</sup> Dokumen Berbanding Tunai (CAD) ialah pengaturan pembayaran secara tunai untuk transaksi antarabangsa di mana seorang pengeksport mengarahkan bank untuk menyerahkan dokumen perkapalan dan tajuk dokumen (lihat dokumen hakmilik) kepada pengimport apabila pengimport sepenuhnya membayar tagihan pertukaran atau draf yang disertakan.

<sup>7</sup> *Letter of Credit* atau Surat kredit adalah surat yang dikeluarkan oleh Bank sebagai pihak untuk menjamin pengeksport dan pengimport akan memperoleh apa yang mereka inginkan sesuai dengan transaksi perjanjian. Bank akan menyimpan wang dari pengimport terlebih dahulu, dan hanya akan membayarnya kepada pengeksport jika pengeksport dapat menunjukkan dokumen pengiriman sesuai dengan *Letter of Credit*.

<sup>8</sup> *Bill of Lading* ialah dokumen yang dikeluarkan oleh pembawa, atau ejennya, kepada pengirim sebagai kontrak pengangkutan barang. Ia juga merupakan resit untuk kargo yang diterima untuk pengangkutan, dan mesti dikemukakan untuk mengambil penghantaran ke destinasi. Antara butiran maklumat lain, satu bil muatan mengandungi (1) Nama konsain dan nama penerima, (2) Nama pelabuhan berlepas dan destinasi, (3) Nama kapal, (4) Tarikh berlepas dan ketibaan, Senarai item barang yang diangkut dengan bilangan pakej dan jenis pembungkusan, (6) Tanda dan nombor pada pakej, (7) Berat dan jumlah kargo, (8) Kadar dan jumlah pengangkutan.

<sup>9</sup> Iwannitosa Putra (Pegawai Bahagian Hubungan Awam, Koperasi Baitul Qirad Baburayyan), dalam temu bual dengan penulis, 31 Julai 2017.

kemudian,<sup>10</sup> atau pembelian dengan bayaran awal dan penyerahan barang berlaku pada waktu lain.<sup>11</sup> Konsep jualan *salam* ini dibolehkan oleh syarak. Ia merupakan konsep yang dikecualikan oleh syarak daripada perniagaan yang tidak wujud berdasarkan dalil daripada al-Quran, al-Sunnah, dan ijmak seperti yang telah dihuraikan pada perbincangan sebelum ini. Konsep jualan ini dikira sah jika memenuhi rukun dan syarat jual beli menurut syarak pada umumnya, begitu juga rukun dan syarat khusus bagi konsep jualan *salam*. Menurut jumhur ulama' kecuali mazhab Hanafi, rukun jualan konsep *salam* ada tiga perkara iaitu:<sup>12</sup>

1. Lafaz *ijāb* dan *qabūl* ( penawaran dan penerimaan)
2. Pembeli (*muslim*) dan penjual (*muslam ilaih*)
3. Barang (*muslam fīh*) dan modal (*ra'sul māl*)

**Jadual 4.1.** Syarat-Syarat Akad Jualan *Salam*.

Syarat-Syarat Akad Jualan <i>Salam</i>			
Syarat penjual dan pembeli	Syarat modal	Syarat barang	Syarat penyerahan barang
Lafaz <i>ijāb</i> dan <i>qabūl</i> akad salam atau jual beli umum.	Modal mesti diketahui	Barangan (hutang) yang bertangguh	Penyerahan secara tangguh
		Mengetahui ukuran dan timbangan	Barang wujud masa akad penyerahan
Akad langsung	Mengetahui jenis modal	Barang diketahu dan jelas sifatnya	Mengetahui tempoh penyerahan
Akad boleh melalui alat (pandangan jumhur)	Modal mestilah diserahkan pada majlis akad	Jelas tempoh penyerahan	Mengetahui tempat penyerahan
	Penyerahan tempoh selewat-lewatnya 3 hari	Barang sejenis	Penyerahan barang sesuai tempahan
		Bukan barang ribawi	Mengetahui tempoh penyerahan

Sumber: Penyelidikan.

<sup>10</sup> Muhammad Ibn Rushd, *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtasid*, (Beirut: Dar al-Kalam, 1988), *al-Mabsūt* 12:124, Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, ed. ke-4 (Damshik: Syiria, 2002), 3603.

<sup>11</sup> Wahbah al-Zuhaylī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, ed. ke-4 (Damshik: Syiria, 2002), 5:3604.

<sup>12</sup> *Ibid.*

## 1) Analisis syarat lafaz, penjual dan pembeli

Pihak penjual dan pihak pembeli merupakan rukun yang disepakati oleh para fuqaha empat mazhab. Namun mereka berbeza pendapat tentang pengucapan lafaz *ijāb* dan *qabūl* pada masa akad berlangsung. Antara perkara yang menjadi isu ialah, adakah lafaz *ijab* dan *qabūl* mesti diucapkan dengan lafaz *salam* atau hanya menggunakan lafaz umum sepetimana *ijāb* dan *qabūl* pada perniagaan secara umum. Mengikut pendapat mazhab Syafi'i, ia mesti dilafazkan dengan menggunakan lafaz *salam* kerana ia merupakan rukun sah akad jual beli *salam*. Manakala jumhur ulama' daripada kalangan mazhab Hanafi, Maliki dan Hambali memadai dengan lafaz akad jual beli pada umumnya kerana konsep jual beli *salam* merupakan keringanan dan pengecualian daripada konsep perniagaan barang yang tidak wujud sepetimana pendapat al-Kāsānī.<sup>13</sup>

Manakala akad *salam* antara *ijāb* dan *qabūl* di sisi mazhab Syafi'i, mestilah berterusan dan tidak boleh dipisahkan, kerana dalam konsep ini penyerahan modal mestilah diserahkan pada akad sebelum bersurai. Ini adalah sepakat para ulama kecuali Mazhab Maliki yang membolehkan penyerahan modal atau wang dalam masa tiga hari. Mengikut konsep jualan tempahan terkini pula, Muḥammad Taqī al-Uthmānī mengatakan bahawa jumhur ulama' berpendapat bahawa lafaz *ijab* dan *qabūl salam* melalui alat telefon bimbit atau seumpamanya, jika berlaku akad *salam* antara pihak atau dua negara yang berjauhan, dengan syarat pihak pembeli menghantar harga barang belian terlebih dahulu kepada pihak penjual sebelum melafazkan akad jual beli *salam*.<sup>14</sup>

<sup>13</sup> *Badā'i al-Sanā'i* 4:430, *Mughnī al-Muhtāj*, 2:134.

<sup>14</sup> Muḥammad Taqī al-Uthmānī, *Fiqh al-Buyū* (Pakistan: Maktabah Maārif al-Qurān, 2015), 1:568.

**Jadual 4.2.** Analisis Perbandingan Pihak yang Berakad Menggunakan Akad *Bay' Salam* dengan Konsep Akad Jualan Tempahan Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan.

Bil	Syarat <i>bay' salam</i> 1) Pihak yang berakad	Operasi Perniagaan KBQ Baburayyan	
		Pasaran Domestik	Pasaran Antarabangsa
1	<i>Ijab</i> dan <i>qabūl</i>	Pihak KBQB dan pihak pembeli domestik	Pihak KBQB dan pihak pembeli luar negara kaedah sampel
2	Lafaz	Tempah langsung	Tempah langsung
3	Akad dan alat lafaz	Akad Perjanjian/telefon bimbit	Akad Perjanjian/telefon bimbit

Sumber: Penyelidikan.

Merujuk penjelasan daripada rukun pertama dalam jadual 4.2, konsep jualan *salam*, penyelidik mendapati bahawa konsep *ijab* dan *qabūl* yang dijalankan pada jualan operasi perniagaan kopi Gayo oleh Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan bertepatan dengan kehendak syarak menurut perniagaan Islam konsep jualan *salam*. Akad *ijab* dan *qabūl* yang dijalankan secara langsung oleh pihak Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan dengan pihak pembeli pasaran domestik dan pasaran eksport antarabangsa dengan kaedah sampel yang dihantar kepada pihak pembeli luar sebelum menjalankan akad pembelian. Manakala alat yang digunakan untuk menempah barang ialah telefon bimbit yang telah dibenarkan menurut jumhur ulama<sup>15</sup>. Pada kebiasaananya, pihak pembeli akan datang dan mengadakan kontrak perjanjian dengan pihak Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan atau melalui pameran kopi Antarabangsa. Bagi pihak pembeli pasaran domestik, pihak pembeli akan datang dan mengadakan kontrak perjanjian pembelian dengan pihak Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan sebelum menempah pembelian kopi Gayo.<sup>15</sup>

---

<sup>15</sup> Iwannitosa Putra (Bahagian Hubungan Awam, Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan), dalam temu bual dengan penulis, 31 Julai 2017.

## 2) Analisis Syarat Modal

Dalam perbincangan ini, terdapat dua perkara penting yang akan dihuraikan. Pertama ialah syarat modal mestilah diketahui dengan jelas supaya tidak berlaku *gharar*, kerana konsep jual beli *salam* ialah barang yang ditukar dengan harta semasa berlangsungnya akad. Jenis mata wang yang digunakan perlu jelas. Jika modal menggunakan mata wang, ia mestilah mengikut keadaan negara berkenaan. Kedua ialah penyerahan modal berlaku ketika berlangsungnya akad dan sebelum bersurai. Perkara ini menjadi kesepakatan jumhur ulama' yang menjadi syarat sahnya akad iaitu modal mesti diterima pada awal akad. Berbeza dengan pandangan mazhab Maliki yang membenarkan menangguhkan tempoh penyerahan modal sehingga tiga hari sebagai keringanan kepada pembeli. Walaupun demikian, mereka tidak membenarkan jika lebih daripada tiga hari kerana akan menjadi perniagaan hutang yang ditegah oleh syarak.<sup>16</sup>

**Jadual 4.3.** Analisis Perbandingan Syarat Modal *Bay' Salam*

dengan Koperasi Baitul Qirad Baburayyan.

Bil	Syarat <i>Bay' Salam</i> 2) Syarat Modal	Operasi Perniagaan Koperasi Baitul Qirad Baburayyan	
		Pasaran Domestik	Pasaran Antarabangsa
1	Jenis modal	Mata wang Rupiah	Mata wang Rupiah
2	Penyerahan pada majlis akad atau tempoh 3 hari	Deposit 50%	Tunai % Surat kredit (LC)

Sumber: Penyelidikan.

Berdasarkan jadual 4.3, syarat modal yang digunakan oleh pihak Koperasi Baitul Qirad Baburayyan bertepatan dengan konsep *salam* iaitu jenis mata wang Rupiah negara Indonesia. Begitu juga konsep jualan tempahan pasaran eksport yang diamalkan oleh pihak

<sup>16</sup> Wahbah al-Zuhaylī, 5:3605, Muhammad Taqī al-Uthmānī, 1:563.

Koperasi Baitul Qiradhb Baburayyan bertepatan dengan konsep *salam*, kerana sistem pembayaran secara tunai 100 peratus semasa berlangsungnya majlis akad jualan tempahan setelah keluarnya *bill of lading* iaitu satu bil muatan yang mengandungi dokumen undang-undang antara pengirim dan pembawa yang memperincikan jenis, kuantiti dan destinasi barang yang dibawa. Rang undang-undang muatan juga berfungsi sebagai penerimaan penghantaran apabila barang-barang dihantar ke destinasi yang telah ditetapkan. Dokumen ini mestilah berdasarkan barang yang dipindahkan tanpa mengira bentuk pengangkutan dan mesti ditandatangani oleh wakil yang diberi kuasa daripada pembawa, pengirim dan penerima.<sup>17</sup>

Antara kaedah transaksi pembayaran yang dijalankan oleh pihak Koperasi Baitul Qiradhb Baburayyan dalam perniagaan eksport antarabangsa ialah menggunakan surat kredit. Surat kredit merupakan salah satu instrumen pembayaran dalam transaksi perdagangan antarabangsa. Ia merupakan instrumen pembayaran yang paling diterima penggunaannya dalam urusniaga antarabangsa kerana menyediakan perlindungan kepada pengeksport dan pengimport.<sup>18</sup> Surat kredit bermaksud satu dokumen yang dikeluarkan oleh bank bagi pihak pelanggannya (pengimport) dan ditujukan kepada benefisiari (pengeksport). Surat kredit akan mengesahkan jaminan bahawa bank akan membayar sejumlah tertentu kepada benefisiari atau pengeksport berdasarkan bil pertukaran yang disertakan bersama-sama dokumen yang lain dengan syarat surat kredit itu dikeluarkan mengikut peraturan-peraturan surat kredit.<sup>19</sup>

---

<sup>17</sup> *Bill Of Lading*, laman sesawang Investopedia, <https://www.investopedia.com/corp/about.aspx>, dicapai 5 Februari 2018.

<sup>18</sup> Charles W.L. Hill, *International Business: Competing in the Global Marketplace* (Irwin: Mc Graw Hill, 1999).

<sup>19</sup> Hinkelman, Edward G et al, *Dictionary of International Trade* (US: World Time Press, 2002).

Dalam perniagaan Islam, ia dinamakan surat kredit eksport Syariah. Menurut Dewan Syariah Nasional, Majlis Ulama Indonesia,<sup>20</sup> surat kredit eksport Syariah adalah surat pernyataan yang dikeluarkan oleh Bank yang digunakan bagi transaksi pembayaran kepada pihak pengeksport dalam perdagangan eksport antarabangsa yang sesuai dengan prinsip Syariah..

Manakala menurut Organisasi Perakaunan dan Pengauditan bagi Institusi Kewangan Islam (AAOIFI),<sup>21</sup> surat kredit ialah suatu akta bertulis oleh bank (dikenali sebagai penerbit) yang diberikan kepada penjual (benefisiari) seperti arahan pembeli (pemohon atau penaja) atau dikeluarkan oleh bank untuk kegunaannya sendiri, menjalankan untuk membayar jumlah tertentu (secara tunai atau melalui penerimaan atau pembubaran rang undang-undang pertukaran), dalam masa tertentu, dengan syarat bahawa penjual menyertakan dokumen untuk barang yang mematuhi arahan.

Dalam sistem perbankan Syariah, operasi penggunaan surat kredit Syariah dalam transaksi pembayaran perniagaan eksport antarabangsa adalah sama dengan operasi yang dipraktikkan dalam transaksi pembayaran surat kredit sistem konvensional. Elemen utama yang membezakan antara kedua-duanya adalah aplikasi penggunaan kontrak-kontrak muamalat dalam surat kredit Syariah yang ditawarkan oleh sistem perbankan Syariah.<sup>22</sup>

Seiring dengan berkembangnya penggunaan surat kredit Syariah dalam transaksi pembayaran pada perniagaan eksport antarabangsa dalam setiap negara, maka kontrak muamalat yang diamalkan oleh perbankan Syariah berbeza mengikut fatwa negara

---

<sup>20</sup> Majlis Syariah Nasional, Majlis Ulama Indonesia, "Fatwa Surat Kredit Eksport Syariah," (fatwa nombor 35/DSN-MUI / IX / 2002).

<sup>21</sup> Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions (AAOIFI), "Shari'ah Standard No. (14), 2/1, Documentary Credit 2017, 396.

<sup>22</sup> Ahmad Khilmy Bin Abdul Rahim dan Mohd Shahril Bin Ahmad Razimi, "Surat Kredit-i Sebagai Metod Pembayaran dalam Perdagangan Antarabangsa dan Isu-isu Syariah", *Procedia-Social and Behavioral Sciences* 00 (2014), 2.

berkenaan. Di Indonesia, merujuk kepada fatwa yang dikeluarkan oleh Dewan Syari'ah Nasional, Majlis Ulama Indonesia (MUI) pada 14 September 2002,<sup>23</sup> akad yang digunakan dalam transaksi pembayaran menggunakan surat kredit Syariah dalam perniagaan eksport antarabangsa yang menepati konsep Syariah ialah menggunakan kontrak akad *wakālah bi al-ujrah, qard, mudarabah, musyārakah* dan *al-bay'*. Menurut AAOIFI, akad yang menepati syarak ialah akad *wakālah, kafālah, murābahah* dan *musyārakah*.<sup>24</sup> Manakala di Malaysia, kontrak yang digunakan ialah akad *wakālah, murābahah* dan *musyārakah*. Adapun di negara-negara Timur Tengah, akad *musyārakah* merupakan kontrak yang digunakan secara meluas oleh perbankan Syariah.<sup>25</sup>

Menurut Muḥammad Taqī al-Uthmānī, penggunaan surat kredit dalam perniagaan eksport antarabangsa adalah dibolehkan dengan syarat akad perniagaan bukan pada barang ribawi.<sup>26</sup> Termasuk juga bebas daripada menggunakan transaksi pembayaran sistem riba seperti yang diamalkan oleh perbankan konvensional.

Antara amalan riba yang terdapat dalam surat kredit perbankan konvensional ialah amaun denda (penalty) yang perlu dibayar oleh bank penerbit (issuing bank) kepada bank pembayar (reimbursing bank) dalam situasi kegagalan bank penerbit menyediakan pembayaran dalam tempoh yang ditetapkan. Tempoh masa bank penerbit perlu membuat pembayaran kepada bank pembayar dinyatakan dalam bentuk bilangan hari-hari seperti 3 hari bekerja, 5 hari bekerja atau 7 hari bekerja. Sekiranya bank penerbit gagal membuat pembayaran dalam tempoh tersebut maka penalti dalam bentuk *interest* akan dikenakan. Amaun denda yang dikenakan pula adalah berbeza antara satu negara dengan negara yang

<sup>23</sup> Majelis Ulama Indonesia (MUI), Fatwa Dewan Syari'ah Nasional Mengenai Surat Kredit Perniagaan Eksport Syari'ah, 2002, (No. 35/DSN-MUI/IX/2002).

<sup>24</sup> Organisasi Perakaunan dan Pengauditan bagi Institusi Kewangan Islam (AAOIFI), *al-Ma‘āyir al-Syar‘iyah* 2017, 399-404.

<sup>25</sup> Ahmad Khilmy Bin Abdul Rahim dan Mohd Shahril Bin Ahmad Razimi, 2.

<sup>26</sup> Muḥammad Taqī Uthmānī, *Fiqh al-Buyū*, 1:1063.

lain bergantung kepada nilai mata wang dan jumlah hari penangguhan yang berlaku. Ada bank yang mengenakan amaun denda sebanyak 5 peratus, sebahagian yang lain sebanyak 7 peratus dan ada sesetengah kes amaun yang dikenakan mencapai 9 peratus.<sup>27</sup>

Oleh yang demikian, transaksi pembayaran perniagaan eksport antarabangsa menggunakan surat kredit melalui perkhidmatan perbankan konvensional sistem riba yang dijalankan oleh pihak koperasi Baitul Qirad Baburayyan tidak menepati hukum syarak. Untuk itu, pihak Koperasi Baitul Qirad Baburayyan perlu menukar sistem transaksi pembayaran menggunakan surat kredit perbankan konvensional kepada surat kredit Syariah melalui perbankan Syariah dengan menggunakan kontrak akad *wakālah bi al-'ujrah, qard, mudārabah, musyārakah* dan *al-bay'*, sepertimana fatwa yang dikeluarkan oleh Dewan Syariah Indonesia.

Manakala konsep jualan tempahan yang dijalankan oleh pihak Koperasi Baitul Qirad Baburayyan pada pasaran domestik dengan bayaran deposit 50 peratus pada masa berlangsungnya akad jual beli tempahan dan baki bayaran setelah sampainya barang dalam masa tujuh hari adalah tidak sesuai menurut konsep jualan tempahan konsep *salam* kerana akan berlaku jual beli hutang dengan hutang yang ditegah oleh syarak. Para fuqahā daripada mazhab Hanafi, Syafi'i dan Hambali bersepakat bahawa pembayaran barang mesti diserahkan 100 peratus pada masa berlangsungnya akad tempahan sebelum bersurai atau boleh diserahkan selambat-lambatnya dalam masa tempoh tiga hari menurut pendapat fuqahā mazhab Maliki. Pandangan ini juga yang dipersetujui oleh Kesatuan Fikah Islam Antarabangsa.<sup>28</sup> Pendapat tersebut sesuai dengan *maqāṣid* Syariah di sebalik pensyariatan jualan *salam*. Memandangkan pembeli juga memerlukan tambahan modal bagi

---

<sup>27</sup> Ahmad Khilmy Bin Abdul Rahim dan Mohd Shahril Bin Ahmad Razimi, 7.

<sup>28</sup> Resolusi no. 85, (2/9) Kesatuan Fikah Islam Antarabangsa, pada sidang kali kesembilan, pada April 1995, 193.

mencukupkan bayaran. Ia juga disokong oleh kaedah fekah yang bermaksud “sesuatu yang dekat dengan sesuatu yang lain, maka ia mengambil hukumnya.”<sup>29</sup> Larangan ini merujuk kepada dalil hadith yang diriwayat oleh Dār al-Quṭnī sepetimana berikut:

نَهِيَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ بَيْعِ الْكَالَىٰ بِالْكَالَىٰ ، وَهُوَ بَيْعُ الدِّينِ بِالدِّينِ

Terjemahan: Rasulullah SAW mlarang jual beli hutang dengan hutang.<sup>30</sup>

Jual beli *الكالى بالكالى* ialah jual beli hutang dengan hutang<sup>31</sup> yang bermaksud transaksi jual beli secara langsung dengan bayaran harga ditangguhkan sepenuhnya di kemudian hari atau juga dinamakan pertukaran harta dengan harta secara hutang. Larangan ini adalah kerana berlakunya *garar* terhadap tempahan barang yang belum dimiliki.<sup>32</sup>

### 3) Analisis Syarat Barang

Barang memainkan peranan penting dalam konsep *salam* kerana melibatkan perniagaan yang tidak wujud dan diiktiraf oleh syarak. Barang yang dimaksudkan ialah barang yang bermanfaat secara syarak. Antara syarat-syarat barang ialah, mesti diketahui spesifikasi jenis barang. Begitu juga boleh dijelaskan sifat dan kadarnya.<sup>33</sup>

**Jadual 4.4.** Analisis Perbandingan Syarat Barang *Bay' Salam* dengan KBQB.

Bil	Syarat <i>Bay' Salam</i> Syarat Barang	Operasi Perniagaan Koperasi Baitul Qirad Baburayyan	
		Pasaran Domestik	Pasaran Antarabangsa
1	Jenis barang	Kopi Arabika Gayo	Kopi Arabika Gayo
2	Spesifikasi barang	Kopi beras atau <i>green beans</i> kualiti eksport dan kualiti rendah	Kopi beras atau <i>green beans</i> kualiti eksport
3	Timbangan	Kilogram/Tan	Kilogram/Tan

Sumber: Penyelidikan.

<sup>29</sup> Zaharuddin Abd. Rahman. *Fiqh Kewangan Islam*, 359-359. Muhammad Taqī al-Uthmānī, 1:565.

<sup>30</sup> Al-Dār al-Quṭnī, 3:269, Bayhaqī, 5:290, al-Mustadrak Hakim, 2:2341. Status hadith ini diperselisihkan oleh para ahli hadith, namun sepakat para ulama malarang transaksi perniagaan hutang dengan hutang.

<sup>31</sup> Majid al-Din Abī al-Sa'ād al-Mubārak bin al-Shayabānī al-Juzrī, *al-Nihāyah fī Ghārīb al-Hadīth wa al-'Athar* (Beirut: Dār Ihyā al-Turāth al-'Arabī, 2001), 1223.

<sup>32</sup> Wahbah al-Zuhāiylī, *Fiqh Islāmī wa Adillatuh*, ed. ke-4 (Damshik: Dār al-Fikr, 2002), 5:3607.

<sup>33</sup> *Ibid.*, 360.

Berdasarkan jadual 4.4 di atas, jenis barang yang dijual ialah kopi Arabika Gayo, manakala spesifikasi barang terhad kepada kopi Arabika biji (*coffee beans*) bukan kopi serbuk. Antara kelebihan kopi biji hijau ialah boleh disimpan selama lebih setahun, tetapi kopi serbuk perlu dibancuh dalam masa 2-4 minggu untuk menikmati kesegaran maksima.<sup>34</sup> Manakala timbangan jualan kopi Arabika Gayo mengikut ukuran kilogram dan tan. Jenis kopi bagi pasaran domestik ialah kopi Arabika Gayo kualiti eksport dan kualiti rendah. Manakala jenis kopi Arabika Gayo bagi pasaran eksport ialah kopi Arabika beras kualiti eksport. Mengikut syarat-syarat barang jualan tempahan, konsep jualan tempahan yang dijalankan oleh pihak Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan pada perniagaan pasaran domestik dan eksport adalah menepati akad jualan *salam*.

#### **4) Analisis Syarat Penyerahan Barang**

Dari aspek penyerahan barang pula, barang mesti diserahkan secara tangguh pada tempoh masa yang tertentu. Berbeza dengan mazhab Syafi'i, ia boleh diserahkan secara tunai. Tempoh penyerahan barang mendapat bahawa para ulama' berbeza pendapat namun perkara tersebut tidak terdapat dalam nas, kerana hadith hanya menyebut pada tempoh masa yang diketahui.<sup>35</sup>

**Jadual 4.5.** Analisi Perbandingan Syarat Penyerahan Barang *Bay' Salam* dengan Pihak Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan.

Bil	Syarat <i>Bay' Salam</i> Syarat Penyerahan Barang	Operasi Perniagaan KBQB	
		Pasaran Domestik	Pasaran Antarabangsa
1	Tangguh	Tangguh	Tangguh
2	Tempoh	7 hari bagi Jakarta	40 hari bagi Amerika Syarikat
3	Tempat	Pelabuhan Belawan	Pelabuhan Belawan

<sup>34</sup> *Coffee*, laman sesawang *fair trade*, dicapai 29 Oktober 2017, <https://www.fairtrade.net/products/coffee.html>

<sup>35</sup> Muhammad Taqī al-Uthmānī, *Fiqh al-Buyū*, 1:577.

**Jadual 4.5.** Sambungan.

4	Langsung	Pihak KBQB	Pihak KBQB
5	Sesuai tempahan	Sesuai tempahan	Sesuai tempahan

Sumber: Penyelidikan.

Mengikut syarat-syarat penyerahan barang, konsep jualan tempahan yang dijalankan oleh pihak Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan pada perniagaan pasaran domestik dan eksport menepati konsep jualan *salam*. Berdasarkan jadual 4.5, penyerahan barang secara tertangguh yang tidak ditentukan masanya adalah disepakati oleh jumhur ulama', tempoh masa barang sampai bergantung kepada negara yang dituju, seperti Jakarta mengambil masa selama 7 hari perjalanan laut, manakala negara Amerika dalam masa 40 hari perjalanan. Tempat penyerahan barang di Pelabuhan Belawan, Medan, Sumatera Utara yang dilakukan oleh pihak Koperasi Baitul Qiradh. Manakala barang yang dihantar itu sesuai dan menepati kehendak pihak pembeli pasaran domestik dan antarabangsa.

**Jadual 4.6.** Analisis Hasil Konsep Perbandingan Konsep Jualan *Salam* dengan Operasi Perniagaan Tempahan Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan.

Bil	Konsep <i>salam</i>	Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan		
		Pasaran Domestik	Pasaran Eksport Antarabangsa	
<b>1)</b>	<b>Pihak Yang Berakad</b>	<b>Pihak Yang Berakad</b>		<b>Pihak Yang Berakad</b>
1	<i>Ijab</i> dan <i>qabūl</i>	Pihak Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan dan pihak pembeli domestik.	✓	Pihak Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan dan pihak pembeli luar negara
2	Lafaz	Tempah langsung	✓	Tempah langsung kaedah sampel
3	Alat lafaz	Telefon bimbit	✓	Telefon bimbit
<b>2)</b>	<b>Syarat Modal</b>	<b>Syarat Modal</b>		<b>Syarat Modal</b>
1	Jenis modal	Wang Rupiah (RP/IDR)	✓	Wang Rupiah (RP/IDR)
2	Penyerahan pada majlis akad, atau selawat-lewatnya dalam tempoh 3 hari	Deposit 50 % pada masa akad, baki selepas barang diterima dalam masa 7 hari.	X	Tunai 100 %
3	Cara penghantaran	Transfer	✓	Transfer <i>Letter of Credit (LC)</i>
<b>3)</b>	<b>Syarat Barang</b>	<b>Syarat Barang</b>		<b>Syarat Barang</b>
1	Jenis barang	Kopi Arabika Gayo	✓	Kopi Arabika Gayo
2	Spesifikasi	Kopi beras atau <i>green beans</i> kualiti eksport dan rendah	✓	Kopi beras kualiti eksport
3	Barang timbangan	Kilogram/Tan	✓	Kilogram/Tan
<b>4)</b>	<b>Syarat Penyerahan Barang</b>	<b>Syarat Penyerahan Barang</b>		<b>Syarat Penyerahan Barang</b>
1	Tangguh	Tangguh	✓	Tangguh
2	Tempoh	7 hari Jakarta	✓	40 hari Amerika
3	Tempat	Pelabuhan Belawan	✓	Pelabuhan Belawan
4	Langsung	Pihak KBQB	✓	Pihak Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan
5	Sesuai tempahan	Sesuai tempahan	✓	Sesuai tempahan

Sumber: Penyelidikan

## **4.3 ANALISIS KONSEP TRANSAKSI PEMBAYARAN MENGGUNAKAN PERBANKAN INTERNET KONVENTSIONAL**

### **4.3.1 Pengenalan**

Dalam aktiviti perniagaan, para peniaga tidak akan terlepas daripada transaksi jual beli kerana perniagaan itu dikatakan menepati hukum syarak dengan berlakunya transaksi perniagaan antara penjual dan pembeli yang merupakan rukun dalam jual beli. Antara kaedah transaksi perniagaan terkini ialah transaksi pembayaran menggunakan perkhidmatan perbankan internet.

Kewujudan internet mampu menjadikan dunia tanpa sempadan. Dengan erti kata lain, internet membolehkan kita berhubung dengan sesiapa sahaja tanpa perlu bersua muka dan mengambil masa yang lama. Penggunaan internet bukan sahaja terhad untuk memperolehi maklumat, pendidikan, saluran komunikasi dan hiburan, malah internet sudah menjadi sumber pendapatan kepada masyarakat.<sup>36</sup> Menurut data statistik pengguna internet di Indonesia pada januari 2017 seramai 132,000,007 atau 55 peratus daripada populasi rakyat Indonesia seramai 262 juta orang. Ia meningkat sebanyak 51 peratus dari tahun 2016 iaitu seramai 88,000,001 orang pengguna.<sup>37</sup>

Perbankan internet mula diperkenalkan oleh bank-bank di Amerika pada tahun 1995, melalui proses globalisasi yang telah berkembang di Asia. Perkembangan perkhidmatan perbankan internet di Asia dipelopori oleh Hong Kong dan Singapura, yang ditandai dengan peningkatan jumlah bank yang menawarkan perbankan internet dari semasa ke semasa.<sup>38</sup>

<sup>36</sup> Anitha Rosland & Joni Tamkin Borhan, "Akad Dalam Perbankan Internet," *Jurnal Teknologi (Social Sciences)*, 65:1, (2013), 45.

<sup>37</sup> "Pertumbuhan Pengguna Internet di Indonesia," laman sesawang Tech In Asia, *Teknologi*, dicapai 10 Oktober 2017, <https://id.techinasia.com/pertumbuhan-pengguna-internet-di-indonesia-tahun-2016>.

<sup>38</sup> Direktorat Penelitian dan Pengaturan Perbankan Bank Indonesia, *Internet Banking Di Indonesia, Buletin Ekonomi Moneter dan Perbankan*, (2002), 43.

Di Indonesia, praktik perbankan internet telah dipelopori oleh salah satu bank swasta nasional pada pertengahan tahun 1999. Sehingga tahun 2002, terdapat 7 buah bank yang menawarkan perkhidmatan perbankan internet, iaitu Bank LIPPO, BCA, Bank Bali, BII, Bank Universal, Bank Niaga dan Citibank.<sup>39</sup> Manakala di Malaysia, perbankan internet mula dikenali dan telah memulakan perkhidmatan internet kepada pelanggan pada 15 Jun 2000 yang dipelopori oleh Malayan Bank (Maybank) yang merupakan perbankan korporat terbesar di Malaysia, dengan memperkenalkan *maybank2u.com*.<sup>40</sup> Sehingga bulan Jun tahun 2001, *maybank2u.com* telah mempunyai 300,000 pelanggan yang mencatatkan 3.7 juta urus niaga sejak dilancarkan.<sup>41</sup>

Pelbagai kemudahan yang boleh kita dapatkan melalui perkhidmatan internet, antaranya ialah menyemak baki akaun, pemindahan wang, membayar bil elektrik, membeli tiket, bayaran deposit dan lain-lain. Manakala kelebihan perbankan internet ialah boleh menjimatkan masa dan kos perjalanan untuk pelanggan di mana pelanggan dapat melakukan transaksi perbankan pada bila-bila masa dan dari mana sahaja. Keuntungan tidak hanya kepada pelanggan tetapi juga kepada pihak bank di mana perbankan internet membolehkan bank mengurangkan kos operasinya kerana bilangan pelanggan yang datang ke bank rendah, jadi bank boleh menggunakan pejabat yang lebih kecil dan pekerja yang lebih sedikit. Kecekapan ini menyebabkan bank mengurangkan kos menyewa premis dan gaji pekerja. Tambahan pula, pelanggan boleh membuat banyak transaksi kewangan pada satu masa sekaligus atau mengatur jadual urus niaga.<sup>42</sup>

---

<sup>39</sup> *Ibid*, 38.

<sup>40</sup> Anitha Rosland dan Joni Tamkin Borhan, 47.

<sup>41</sup> Perbankan Internet Masa Depan dan Penerimanya di Malaysia Laman Sesawang Akhbar Utusan Online, laman sesawang akbar Utusan Malaysia, dicapai 4 Oktober 2017, [http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2001&dt=0726&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Megabait&pg=me\\_01.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2001&dt=0726&pub=Utusan_Malaysia&sec=Megabait&pg=me_01.htm).

<sup>42</sup> Internet Banking, laman sesawang Cermati Com, dicapai, 4 Oktober 2017, <https://www.cermati.com/artikel/internet-banking-fitur-kelebihan-dan-kekurangannya>.

### **4.3.2 Analisis Konsep Transaksi Pembayaran Menggunakan Perbankan Internet Konvensional**

Secara prinsip, Islam tidak menghalang menggunakan internet untuk bermula, selagi transaksi yang dibuat melalui industri perbankan Syariah yang menepati akad yang ditetapkan oleh syarak, kerana Syariat Islam diturunkan bagi mencapai *maṣlahah* yang terbina atas dasar mendatangkan kebaikan dan menolak keburukan.<sup>43</sup> Perniagaan itu akan menepati hukum syarak apabila memenuhi syarat-syarat dan rukun-rukun menurut kontrak perniagaan dalam muamalah Islam sepetimana terdapat pihak yang mengikat kontrak seperti lafaz *ijāb* dan *qabūl*, barang dan harga seperti yang dibincangkan para ulama.<sup>44</sup>

Konsep pembentukan akad dalam perniagaan internet, pihak bank sebagai pihak penjual yang menawarkan subjek kepada pelanggan melalui perkhidmatan secara maya di mana pelanggan boleh melihat tawaran perkhidmatan yang disediakan oleh pihak bank melalui laman sesawang bank-bank tertentu. Proses berlakunya akad *ijāb* dan *qabūl* di dalam perbankan internet melalui dokumen bertulis menerusi jaringan internet berdasarkan penulisan atau dokumen secara atas talian dengan menggunakan komputer.<sup>45</sup>

Isu yang berlaku dalam perbankan internet ialah konsep akad antara penjual dan pembeli secara atas talian antara pihak bank dan pelanggan yang tidak berjumpa dalam satu majlis. Kemudian, isu yang kedua ialah tidak berlaku *khiyār majlis* yang memberi kebebasan kepada orang yang berakad untuk melakukan pilihan sama ada untuk meneruskan akad atau tidak apabila berada dalam majlis akad. Dalam hal ini, para ulama berbeza pendapat mengenai kebolehan akad dalam satu majlis antara penjual dan pembeli. Di sisi mazhab Syafi'i, salah satu syarat bagi *ijāb* dan *qabūl* ialah kedua-duanya mesti

<sup>43</sup> Zaharuddin Abd. Rahman, *Fiqh Kewangan Islam*, ed-2 (Selangor: PTS Islamika Sdn. Bhd, 2014), 418.

<sup>44</sup> Muḥammad al-Zuḥaylī, *al-Mu'tamad fī al-Fiqh al-Shāfi'ī* (Damshik: Dār al-Kalam, 2011), 3:11.

<sup>45</sup> Anitha Rosland dan Joni Tamkin Borhan, "Akad dalam Perbankan Internet", *Jurnal Teknologi (Social Sciences)*, (2013), 48.

berlangsung pada waktu itu juga tanpa diselangi oleh sesuatu yang tidak berkaitan dengannya. Manakala pendapat mazhab Hanafi dan Ahmad, bersambungnya *ijāb* dan *qabūl* dalam satu majlis tidak semestinya lahir dengan segera atau serta-merta daripada salah seorang. Manakala akad *qabūl* boleh lahir kemudian untuk beberapa ketika selama mana majlis.<sup>46</sup>

Menurut fatwa yang dikeluarkan oleh persidangan *Majma‘ al-Fiqh al-Islāmi* kali ke-6 di Jeddah pada 17-23 Shaban 1420 H bersamaan 14-20 Mac 1990 M, fatwa tersebut menyatakan bahawa akad yang berlaku antara dua orang yang tidak berada di satu tempat, masing-masing tidak melihat dan mendengar antara satu sama lain, perantara mereka ialah dengan tulisan, surat atau menghantar utusan, termasuk juga telegram, faks atau komputer, akad yang dilakukan antara kedua-dua menjadi sempurna apabila sesuatu tawaran itu sampai kepada penerima tawaran dan dia menerimanya.<sup>47</sup>

Melihat kepada pandangan para ulama’ melalui huraian di atas, perniagaan melalui perkhidmatan perbankan internet adalah boleh diamalkan dan akad yang dilakukan adalah sempurna menurut muamalah Islam, walaupun akad yang berlaku antara pihak bank dan pelanggan tidak bertemu dalam satu majlis, dengan syarat pihak pembeli menerima tawaran dari pihak bank yang dilakukan secara bertulis melalui dokumen bertulis digital yang disediakan dengan menggunakan peralatan komputer.

Walaupun begitu, perbankan yang digunakan hendaklah melalui perbankan Syariah. Ini disebabkan pihak koperasi Baitul Qiradh Baburayyan perlu membuat akaun bank dalam bentuk simpanan atau pelaburan sebelum mendapatkan perkhidmatan perbankan

---

<sup>46</sup>*Ibid.*, 49.

<sup>47</sup>Anitha Rosland dan Joni Tamkin Borhan, 49.

internet daripada pihak bank seperti Bank Negara Indonesia (BNI).<sup>48</sup> Dalam hal ini, pihak pegawai bahagian kewangan Koperasi Baitul Qirad Baturayyan masih mengekalkan perbankan konvensional dalam transaksi pembayaran menggunakan perkhidmatan perbankan internet.<sup>49</sup> Walaupun akaun perbankan Syariah dengan perbankan konvensional sama, namun elemen yang membezakan antara kedua-duanya adalah aplikasi penggunaan kontrak-kontrak muamalat. Perbezaan utama di antara bank Syariah dengan bank konvensional adalah kerana aktiviti riba yang diamalkan oleh bank konvensional. Kewujudan riba secara pasti di bank konvensional ini disepakati oleh kesatuan ulama berwibawa seluruh dunia melalui Kesatuan Fiqh Antarabangsa.<sup>50</sup>

Antara riba yang terdapat dalam akaun simpanan biasa (*ordinary savings account*) konvensional, setiap pemegang akaun dijanjikan pulangan tertentu atau kadar faedah tetap sekitar 0.1 dan 0.2 peratus<sup>51</sup> kepada pelanggan daripada simpanan yang dibuat. Berlakunya riba di dalam akaun simpanan konvensional, pihak bank telah meminjam duit yang disimpan oleh pelanggan bagi modal menjalankan aktiviti-aktiviti perniagaannya. Justeru, sebarang pertambahan dalam bentuk pulangan kepada simpanan pelanggan adalah dikira sebagai riba daripada transaksi pinjaman.<sup>52</sup>

Adapun riba dalam akaun pelaburan dengan pulangan tetap (*fixed deposit account*) kovensional ialah pihak bank akan menetapkan pulangan dengan kadar faedah tertentu. Seperti 3 peratus kepada pelanggan atau pelabur bagi suatu tempoh matang antara satu hingga 11 bulan, daripada hasil pinjaman simpanan yang digunakan sebagai modal

<sup>48</sup> Perbankan Internet Bank Negara Indonesia (BNI), laman sesawang Bank Negara Indonesia, dicapai 15 Februari, 2018, <http://www.bni.co.id/en-us/ebanking/bniinternetbanking>.

<sup>49</sup> Devi Puspa (Pegawai Bahagian Kewangan Koperasi Baitul Qirad Baturayyan), dalam temu bual dengan penulis, 1 Ogos 2017.

<sup>50</sup> Zaharuddin Abd. Rahman, *Wang, Anda dan Islam*, 27.

<sup>51</sup> *Ibid.*, 34.

<sup>52</sup> Bank Muamalat Malaysia Berhad, “Perbandingan Antara Perbankan Islam dan Perbankan Konvensional” (Selangor: Wahlitho Printing Sdn Bhd, t.t), 12.

pelaburan dengan syarikat yang kukuh ataupun untuk memberi pinjaman secara riba kepada syarikat-syarikat bagi membantu pernigaan mereka. Jumlah pulangan tertentu seperti 3 peratus dinamakan riba hutang daripada jenis *al-Qard*.<sup>53</sup> Riba *al-qard* ialah riba yang berlaku disebabkan pinjaman. Ia merupakan kadar atau sebarang manfaat tambahan yang disyaratkan atas pemberian jumlah pinjaman pokok. Syarat ini dibuat di awal akad pinjaman yang dikenakan oleh pihak yang memberi pinjaman kepada pihak peminjam.<sup>54</sup>

**Jadual 4.7.** Perbezaan Akaun Simpanan Biasa Perbankan Islam dengan Perbankan Konvensional.

Perkara	Perbankan Islam	Perbankan Konvensional
Produk	Akaun simpanan biasa	Akaun simpanan biasa
Kontrak	<i>Wadī'ah</i>	Pinjaman
Pulangan	Tertakluk budi bicara pihak bank	Pulangan tertentu seperti 3 peratus.

Sumber: Penyelidikan.

Hal ini tidak berlaku dalam perbankan Syariah, di mana setiap simpanan pelanggan menggunakan akad yang sesuai dengan Syariah. Dalam akaun simpanan biasa perbankan Syariah, akad yang digunakan adalah kontrak *wadī'ah*. Akad *wadī'ah* ialah memberi kuasa kepada orang lain untuk menjaga hartanya sendiri, ataupun mewakilkan kepada orang lain supaya menjaga harta yang dimilikinya dengan cara tertentu.<sup>55</sup> Ia merupakan bentuk akaun simpanan, yang mana pihak bank menerima deposit daripada penyimpan yang ingin penjagaan selamat dan kemudahan wang mereka. Pihak bank meminta keizinan penyimpan untuk menggunakan wang mereka selagi wang tersebut tersimpan dengannya. Penyimpan berhak mengeluarkan sebahagian atau kesemua baki simpanan mereka pada bila-bila masa mereka kehendaki. Segala manfaat dan keuntungan daripada penggunaan baki simpanan

<sup>53</sup> Zaharuddin Abd. Rahman, 33-35.

<sup>54</sup> *Ibid.*, 20

<sup>55</sup> *Majallah al-Ahkām al-'Adliyyah*, Perkara 768.

penyimpan akan menjadi milik bank.<sup>56</sup> Hibah atau hadiah (dalam bentuk wang) boleh diberikan kepada penyimpan sebagai penghargaan, ianya tertakluk kepada budi bicara daripada pihak bank.<sup>57</sup> Walaupun demikian, bagi pihak bank sama sekali tidak boleh menjanjikan untuk memberikannya dan bagi pihak pelanggan pula tidak boleh menuntutnya.<sup>58</sup>

**Jadual 4.8.** Perbezaan Akaun Pelaburan Perbankan Islam dengan Perbankan Konvensional.

Perkara	Perbankan Islam	Perbankan Konvensional
Produk	Akaun simpanan biasa	Akaun simpanan biasa
Kontrak	<i>Mudārabah</i>	Pinjaman
Pulangan	Perkongsian keuntungan mengikut peratusan yang dipersetujui	Pulangan tertentu atau kadar faedah tetap sekitar 0.1 dan 0.2 peratus.

Sumber: Penyelidikan.

Manakala dalam akaun pelaburan, perbankan Syariah menggunakan konsep perkongsian keuntungan dan risiko yang sebenar dan tidak membebankan kedua-dua pihak atau salah satu pihak yang terlibat. Antara akad yang digunakan ialah akad *mudārabah*, pelanggan sebagai pelabur dan pihak bank sebagai pengusaha, berkongsi keuntungan ketika mendapat keuntungan dengan kadar tertentu (seperti sepertiga, seperempat, atau setengah) yang ditetapkan pada peringkat awal. Manakala kerugian akan ditanggung oleh pelabur atau pemodal,<sup>59</sup> dan dilaburkan bagi kegunaan perniagaan bank Islam, yang dilaburkan bagi perniagaan pihak ketiga yang telah dipastikan halal. Berbeza dengan pelaburan konvensional yang menjanjikan pulangan tetap di awal kontrak, yang mana pelaburan ini

<sup>56</sup> Joni Tamkin Borhan (2005), “Pelaksanaan Prinsip-Prinsip Syariah Dalam Amalan Perbankan Islam di Malaysia”, dalam Teori dan Aplikasi Kontemporari Sistem Ekonomi Islam di Malaysia, ed. Abdullah Alwi Hj Hassan et al (Kuala Lumpur: Utusan Publication), 68.

<sup>57</sup> Bank Muamalat Malaysia Berhad, 12.

<sup>58</sup> Al-Ma‘ayyir al-Syar‘iyyah, AAOFFI. 350.

<sup>59</sup> Muṣṭafa al-Khin, Muṣṭafa al-Bughā dan Ali al-Sharbajī, *al-Fiqh al-Manhajī Mazhab al-Shāfi‘ī*, ed. ke-14 (Damshiq: Dār al-Kalam, 2013), 3:235-236.

tidak melibatkan perkongsian sebenar di antara pihak terlibat. Pulangan tetap yang dijanjikan di awal kontrak pelaburan adalah riba dan haram dalam Islam.<sup>60</sup>

Pengharaman amalan sistem riba merupakan matlamat perniagaan Islam, kerana begitu banyak kezaliman, penindasan yang berlaku dalam aspek perniagaan dan pinjaman dalam sistem riba. Antara penindasan yang berlaku kepada pelanggan adalah pihak bank memberikan pulangan sedikit seperti yang telah ditetapkan walaupun pihak bank mendapat banyak keuntungan daripada pelaburan yang menggunakan simpanan pelanggan.<sup>61</sup>

Menurut hukum asal tindakan bekerjasama dan membantu industri perbankan konvensional adalah haram sepertimana dalil umum sepertimana firman Allah SWT:

وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى إِلْكُمْ وَالْعُدُوِّنَ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ

Al-Mā''idah 5: 2

Terjemahan: Dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan dan bertakwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksaNya (bagi sesiapa yang melanggar perintahNya).

Daripada ayat di atas, Allah SWT melarang tololong menolong antara satu dengan yang lain dalam perkara melakukan dosa dan pencerobohan. Menurut al-Qurṭubī, larangan tololong menolong dalam ayat tersebut berkait mengenai perbuatan dosa dan menzalimi manusia.<sup>62</sup> Termasuklah amalan riba yang terdapat di dalamnya kezaliman dan penindasan.

Merujuk kepada al-Quran dan al-hadith, banyak tegahan bermuamalah dengan sistem riba. Dalam al-Quran terdapat lapan ayat yang melarang riba seperti<sup>63</sup> Surah al-Baqarah, 2:275, surah al-Baqarah, 2:275, surah al- Baqarah, 2:275, surah al-Baqarah 2:276,

<sup>60</sup> Bank Muamalat Malaysia Berhad, 14.

<sup>61</sup> Zaharuddin Abd. Rahman, *Wang, Anda dan Islam*, 33-34.

<sup>62</sup> Muhammad bin Ahmad al-Anṣari al-Qurṭubiy, *al-Jami' al-Aḥām al-Qurān* (Egypt: Maktabah al-Taufiqiyah, t.t), 6:41.

<sup>63</sup> Husain Muhammad Fahmi, *al-Dalīl al-Mufahras li al-Alfāz al-Qurān* (Kaherah: Dar al-Salam, 2012), 434.

surah al-Baqarah 2:278, surah Āli Imrān 3:130, surah al-Nisā 4:161 dan surah al-Rūm 30:39.

Begitu juga dengan hadith nabi yang melaknat segala aktiviti sistem riba secara spesifik seperti hadith riwayat Muslim yang bermaksud:

لَعْنَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَكْلُ الرِّبَا ، مُؤْكِلُهُ ، وَكَاتِبُهُ ، وَشَاهِدُهُ ، وَقَالَ : هُمْ سَوَاءٌ .

Terjemahan: Rasulullah SAW melaknat pemakan riba, yang mewakilinya, penulisnya, dua orang saksinya, lalu beliau berkata, mereka itu semua sama.<sup>64</sup>

Berdasarkan hadith di atas, dapat difahami bahawa pemakan riba termasuk orang yang mengenakan riba pada pinjaman, yang menjual barang riba dan mengambil untungnya. Manakala wakil riba ialah menggunakan perkhidmatan riba seperti transaksi perbankan dengan sistem riba walaupun ia tidak terlibat di dalamnya termasuk pegawai, pekerja di bank konvensional yang bertugas secara langsung seperti mempromosikan produk riba. Sedangkan saksi riba ialah orang yang memberi lesen, kontrak perniagaan kepada industri riba. Manakala penulis pula, seperti peguam yang merangka dokumen perjanjian pinjaman bank dan pelaburan konvensional.<sup>65</sup> Menurut imam Nawawi, hadith ini mengharamkan dengan jelas orang-orang yang terlibat dengan aktiviti riba kerana keterlibatan mereka tersebut telah menolong kepada perkara batil.<sup>66</sup>

Oleh itu, transaksi pembayaran menggunakan perkhidmatan perbankan konvensional Bank Negara Indonesia (BNI) yang dijalankan oleh pihak Koperasi Baitul Qiradhb Baburayyan adalah tidak bertepatan dengan hukum syarak kerana terdapat riba dalam akaun konvensional simpanan biasa dan akaun pelaburan. Walaupun hukum

<sup>64</sup> Hadith Riwayat Muslim, no. 1598, *Sahīh Muslim bi al-Sharh al-Nawāwī*, Bāb La ‘ana Akila al-Riba wa Mu’kilah, ed. ke-4 (Kaherah: Dār al-Hadith, 2001), 6:30, Abu Daud, 3:3333, al-Tirmizī, 3:12, Ibn Mājah, 2:2277.

<sup>65</sup> Zaharuddin Abd Rahman, 311.

<sup>65</sup> *Ibid*, 309.

<sup>66</sup> Al-Nawawī, *Sahīh Muslim bi al-Sharh al-Nawawī*, 6:30.

menggunakan perbankan internet dalam transaksi pembayaran adalah dibolehkan. Berbeza dengan akaun dalam perbankan Syariah yang tidak ada riba, kerana akad yang digunakan adalah bertepatan dengan syarak seperti akad *mudārabah*. Dalam hal ini, pihak Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan perlu menukar akaun perbankan konvensional kepada akaun perbankan Syariah bagi transaksi pembayaran menggunakan perkhidmatan perbankan internet. Seperti Bank Negara Indonesia Syariah atau perbankan Syariah lainnya. Apatah lagi transaksi perniagaan yang melibatkan seramai 4,395 orang peserta Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan yang beragama Islam yang berada di 13 buah daerah di kawasan Aceh Tengah dengan keluasan perladangan kopi Arabika Gayo sekitar 4,984,30 hektar.<sup>67</sup>

Memilih perbankan Syariah dalam setiap transaksi perniagaan wajib diamalkan terutama pihak Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan yang terlibat. Antara aspek penting menggunakan perbankan Syariah adalah seperti berikut:<sup>68</sup>

1) Larangan tolong menolong atas perkara haram

Perbankan konvensional merupakan perbankan yang mengamalkan sistem riba. Masyarakat Islam, khususnya pihak koperasi dan syarikat perniagaan kopi Gayo yang terlibat dalam perbankan tersebut dilarang tolong menolong terhadap perkara haram dan batil. Larangan ini merujuk kepada al-Quran surah al-Maidah 5:2, firman Allah SWT:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْإِمْرٍ وَالثَّقْرُىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدُونَ وَأَنَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٥﴾

Al-Mā''idah 5: 2

Terjemahan: Dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan dan bertakwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksaNya (bagi sesiapa yang melanggar perintahNya).

<sup>67</sup> Profil Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan 2015.

<sup>68</sup> Nor Aisyah Mohd Yunus dan Shofian Ahmad, “Integrasi Pembiayaan Islam dan Pensijilan Halal di Malaysia Menurut Perspektif Islam”, dalam *Jurnal Muamalat* 8, ed. Mohammad Bin Saari (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2015), 198-200.

Ayat ini dapat difahami bahawa tolong menolong hanya pada perkara yang baik yang menepati hukum syarak. Manakala perkara yang dilarang oleh syarak tidak dibenarkan untuk tololong menolong. Oleh itu, jika pihak koperasi dan syarikat yang menjalankan perniagaan kopi Gayo berleluasa menggunakan perkhidmatan perbankan konvensional, maka sektor perbankan konvensional yang berasaskan riba akan terus berkembang, ini menyamai perbuatan bertolong-tolongan dalam perkara haram.

## 2) Peluang mengembangkan sektor perbankan Syariah

Aceh merupakan wilayah yang majoriti beragama Islam seramai 4,867,295, daripada jumlah penduduk Aceh seramai 5,001,953 orang termasuk Aceh Tengah.<sup>69</sup> Apabila 100 peratus penduduk muslim di wilayah Aceh menyokong perbankan Syariah sebagai transaksi perniagaan, ia menjadi sebagai satu kekuatan perkembangan sektor perbankan Syariah. Oleh itu, pihak kerajaan wilayah Aceh dan jabatan mufti tempatan memainkan peranan penting dalam mengembangkan perbankan Syariah dengan mengeluarkan fatwa mewajibkan setiap koperasi dan syarikat perniagaan kopi Gayo menggunakan perbankan Syariah dalam transaksi perniagaan.

## 3) Mewujudkan perkembangan koperasi dan syarikat Syariah

Apabila setiap koperasi dan syarikat mengamalkan transaksi perniagaan melalui perbankan Syariah, ia akan mewujudkan perkembangan koperasi dan syarikat Syariah utamanya koperasi yang beroperasi pada perniagaan kopi Gayo yang terletak di Aceh Tengah. Koperasi dan syarikat memainkan peranan penting dalam perniagaan kopi Gayo yang beroperasi bagi perniagaan pasaran domestik dan antarabangsa. Sehingga tahun 2017, jumlah koperasi perniagaan kopi Gayo yang berdaftar di bawah jabatan koperasi Aceh Tengah sebanyak 20 buah koperasi. Koperasi ini beroperasi sebagai

---

<sup>69</sup> Badan Pusat Statistik (BPS) Aceh, “ Provinsi Aceh Dalam Angka 2016”, 153.

koperasi perniagaan kopi Gayo pasaran domestik dan eksport antarabangsa. Manakala koperasi yang beroperasi dalam perniagaan eksport pasaran antarabangsa terdapat 7 buah koperasi. Daripada jumlah tersebut, majoriti koperasi berkenaan beroperasi sebagai koperasi konvensional termasuk Koperasi Baitul Qirad Baturayyan yang merupakan koperasi paling awal ditubuhkan pada tahun 2002.<sup>70</sup>

Dari aspek pemasaran produk kopi Arabika Gayo, koperasi dan syarikat telah mampu merentasi pasaran eksport antarabangsa. Berkembangnya koperasi dan syarikat Syariah dalam sistem perniagaan, maka akan tersebarinya produk kopi Arabika Gayo melalui proses yang menepati hukum syarak. Oleh yang demikian, perniagaan kopi Gayo boleh dinikmati oleh masyarakat dunia dan muslim khasnya. Dalam jadual 4.9, antara negara Islam yang menjadi destinasi pemasaran kopi Gayo ialah Turki, Arab Saudi dan Malaysia.

**Jadual 4.9.** Destinasi Pemasaran Koperasi dan Syarikat Perniagaan Kopi Gayo.

Bil	Nama Koperasi dan Syarikat	Negara Tujuan
1	Koperasi Baitul Qirad Baburayyan	AS, Kanada, Australia, New Zealand
2	Koperasi Ketiaran	AS, Belanda, Turki, Malaysia, Taiwan, Hongkong, Jerman
3	PT. Ketiaran <sup>71</sup>	AS, Taiwan, Inggris, Jepun, Arab Saudi
4	CV. Ardinalta Mandiri <sup>72</sup>	AS, Belanda, Kanada, Taiwan
5	CV. Gayo Mandiri Coffee	AS, Mexico, Swiden, Rusia, Jerman, Ireland, Hong Kong dan Korea.

Sumber: Jabatan Perindustrian, Perdagangan, Koperasi, Energi dan Sumber Daya Mineral, Aceh Tengah.

<sup>70</sup> Senarai Koperasi Kopi di Kabupaten Aceh Tengah 2017, Jabatan Koperasi dan Usaha Kecil dan Menengah Kabupaten Aceh Tengah.

<sup>71</sup> Syarikat Perseroan Terbatas (PT), di Malaysia dinamakan syarikat Sendirian Berhad (Sdn Bhd).

<sup>72</sup> Syarikat Commanditaire Venootschap atau Perkongsian Terhad (CV), di Malaysia dinamakan syarikat Enterprise

Dalam jadual 4.10 di bawah, negara Islam memainkan peranan penting bagi pemasaran kopi Gayo, menurut Organisasi Kopi Antarabangsa (ICO), terdapat 5 buah negara Islam sebagai pengguna kopi dunia.<sup>73</sup> Oleh itu, wujudnya koperasi dan syarikat Syariah memiliki peranan penting bagi destinasi pemasaran perniagaan kopi Gayo kepada pengguna di negara Islam dunia.

**Jadual 4.10.** Pengguna Kopi di Negara Islam 2012-2016 (60 ribu kilogram beg).<sup>74</sup>

Bil	Negara	Tahun				CAGR <sup>75</sup> (2012-2016)
		2012/2013	2013/2014	2014/2015	2015/2016	
1	Arab Saudi	1,256	1,320	1,566	1,566	7.6%
2	Turki	821	892	1,078	1,106	10.5%
3	Sudan	700	716	618	618	-4.1%
4	Morocco	634	568	573	582	-2.9%
5	Egypt	658	529	564	564	-5.0%

Sumber: Laman sesawang Organisasi Kopi Antarabangsa (ICO), dicapai 30 November 2017, data dikemas kini Julai 2017.

#### 4) Bertepatan dengan *maqāṣid sharī‘ah*

Matlamat perniagaan Islam tidak hanya untuk memperoleh keuntungan semata-mata, namun perlu melihat kepada konsep yang selari dengan hukum syarak. Perniagaan Islam memastikan bebas daripada amalan riba sehingga keuntungan yang diperolehi memberikan kebaikan dan manfaat kepada seluruh masyarakat dan ummah. Berbeza dengan perbankan konvensional yang menjalankan sistem riba keuntungan hanya dinikmati oleh sebelah pihak sahaja.<sup>76</sup>

<sup>73</sup> Trade Statistics Tables, World coffee consumption In thousand 60kg bags, laman sesawang Oraganisasi Kopi Antarabangsa (ICO) dicapai, 30 November 2017, [http://www.ico.org/trade\\_statistics.asp](http://www.ico.org/trade_statistics.asp).

<sup>74</sup> 1 beg bersamaan 60.000 kilogram. Contoh Arab Saudi sebagai pengguna kopi sebanyak 1,566 bersamaan 93.960.000 kilogram.

<sup>75</sup> Kompaun Kadar Pertumbuhan Tahunan (*Compound Annual Growth Rate*).

<sup>76</sup> Zaharuddin Abd. Rahman, *Wang, Anda dan Islam*, 34.

5) Menghalang keburukan atau *sad al-dharā'i* (سد الذرائع)

Apabila umat Islam di wilayah Aceh khususnya kawasan Aceh Tengah menggunakan perkhidmatan industri perbankan Syariah sebagai transaksi perniagaan, maka akan berkembang pesat perbankan Syariah. Oleh yang demikian, ia akan menghalang perkembangan perbankan konvensional yang mengamalkan sistem riba. Maka akan terhindar dari segala keburukan amalan riba. Ini bersesuaian dengan kaedah fiqh *sad al-dharā'i* bermaksud usaha menghalang perkara yang boleh membawa kepada kerosakan.<sup>77</sup>

6) Kemudahan memperoleh perkhidmatan perbankan Syariah

Berdasarkan data statistik perbankan Syariah Indonesia pada tahun 2017, jumlah perbankan Syariah yang beroperasi di Wilayah Aceh berjumlah 37 buah bank Syariah, 102 buah cawangan dan unit perkhidmatan Syariah yang beroperasi diseluruh wilayah Aceh, termasuklah Bank Negara Indonesia (BNI) Syariah Aceh.<sup>78</sup> Oleh itu, terdapat kemudahan mendapatkan perkhidmatan perbankan Syariah sehingga tiada alasan darurat bagi pihak koperasi Baitul Qiradh Baburrayyan mengekalkan sistem transaksi pembayaran melalui perbankan konvensional.

#### **4.4 ANALISIS PINJAMAN KEWANGAN KONSEP MURĀBAHĀH**

##### **4.4.1 Pengenalan**

Perkhidmatan pinjaman kewangan di bawah unit koperasi simpanan pinjaman yang dinamakan Koperasi Baitul Qiradh Sehati sudah beroperasi selama tiga tahun. Unit ini memberikan pinjaman kewangan kepada peniaga pengumpul sahaja. Pada tahun 2014 sehingga 2015 Koperasi Baitul Qiradh Sehati memberikan pinjaman sebanyak dua ratus

---

<sup>77</sup> Wahbah al-Zuhaylī, *Uṣul Fiqh al-Islāmī* (Damshik: Dār al-Fikr, 2013), 2:173.

<sup>78</sup> Otoritas Jasa Keuangan, Republik Indonesia, “Statistik Perbankan Syariah (SPS)”, (2017), 5.

juta rupiah IDR.200,000,000. Kemudian pada tahun 2016 sehingga kini, jumlah pinjaman kewangan dihadkan sehingga dua puluh juta rupiah IDR.20,000,000. Daripada 100 orang peniaga pengumpul di bawah binaan Koperasi Baitul Qirad Baturayyan, hanya 15 orang sahaja yang membuat pinjaman. Pinjaman kewangan yang diberikan oleh pihak koperasi untuk pembelian barang keperluan bagi peniaga pengumpul (seperti kenderaan motorsikal, peti sejuk dan lainnya) dan modal perniagaan dengan menggunakan sistem Syariah konsep *murābahah bi al-wakālah*.<sup>79</sup>

Konsep jual beli *murābahah* ialah menjual barang dengan harga awal pembelian yang sama beserta tambahan keuntungan. Menurut mazhab Maliki, ia merupakan konsep jual beli di mana pemilik barang menjual dengan harga yang dibeli dan ia mengambil untung dengan jumlah tertentu. Menurut mazhab Hanafi, ia merupakan perpindahan barang pemilikan dengan akad jual beli dan harga awal beserta tambahan keuntungan. Manakala menurut pendapat mazhab Syafi'i dan Hambali ialah penjualan dengan syarat kadar keuntungan tertentu dan modal diketahui oleh kedua-dua belah pihak yang berakad. Konsep jual beli *murābahah* merupakan akad yang dipersetujui oleh majoriti para ulama', sahabat, tabi'in dan para imam mazhab. Jual beli *murābahah* adalah disyariatkan dan hukumnya adalah harus berdasarkan dalil perniagaan dalam al-Quran dan hadith.<sup>80</sup> Manakala akad *wakālah* adalah akad penyerahan menguruskan sesuatu perkara kepada pihak yang diwakilkan dengan syarat tertentu.<sup>81</sup> Pada prinsipnya Islam mensyariatkan konsep *wakālah*, memandangkan tidak setiap individu mempunyai kemampuan menyelesaikan segala keperluannya seorang diri, ia perlu kepada bantuan daripada pihak lain sebagai wakil dirinya.

<sup>79</sup> Hasan (Pengurus Bahagian Unit Simpan Pinjam Koperasi Baitul Qirad Sehati), dalam temu bual dengan penulis 31 Julai 2017.

<sup>80</sup> Wahbah al-Zuhaylī, 5:3767

<sup>81</sup> *Ibid*, 477.

Di Indonesia, konsep jual beli *murābahah bi al-wakālah* merupakan antara konsep pembiayaan yang diminati oleh pelanggan bagi pembelian rumah dan kenderaan motorsikal. Ia merupakan konsep pembiayaan yang ditawarkan secara meluas oleh Bank Syariah Mandiri (BSM) dan Bank Muamalat Indonesia (BMI).<sup>82</sup> Manakala di Malaysia, ia merupakan satu bentuk pembiayaan yang paling popular sering digunakan oleh pemodal Islam.<sup>83</sup> Antara kelebihan konsep pembiayaan ini ialah pihak bank atau koperasi akan mendapat keuntungan secara pasti dan langsung berbanding konsep pembiayaan lain. Begitu juga risiko yang didapati adalah kecil dan mudah dalam pengurusan. Dalam praktik utamanya ia merupakan transaksi terhadap wang bukan barang.<sup>84</sup>

Di Indonesia, Fatwa Dewan Syariah Nasional memiliki peranan penting sebagai rujukan dalam setiap peraturan dan ketentuan yang berkenaan dengan semua aktiviti dalam institusi kewangan Syariah. Matlamat utama Dewan Syariah Nasional adalah untuk mengawasi produk-produk institusi kewangan Islam mengikut kehendak Syariah. Untuk itu, Dewan Syariah Nasional perlu menggariskan garis panduan mengenai produk Syariah yang diambil dari sumber hukum hakam Islam.<sup>85</sup>

Menggunakan konsep ini dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan adalah dibenarkan merujuk kepada fatwa yang dikeluarkan oleh Dewan Syari'ah Nasional, Majlis Ulama Indonesia pada 1 April 2000.<sup>86</sup> Fatwa tersebut menyatakan bahawa, jika pihak bank hendak mewakilkan kepada pelanggan untuk membeli barang daripada pihak ketiga, akad

---

<sup>82</sup> Abdul Latif, “Implementasi Fatwa DSN-MUI Terhadap Praktik Pembiayaan *Murābahah* Bank Syariah Mandiri Dan Bank Muamalat Kep Ponorogo,” *Muslim Heritage* 1, no.1 (Mei - Oktober 2016), 5.

<sup>83</sup> Nur Zuliana Osman dan Mohd Adib Ismail, “Aplikasi Akad Tambahan Dalam Produk Pembiayaan Perbankan Islam-Murabahah”, *Prosiding Perkem* 4, 2 (2011), 165.

<sup>84</sup> Abdul Latif, 4.

<sup>85</sup> Ahmad Maulidizen Dan Joni Tamkin Borhan, “Aplikasi Pembiayaan Modal Kerja *Murabahah Bi Al Wakalah* Pada Bank Muamalat Indonesia Cabang Sungkono Surabaya, *Jurnal Ilmiah Islam Futura* 16, no.1 (2016), 103.

<sup>86</sup> Fatwa *murābahah bi al-wakālah* nombor 04/DSN-MUI/IV/2000.

jual beli *murābahah* adalah harus dilakukan selepas barang secara prinsip menjadi milik pihak bank.

Dalam praktiknya, pemodal akan membeli barang (aset) daripada pembekal (pihak ketiga) dan menjualnya semula kepada pelanggan. Pelanggan akan membayar harga pembelian pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan atau secara ansuran. Harga pembelian dikira dengan merujuk kepada harga yang dibayar oleh pemodal dan tambahan kos (*mark-up*). Dari perspektif Syariah, perlu ada bukti yang jelas mengenai status undang-undang dan pemilikan yang menyatakan aset berpindah kepada pemodal sebelum ianya dijual kepada pelanggan yang lain. Hal ini dapat dikenalpasti berdasarkan bilangan jualan atau dokumen-dokumen perundangan yang lain. Jika tidak ada aset yang benar-benar dibeli dan dijual, maka transaksi tersebut boleh dibatalkan berdasarkan Syariat kerana ditakuti menyerupai pinjaman konvensional.<sup>87</sup>

Berdasarkan kepada fatwa tersebut, bolehnya menggunakan konsep *murābahah bi al-wakālah* dengan syarat barang menjadi milik pihak bank atau koperasi. Dengan demikian, konsep ini akan menjadi pinjaman dalam bentuk riba bilamana barang tidak wujud semasa berlangsungnya kada jual beli yang menjadi syarat sahnya akad jual beli *murābahah*.

**Jadual 4.11.** Kaedah Pengiraan Akad *Murābahah* Koperasi Baitul Qiradh Sehati.

Pihak Baitul Qiradh Sehati	
Jumlah pinjaman kewangan	IDR.5,000,000
Kadar keuntungan 1 %	IDR. 600,000
Harga jual	IDR.5,600,000
Pihak Peminjam	
Keperluan pinjaman kewangan	IDR.5000,000

<sup>87</sup> Nur Zuliana Osman dan Mohd Adib Ismail, 165.

**Jadual 4.11.**Sambungan.

Jumlah ansuran selama 12 bulan	IDR.5,600,000
Jumlah angsuran bulanan	IDR. 466,667

Sumber: Borang Perjanjian Akad *Murābahah* Koperasi Baitul Qiradh Sehati.

#### **4.4.2 Analisis Pinjaman Kewangan Pembelian Barang Peniaga**

**Jadual 4.12.** Analisis Perbandingan Konsep *Murābahah* dengan Konsep *Murābahah bi al-wakālah* Pinjaman Perniagaan Koperasi Baitul Qiradh Sehati.

Bil	Syarat Sah <i>Murābahah</i>	Konsep <i>Murābahah bil Wakālah</i> Koperasi Baitul Qiradh Sehati
		Pinjaman Perniagaan
1	Penjual dan pembeli (pihak yang berakad)	Jumlah pinjaman IDR. 5.000.000. Pihak koperasi dan peniaga berdaftar
2	Barang	Seperti yang terlampir
3	Harga barang	IDR.5,000,000 (harga asal daripada pihak ketiga)
4	Jumlah keuntungan	IDR. 600,000 (1%) (pihak koperasi) IDR. 5.600.000
4	Bayaran secara tunai atau tangguh.	IDR.466,667 (tangguh bulanan)
5	Modal jenis yang sama	Wang rupiah Indonesia

Sumber: Penyelidikan.

Berdasarkan jadual 4.12, syarat sah akad *murābahah bi al-wakālah* yang telah dijalankan oleh pihak Koperasi Baitul Qiradh Sehati adalah bagi pembelian barang keperluan para peniaga sepetimana yang terlampir (motorsikal, peti sejuk dan lainnya). Para peniaga memohon pinjaman kewangan kepada pihak koperasi untuk membeli barang keperluan dengan jumlah IDR. 5.000.000. Jika pihak koperasi menyetujui sesuai dengan kesepakatan kedua pihak yang berakad, pihak koperasi akan memberikan pinjaman kewangan dengan jumlah tertentu kepada peniaga dengan akad *murābahah* dan *wakālah* secara terpisah. Setelah akad *murābahah bi al-wakālah* dimaterai oleh kedua pihak, maka

pihak koperasi akan melantik peniaga (pihak peminjam) sebagai wakil untuk mendapatkan barang yang disepakati pada awal akad *murābahah bi al-wakālah*. Setelah barang tersebut telah diperolehi oleh pihak peminjam seperti yang dikehendaki, pihak koperasi akan membeli barang tersebut daripada pihak pembekal dengan harga asal IDR.5.000.000, setelah itu pihak koperasi akan menjual barang semula kepada peniaga dengan harga IDR.5.600.000 sebagai pemilikan dengan keuntungan sebanyak 1 peratus dengan jumlah IDR. 600,000. Manakala bayaran akan dibuat secara ansuran bulanan kepada pihak koperasi sehingga 12 bulan dengan jumlah IDR.466,667.

Dari pada huraian konsep *murābahah bi al-wakālah* yang dijalankan oleh pihak Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan, penyelidik mendapati konsep tersebut adalah bersesuaian dengan konsep *murābahah bi al-wakālah* yang difatwakan oleh Majlis Ulama Indonesia. Antara perkara penting ialah barang mesti menjadi milik pihak koperasi sebelum menjualnya kepada pihak peminjam sehingga berlaku transaksi jual beli yang sah konsep *murābahah*. Manakala bayaran secara ansuran bulanan secara tangguh, para ulama membolehkan bayaran secara bertangguh seperti ansuran, sepermata bolehnya pembayaran secara tunai dalam konsep *murābahah*.<sup>88</sup>

---

<sup>88</sup> Muhammad Taqī al-Uthmānī, 2:677.

#### 4.4.3 Analisis Akad Pinjaman Kewangan Modal Perniagaan

**Jadual 4.13.** Analisis Perbandingan Konsep *Murābahah* dengan Konsep *Murābahah bi al-Wakālah* Pinjaman Modal Perniagaan Koperasi Baitul Qiradh Sehati.

Bil	Syarat Sah <i>Murābahah</i>	Konsep <i>Murābahah bi al-Wakālah</i> Koperasi Baitul Qiradh Sehati
		Pinjaman Modal Perniagaan
1	Penjual dan pembeli (pihak yang berakad)	Pihak koperasi dan peniaga berdaftar
2	Barang	-
3	Harga barang	IDR.5,000,000
4	Jumlah keuntungan	IDR.600,000 (1%) IDR.5,600,000
4	Bayaran secara tunai atau tangguh.	IDR.466,667 (tangguh bulanan)
5	Modal jenis yang sama	Wang rupiah Indonesia

Sumber: Penyelidikan.

Mengikut jadual 4.13 di atas, para peniaga memohon pinjaman kewangan kepada pihak koperasi yang digunakan bagi modal perniagaan. Bila pihak koperasi menyetujui sesuai dengan kesepakatan kedua pihak yang berakad, pihak koperasi akan memberikan pinjaman kewangan sepertimana yang diperlukan oleh pihak peniaga dengan akad *murābahah bi al-wakālah* dengan jumlah IDR.5,000,000. Setelah akad *murābahah bi al-wakālah* dimaterai oleh kedua pihak secara terpisah, maka pihak koperasi akan melantik peniaga (pihak peminjam) sebagai wakil dengan akad *wakālah* untuk mengusahakan pinjaman modal dengan IDR.5,000,000 sepertimana yang disepakati di awal akad *murābahah bi al-wakālah*. Pihak koperasi akan mendapat keuntungan sebanyak 1 peratus dengan jumlah IDR.600,000 daripada pinjaman yang diberikan dengan bayaran ansuran bulanan sehingga 12 bulan sebanyak IDR.466,667.

Berdasarkan huraian di atas, penyelidik mendapati bahawa konsep akad *murābahah bi al-wakālah* yang dijalankan oleh pihak Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan bagi pinjaman kewangan adalah tidak bersesuaian dengan konsep akad *murābahah bi al-wakālah*. Merujuk kepada fatwa Majlis Ulama Indonesia, akad *murābahah bi al-wakālah* hanya boleh digunakan bagi transaksi perniagaan setelah pihak koperasi memiliki barang sebelum dijual, bermakna barang mesti berbentuk secara fizikal seperti motorsikal dan lainnya. Bilamana barang tidak wujud dan tidak menjadi milik pihak koperasi, maka ia akan menjadi pinjaman yang berbentuk riba pinjaman hutang atau *al-duyūn* yang dinamakan riba *al-qard*. Riba *al-qard* ialah riba yang berlaku disebabkan pinjaman. Ia merupakan kadar atau sebarang manfaat tambahan yang disyaratkan atas pemberian jumlah pinjaman pokok. Syarat ini dibuat di awal akad pinjaman yang dikenakan oleh pihak yang memberi pinjaman kepada pihak peminjam.<sup>89</sup>

Menurut al-Syawkanī, para ulama' telah bersepakat bahawa keharaman riba pada konsep pinjaman ini apabila pertambahan itu disyaratkan di dalam akad pinjaman. Ibnu Qudamah mengatakan bahawa tiada pertikaian para ulama' mengenai keharaman setiap pinjaman yang disyaratkan kepadanya memberi tambahan (bagi pihak pemberi pinjam). Bahkan Ibnu Munzir menyatakan bahawa para ulama' bersepakat apabila pihak pemberi pinjaman meletakkan syarat ke atas peminjam sebarang tambahan atau hadiah, maka pinjaman yang diberikan tambahan yang diambil adalah riba.<sup>90</sup>

Amalan riba sangat dilarang dalam Islam termasuk dalam pinjaman kewangan. Menurut Muḥammad al-Zuhaylī,<sup>91</sup> dalam al-Quran terdapat tiga ayat yang dinyatakan

---

<sup>89</sup> Zaharuddin Abd. Rahman, 20

<sup>90</sup> Zaharuddin Abd. Rahman, *Riba dan Isu Kewangan Semasa* (Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn Bhd, 2010), 11-15

<sup>91</sup> Muḥammad Zuhaylī, *al-Mu‘tamad fī al-Fiqh al-Shāfi‘ī* (Damshik: Dār al-Kalam, 2011), 3:105.

secara khusus iaitu, larangan amalan riba, larangan memakan hasil riba dan perintah untuk meninggalkan amalan riba.

a. Al-Quran

1. Larangan amalan riba

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءامَنُوا لَا تَأْكُلُوا الرِّبَآءَ أَضْعَافًا مُضَعَّفَةٌ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٢٣﴾

Ali Imrān 3: 150

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu makan atau mengambil riba dengan berlipat-lipat ganda dan hendaklah kamu bertakwa kepada Allah supaya kamu berjaya.

2. Larangan menggunakan hasil riba

الَّذِينَ يَأْكُلُونَ الرِّبَآءَ لَا يَقُولُونَ إِلَّا كَمَا يَقُولُ أَذَنِي يَتَحَبَّطُهُ الشَّيْطَانُ مِنَ الْمَسِّ ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوا إِنَّمَا الْبَيْعُ مِثْلُ الرِّبَآءِ وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَمَ الرِّبَآءَ فَمَنْ جَاءَهُ مَوْعِظَةٌ مِنْ رَبِّهِ فَأَنْتَهُ فَلَهُ مَا سَلَفَ وَأَمْرُهُ إِلَى اللَّهِ وَمَنْ عَادَ فَأُولَئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَلِيلُونَ ﴿٢٦﴾

Al-Baqarah 2:275

Terjemahan: Orang-orang yang makan (mengambil) riba tidak dapat berdiri melainkan seperti berdirinya orang yang kemasukan setan lantaran (tekanan) penyakit gila. Keadaan mereka yang demikian itu, adalah disebabkan mereka berkata (berpendapat), sesungguhnya jual beli itu sama dengan riba, padahal Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba. Orang-orang yang telah sampai kepadanya larangan dari Tuhan mereka, lalu terus berhenti (dari mengambil riba), maka baginya apa yang telah diambilnya dahulu (sebelum datang larangan); dan urusannya (terserah) kepada Allah. Orang yang mengulangi (mengambil riba), maka orang itu adalah penghuni-penghuni neraka; mereka kekal di dalamnya.

3. Perintah meninggalkan amalan riba

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَذَرُوا مَا بَيْنَ أَرْبَابِهِ مَا كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ ﴿٧٦﴾ فَإِنْ لَمْ تَفْعَلُوا فَأَذْنُوا بِحَرْبٍ مِنَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ وَإِنْ تُبْتُمْ فَلَكُمْ رُءُوسُ أَمْوَالِكُمْ لَا تَنْظِمُونَ وَلَا تُظْلَمُونَ ﴿٧٧﴾

Terjemahannya: Hai orang-orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah dan tinggalkan sisa riba (yang belum dipungut) jika kamu orang-orang yang beriman. Maka jika kamu tidak mengerjakan (meninggalkan sisa riba), maka ketahuilah, bahwa Allah dan Rasul-Nya akan memerangimu. Dan jika kamu bertobat (dari pengambilan riba), maka bagimu pokok hartamu; kamu tidak menganiaya dan tidak (pula) dianiaya.

- b. Manakala larangan secara khusus daripada hadith nabi SAW:

كُلُّ قرْضٍ جَرَّ نَفْعًا فِيهِ الرِّبَا

Terjemahannya: Setiap pinjaman yang memberi manfaat (bagi para pihak pemberi pinjam) maka ia adalah riba.<sup>92</sup>

Daripada hadith ini dapat difahami bahawa segala manfaat yang diperolehi oleh pemberi pinjam ialah dikira riba, kerana ia merupakan pertambahan manfaat yang disyaratkan oleh pihak yang memberi pinjaman pada awal akad.

- c. Athar sahabat

عَنْ أَبِي بْنِ كَعْبٍ وَابْنِ مَسْعُودٍ وَابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ : أَحَمُّ كِرْهُوهُ ، وَغَوْنَاهُ عَنْ قَرْضٍ جَرَّ مَنْفَعَةً .

Terjemahan: Daripada Ubay ibn Ka'ab, Ibnu Mas'ūd dan Ibnu Abbās r.'anhum: Bahasannya mereka melarang daripada pinjaman yang memberi manfaat.<sup>93</sup>

- d. Antara kaedah fiqh yang disepakati para ulama' ialah:

كل قرض جرّ نفعا فهو حرام

Terjemahan: Setiap pinjaman yang memberi manfaat (bagi para pihak pemberi pinjam) maka ia adalah haram.<sup>94</sup>

<sup>92</sup> Naylul Awtar, al-Syawkanī, 5:232, Nasb al-Rayah, al-Zayla'i, 4:60. Status hadith ini diperselisihkan, namun makna yang terkandung didalamnya disepakati di kalangan ulama.

<sup>93</sup> Athar riwayat al-Bayhaqī, 5:349, 350.

<sup>94</sup> Muhammad Zuhaylī, *al-Mu'tamad fī al-Fiqh al-Syāfi'i*, 3:111.

Oleh itu, konsep pinjaman kewangan yang dijalankan oleh pihak Koperasi Baitul Qiradh Sehati menggunakan akad jual beli *murābahah bi al-wakālah* sebagai akad pinjaman bagi modal perniagaan adalah tidak bersesuaian menurut syarak kerana terdapat riba hutang jenis *al-Qard*. Untuk itu, pihak koperasi perlu merujuk kembali konsep *murābahah bi al-wakālah* kepada fatwa yang dikeluarkan oleh Dewan Syari'ah Nasional, Majlis Ulama Indonesia mengenai konsep *murābahah bi al-wakālah* agar selari dengan kehendak syarak.

Antara konsep yang boleh dijalankan bagi pinjaman kewangan yang digunakan oleh para peniaga yang berdaftar sebagai modal perniagaan ialah konsep perkongsian *mudārabah*, dalam praktiknya pihak Koperasi Baitul Qiradh sebagai pihak pemodal dan pihak peniaga sebagai pengusaha terhadap perniagaan kopi Gayo dengan keuntungan yang disepakati oleh kedua-dua belah pihak yang berakad. Pihak Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan tidak turut serta dalam menjalankan perniagaan.

#### **4.5 KESIMPULAN**

Sistem perniagaan yang diiktiraf oleh Islam tidak melihat kepada berapa ramai jumlah orang Islam yang menjalankan perniagaan. Namun ia melihat bagaimana konsep operasi perniagaan sama ada ia bertepatan dengan konsep Islam atau sebaliknya. Koperasi kopi memiliki pengaruh besar dalam perniagaan kopi Gayo, majoriti koperasi perniagaan kopi memiliki ahli yang ramai dan produk diiktiraf di peringkat antarabangsa. Namun apa yang berlaku ialah pihak koperasi tidak memberi keutamaan sistem Syariah dalam menjalankan perniagaan seolah-olah tiada beza antara sistem Syariah dan konvensional sehingga mereka rasa tidak bersalah terlibat dalam sistem riba yang sangat dilarang oleh agama.

## BAB LIMA

### PENUTUP

#### 5.1 PENGENALAN

Perniagaan merupakan satu bidang yang amat penting, dan sangat luas dalam ekonomi. Segala aktiviti ekonomi boleh dikatakan tidak terlepas daripada perniagaan.<sup>1</sup> Tidak ada masa, tempat atau ruang dalam kehidupan manusia yang terlepas daripada bidang perniagaan. Begitu juga dengan sejarah tamadun manusia yang tidak terlepas daripada bidang perniagaan. Kegemilangan dan kemasyhuran sesuatu tamadun juga diukur berdasarkan ketinggian dan pencapaian bidang perniagaan. Islam memandang penting dan meletakkan perniagaan pada kedudukan yang wajar sesuai dengan kepentingan manusia. Bagi peniaga muslim yang menjalankan perniagaan sesuai dengan sistem Islam adalah satu kewajipan sepetimana ibadah solat dan lain-lain. Oleh yang demikian, rasulullah SAW telah mengeluarkan 500 hadith yang membicarakan tentang perniagaan. Antara perkara penting dalam perniagaan Islam ialah tentang kedudukan 90 peratus daripada sumber rezeki atau kekayaan itu berada dalam bidang ini.<sup>2</sup> Ia merupakan bidang fardu kifayah dan mengatasi bidang yang lain. Rasulullah SAW dan para Rasul yang lain telah menunjukkan tauladan terbaik kepada umat Islam yang menjadikan bidang perniagaan sebagai sumber rezeki mereka.<sup>3</sup>

---

<sup>1</sup> Sobri Salomon, *Perniagaan Menurut Pandangan Islam*, (Kuala Lumpur: Al Rahmaniah, 1998). 16.

<sup>2</sup> Mustafa Haji Daud, *Perniagaan Menurut Islam*, (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, 1995), 9.

<sup>3</sup> *Ibid.*, iii.

## **5.2 RUMUSAN PENYELIDIKAN**

Penyelidik telah menghuraikan mengenai pengertian perniagaan menurut Syariah dari sudut bahasa dan Istilah. Dalil-dalil asas perniagaan yang bersumberkan al-Quran, al-Sunnah, dan ijmak. Selanjutnya penyelidik menghuraikan hikmah perniagaan dan diakhiri operasi perniagaan menurut lunas-lunas Syariah. Kemudian, konsep operasi perniagaan juga dijelaskan termasuk konsep *murābahah*, *salam*, konsep perkongsian *musyārakah* dan *muḍārabah*.

Perbincangan seterusnya mengenai latar belakang penduduk di Aceh secara umum dan di Aceh Tengah secara khusus, dari segi bilangan penduduk mengikut jantina daripada kawasan-kawasan dan bilangan penduduk beragama Islam. Selepas itu, penyelidik menjelaskan mengenai kopi Gayo secara khusus bermula daripada jumlah tahan, keluaran, dan perkembangan koperasi perniagaan kopi di Aceh Tengah secara khusus. Kemudian, huraian mengenai kopi Gayo dimulakan dengan pengenalan kopi Gayo, manfaat, sejarah dan perkembangan koperasi perniagaan kopi Gayo mengikut koperasi dan syarikat di daerah Aceh Tengah. Manakala huraian mengenai operasi perniagaan Koperasi Baitul Qirad Baburayyan di mulakan dengan menjelaskan latar belakang Koperasi Baitul Qirad Baburayyan, jumlah tanah dan petani kopi di bawah Koperasi Baitul Qirad Baburayyan. Kemudian, penyelidik menjelaskan juga mengenai operasi perniagaan Koperasi Baitul Qirad Baburayyan yang meliputi sumber kewangan, konsep perniagaan yang meliputi konsep pembelian, penjualan, produk, serta konsep pemasaran. Seterusnya mengenai pinjaman kewangan, dan konsep pensijilan *fair trade* antarabangsa.

Perbincangan berikutnya adalah berkaitan analisis operasi perniagaan yang dijalankan oleh Koperasi Baitul Qirad Baburayyan. Analisis ini bertujuan untuk mengetahui sama ada Koperasi Baitul Qirad Baburayyan menjalankan operasi perniagaan

bertepatan dengan operasi perniagaan menurut Syariah mengikut konsep muamalah Islam atau tidak. Penyelidik merumuskan dapatan kajian kepada beberapa isu yang meliputi konsep jualan tempahan pada operasi perniagaan pasaran domestik dan eksport, konsep transaksi pembayaran dan konsep pinjaman kewangan. Dapatan kajian dapat disimpulkan seperti berikut:

- 1) Konsep jualan tempahan pada operasi perniagaan pasaran domestik dan eksport yang dijalakan oleh Koperasi Baitul Qirad Bburayyan pada umumnya bertepatan dengan konsep operasi perniagaan Syariah iaitu menggunakan akad *bay' salam* atau *bay' salaf*. Syarat-syarat dan rukun akad *bay' salam* jika dibandingkan secara keseluruhan, ia menepati konsep perniagaan yang dijalankan. Manakala yang tidak menepati dengan konsep perniagaan Syariah ialah pada sistem pembayaran dengan kaedah deposit 50 peratus pada awal kontrak bayaran tempahan bagi pasaran domestik. Tegahan ini merujuk kepada dalil hadith yang diriwayatkan oleh al-Dār al-Quṭnī yang bermaksud :

نَهَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ بَيْعِ الْكَالَىٰ بِالْكَالِىٰ ، وَهُوَ بَيْعُ الدِّينِ بِالدِّينِ

Terjemahan: Rasulullah SAW milarang jual beli hutang dengan hutang.<sup>4</sup>

- 2) Konsep transaksi pembayaran yang dijalankan oleh Koperasi Baitul Qirad Bburayyan melalui perkhidmatan perbankan internet adalah boleh diamalkan dan akad yang dilakukan adalah sempurna menurut muamalah Islam, walaupun akad yang berlaku antara pihak bank dan pelanggan tidak bertemu dalam satu majlis, dengan syarat pihak pembeli menerima tawaran dari pihak bank yang dilakukan secara bertulis melalui dokumen bertulis digital yang disediakan dengan menggunakan peralatan komputer. Namun perbankan yang digunakan hendaklah melalui perbankan Syariah. Ini

<sup>4</sup> Al-Dār al-Quṭnī, 3:269, Bayhaqī, 5:290, al-Mustadrak Ḥakīm, 2:2341. Status hadith ini diperselisihkan oleh para ulama muhadithin, namun sepakat para ulama malarang transaksi perniagaan hutang dengan hutang.

disebabkan pihak Koperasi Baitul Qirad Baturayyan perlu membuat akaun bank dalam bentuk simpanan atau pelaburan sebelum mendapatkan perkhidmatan perbankan internet daripada pihak bank. Walaupun akaun perbankan Syariah dengan perbankan konvensional sama, namun elemen yang membezakan antara kedua-duanya adalah aplikasi penggunaan kontrak-kontrak muamalat. Perbezaan utama di antara bank Syariah dengan bank konvensional adalah kerana aktiviti riba yang diamalkan oleh bank konvensional. Antara riba yang terdapat dalam akaun simpanan biasa (*ordinary savings account*) konvensional, setiap pemegang akaun dijanjikan pulangan tertentu atau kadar faedah tetap kepada pelanggan daripada simpanan yang dibuat. Adapun riba dalam akaun pelaburan dengan pulangan tetap (*fixed deposit account*) konvensional ialah pihak bank akan menetapkan pulangan dengan kadar faedah tertentu daripada hasil pinjaman simpanan yang digunakan sebagai modal pelaburan. Larangan ini merujuk kepada hadith riwayat Muslim Nabi SAW bersabda:

لَعْنَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كُلُّ الْرِبَا ، وَمُؤْكِلُهُ ، وَكَاتِبِهِ ، وَشَاهِدِيهِ ، وَقَالَ : هُمْ سَوَاءٌ.

Terjemahan: Rasulullah SAW melaknat pemakan riba, yang mewakilinya, penulisnya, dua orang saksinya, lalu beliau berkata, mereka itu semua sama.<sup>5</sup>

- 3) Konsep *murābahah bi al-wakālah* yang dijalankan oleh pihak Koperasi Baitul Qirad Baburayyan bagi pinjaman kewangan untuk pembelian barang para peniaga adalah bersesuaian dengan konsep *murābahah bi al-wakālah* yang difatwakan oleh Majlis Ulama Indonesia. Antara perkara penting ialah barang mesti menjadi milik pihak koperasi sebelum menjualnya kepada pihak peminjam sehingga berlaku transaksi jual beli yang sah konsep *murābahah*. Namun konsep akad *murābahah bi al-wakālah* bagi

<sup>5</sup> Al-Nawawī, Hadith Riwayat Muslim, no. 1598, *Sahīh Muslim bi al-Sharḥ al-Nawawī, Bab La 'ana Akila al-Riba wa Mu'kilahu*, ed. ke-4, (Kaherah: Dār al-Hadith, 2001), 6:30, Abu Daud, 3:3333, al-Tirmizī, 3:12, Ibn Mājah, 2:2277.

pinjaman kewangan adalah tidak bersesuaian dengan konsep akad *murābahah bi al-wakālah*. Merujuk kepada fatwa Majlis Ulama Indonesia, akad *murābahah bi al-wakālah* hanya boleh digunakan bagi transaksi perniagaan setelah pihak koperasi memiliki barang sebelum dijual, bermakna barang mesti berbentuk secara fizikal seperti motorsikal dan lainnya. Bilamana barang tidak wujud dan tidak menjadi milik pihak koperasi, maka ia akan menjadi pinjaman yang berbentuk riba pinjaman hutang atau *al-duyūn* yang dinamakan riba *al-qard*. Riba *al-qard* ialah riba yang berlaku disebabkan pinjaman. Ia merupakan kadar atau sebarang manfaat tambahan yang disyaratkan atas pemberian jumlah pinjaman pokok. Syarat ini dibuat di awal akad pinjaman yang dikenakan oleh pihak yang memberi pinjaman kepada pihak peminjam.<sup>6</sup>

Antara dalil larangan secara khusus daripada hadith, nabi SAW bersabda:

كُلُّ قرْضٍ جَرَّ نَفْعًا فِيهِ الرِّبَا.

Terjemahan: Setiap pinjaman yang memberi manfaat (bagi para pihak pemberi pinjam) maka ia adalah riba.<sup>7</sup>

Kemudian daripada Athar sahabat yang bermaksud:

عَنْ أَبِي بْنِ كَعْبٍ وَابْنِ مَسْعُودٍ وَابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ : أَحَمُّ كِبَرَهُ ، وَمَنْهُ عَنْ قَرْضٍ جَرَّ مَنْفَعَةً .

Terjemahan: Daripada Ubay ibn Ka'ab, Ibnu Mas'ūd dan Ibnu Abbās r.'anhum: Bahasannya mereka melarang daripada pinjaman yang memberi manfaat.<sup>8</sup>

Antara kaedah fiqh yang disepakati para ulama ialah:

كُلُّ قرْضٍ جَرَّ نَفْعًا فِيهِ حَرَامٌ.

Terjemahan: Setiap pinjaman yang memberi manfaat (bagi para pihak pemberi pinjam) maka ia adalah haram.<sup>9</sup>

<sup>6</sup> Muhammad Zuhaylī, *al-Mu'tamad fī al-Fiqh al-Shāfi'ī*, 3:111. Zaharuddin Abd. Rahman, *Wang, Anda dan Islam*, ed. ke-2, (Selangor: True Wealth Sdn Bhd, 2009), 20

<sup>7</sup> Naylul Awtar, *al-Syawkanī*, 5:232, Nasb al-Rayah, *al-Zayla'ī*, 4:60. Status hadith ini diperselisihkan, namun makna yang terkandung di dalamnya disepakati oleh para ulama.

<sup>8</sup> Athar riwayat al-Bayhaqī, 5:349, 350.

<sup>9</sup> Muhammad Zuhaylī, *al-Mu'tamad fī al-Fiqh al-Shāfi'ī*, 3:111.

### **5.3 CADANGAN PENYELIDIKAN**

Setelah penyelidik menjalankan penyelidikan secara langsung, penyelidik mendapati bahawa masih banyak koperasi yang beroperasi dalam perniagaan kopi Gayo termasuk Koperasi Baitul Qirad Baburayyan yang perlu kepada pemahaman mengenai konsep operasi perniagaan menurut Syariah. Sehubungan itu, penyelidik memberikan beberapa cadangan seperti berikut:

- 1) Aceh merupakan satu-satunya wilayah yang memiliki autonomi khas untuk menjalankan undang-undang Syariah Islam, maka penulis berharap sistem riba tidak lagi diamalkan dalam setiap aspek perniagaan, khususnya kepada koperasi dan syarikat yang menjalankan perniagaan kopi Gayo. Berdasarkan data statistik pada tahun 2017, jumlah perbankan Syariah yang beroperasi di Wilayah Aceh sebanyak 37 buah bank Syariah dan 102 buah cawangan yang tersebar diseluruh wilayah Aceh, termasuklah Aceh Tengah.<sup>10</sup> Merujuk perkara di atas, pegawai bahagian kewangan pihak Koperasi Baitul Qirad Baburayyan masih mengekalkan perbankan konvensional dalam transaksi pembayaran. Namun pihak pengurus bahagian unit simpan pinjam bersetuju menggunakan konsep Syariah secara total.
- 2) Konsep pinjaman kewangan yang dijalankan menggunakan akad jual beli *murābahah bi al-wakālah* sebagai akad pinjaman bagi modal perniagaan adalah tidak bersesuaian menurut syarak kerana terdapat riba hutang jenis *al-qard*. Antara konsep yang boleh dijalankan ialah konsep perkongsian *muḍārabah*. Pihak koperasi sebagai pihak pemodal dan pihak peniaga sebagai pengusaha terhadap perniagaan kopi Gayo dengan keuntungan yang disepakati oleh kedua-dua belah pihak yang berakad. Pihak koperasi tidak turut serta dalam menjalankan perniagaan.

---

<sup>10</sup> Otoritas Jasa Keuangan, Republik Indonesia, “Statistik Perbankan Syariah (SPS)”, (2017), 5.

- 3) Mengikut penyelidikan yang telah dijalankan, kajian hanya fokus kepada operasi perniagaan tempahan, konsep transaksi pembayaran dan konsep bantuan kewangan bagi peniaga berdaftar. Oleh yang demikian, masih terdapat lagi topik yang perlu diberi tumpuan. Oleh kerana kajian ini hanya memfokuskan kepada Koperasi Baitul Qirad Baburayyan, maka dicadangkan supaya kajian terhadap koperasi-koperasi perniagaan kopi Gayo yang berjumlah 20 buah koperasi yang berdaftar di bawah kerajaan Aceh Tengah, Aceh perlu dilaksanakan.
- 4) Pihak Koperasi Baitul Qirad Baburayyan perlu melantik penasihat Syariah bagi menyelaraskan perniagaan kopi Gayo yang bertepatan dengan hukum Syariah.
- 5) Pihak kerajaan khasnya Jabatan Mufti setempat, perlu mengambil kira dan memastikan bahawa setiap koperasi perniagaan kopi Gayo yang terdapat di Aceh Tengah khususnya melaksanakan perniagaan yang menepati kehendak Syariah.
- 6) Dari aspek pemasaran pula, kopi Gayo keluaran Koperasi Baitul Qirad Baburayyan lebih banyak mengeksport untuk perdagangan antarabangsa sebanyak 90 peratus, manakala untuk pasaran domestik hanya 10 peratus. Oleh yang demikian, produk keluaran kopi Gayo hanya dinikmati oleh pengguna luar. Oleh itu, pihak Koperasi Baitul Qirad Baburayyan perlu meningkatkan pasaran domestik sehingga dapat meningkatkan ekonomi masyarakat tempatan.
- 7) Bagi penyelidik kopi pula, sehingga saat ini penyelidik mendapati bahawa kajian mengenai kopi Gayo hanya tertumpu kepada kajian pertanian, dan sukar untuk menemui kajian kopi menurut perspektif Syariah. Oleh yang demikian, diharapkan bahawa hasil kajian ini dapat menjadi pelopor kepada kajian kopi Gayo menurut perspektif ekonomi Islam.

## **5.4 KESIMPULAN**

Hukum menjalankan perniagaan dalam Islam adalah harus jika selari dengan konsep perniagaan menurut Syariah. Perniagaan dikira bertepatan dengan hukum Syariah apabila menjalankan perniagaan yang sesuai berlandaskan al-Quran seperti pengharaman riba, panduan sunnah menerusi hadith nabi yang melarang secara spesifik amalan riba dalam perniagaan dan pinjaman kewangan dan yang seumpamanya. Begitu pula melalui ijmak dan *qiyās* dimana konsep perniagaan tidak dijelaskan secara pasti daripada al-Quran dan hadith.

Operasi perniagaan memainkan peranan penting dalam kesahihan perniagaan, para peniaga seperti koperasi dan syarikat pada perniagaan kopi Gayo memainkan peranan penting sehingga produk kopi Gayo dapat dipasarkan ke pasaran domestik dan antarabangsa. Sehingga kini, pemasaran kopi Gayo telah mampu merentasi pasaran antarabangsa seperti Amerika, Eropah, Australia dan Asia. Namun begitu, matlamat aktiviti perniagaan dalam Islam bukan untuk mendapatkan keuntungan semata-mata, malah pihak koperasi dan syarikat perlu mengetahui hukum hakam perniagaan yang bersesuaian dengan hukum Syariah. Antara konsep yang boleh diamalkan supaya perniagaan bebas daripada amalan riba ialah konsep *murābahah*, *salam*, konsep perkongsian *musyārakah* dan *mudārabah*.

## BIBLIOGRAFI

- Ab. Mumin Ab. Ghani dan Fadillah Mansor. *Dinamisme Kewangan Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2006.
- ‘Abd al-Karīm Zaidān. *Al-Madkhal lidirāsati al-Sharī‘ah al-Islāmiyyah*. Beirut: Mu’asasah al-Risalah, 2002.
- \_\_\_\_\_. *Al-Wajīz fī ’Uṣūl al-Fiqh*. Beirut: Mu’asasah al-Risalah Nāsirūn, 2015.
- ‘Abd al-Rahmān ibnu Khaldūn. *Muqaddimah Ibnu Khaldūn*. Kaherah: Dār al-Fajr li al-Turāth, 2004.
- Al-Jazīrī, ‘Abd al-Rahmān. *Al-Fiqh ala al-Mazāhib al-’Arba ‘ah*. Jilid ke-2. Kaherah: Dār al-Hadīth, t.t.
- Abdul Majid Koenting. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990.
- Abdullah Basmeih. *Tafsir Pimpinan al-Rahman*. Ed. ke-14. Kuala Lumpur: Darul Fikir, 1980.
- Abī al-Ḥusain Muslim Ibn al-Ḥajjaz, *Ṣaḥīḥ Muslim*. Jilid ke-2. Kaherah: Dār al-Hadīth, 2010.
- Al-‘Asqalānī, Al-Ḥāfiẓ Aḥmad bin ‘Alī bin Ḥajar. *Bulūgh al-Marām min Adillat al-Aḥkām*. Riyāḍ: Dār al-Qabs li al-Nashr wa al-Tawjiy‘i, 2014.
- Al-Ghimrānī al-Shāfi‘ī, Abī al-Ḥusayn Yaḥya bin Abīal-Khair Sālim. *Al-Bayān fī Mazhab al-al-’Imām al-Shāfi‘ī*. Jilid ke-5, Beirut: Dār al-Minhāj, 2003.
- Al-Ghazzalī, Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad. *Iḥyā ‘Ulūmuddīn*. Jilid ke-2. Kaherah: Shirkah al-Quds, 2012.
- Al-Haiytamī al-Shāfi‘ī, Shihābuddīn ’Ahmad bin Muḥammad bin ‘Alī bin Ḥajar. *Al-Fath al-Mubīn bi Sharḥ al-’Arba ‘īn*. Jilid ke-3. Jeddah: Dār al-Minhāj, 2011.
- Al-Jawzī, Imām ibnu. *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Jilid ke-2. Kaherah: Dār al-Hadīth, 2008.
- Al-Kandhalawi, Maulānā Muḥammad Zakariyya. *Faḍilah Tijārah*. Kuala Lumpur: Era Ilmu Sdn Bhd, 1999.
- Al-Khatib, Muḥammad Al-Sharbinī al-Shāfi‘ī. *Mughnī Al-Muhtāj Ila Ma ‘rifah Ma ‘āni al-Faz al-Minhāj*. Jilid ke-2, Beirut: Dār al-Iḥyā al-Turath al-Arabī, t.t.
- Al-Mahallī, Jalāluddīn Muḥammad bin ’Aḥmad bin Muḥammad. *Kanz al-Rāghibīn Sharḥ Minhāj al-Tālibīn*. Jilid ke-2. Jeddah: Dār al-Minhāj, 2013.
- Al-Munzirī, Al-Ḥāfiẓ ‘Abd al-Azīm ibn ‘Abd al-Qawī. *Al-Targhīb wa al-Tarhīb*. Jilid ke-3 Kaherah: Dār al-Hadīth., 1994.

Al-Nadwī, ‘Alī Aḥmad. *Al-Qawā‘id al-Fiqhīyyah*. Ed. ke-11. Damshik: Dār al-Kalam, 2013.

Al-Nawawī, Muḥyī al-Dīn Abī Zakariyya bin Sharaf. *Ṣaḥīḥ Muslim bi al-Sharḥ al-Nawawī*. Jilid ke-4. Kaherah: Dār al-Hadīth, 2001.

\_\_\_\_\_. *Minhāj al-Ṭālibīn wa ‘Umdah al-Muftīn*. Jeddah: Dār al-Minhāj, 2005.

\_\_\_\_\_. *Minhaj al-Tulāb*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, 1997.

\_\_\_\_\_. *Al-Majmū‘ Sharḥ al-Muhadhdhab lī al-Shīrāzī*. Jilid ke-9. Jeddah: Maktabah al-Irshād, t.t.

Al-Sharjī al-Zabīdī, Zain al-Dīn Aḥmad ibn Aḥmad ibn ‘Abd al-Latīf. *Mukhtaṣar Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Jeddah: Dār al-Minhāj, 2015.

Al-Shīrāzī, Abī Ishaq. *Al-Muhadhdhab fī Fiqh ‘Imām al-Shāfi‘ī*. Beirut: Dār al-Kalam, 1996.

Al-Sijistānī al-’Azdī, Imām Al-Ḥāfiẓ Abī Dāud Sulaymān bin al-’Ash‘ab. *Sunan ’Abī Dāud*. Jilid ke-2. Kaherah: Dār al-Hadīth, 2010.

Al-Suyūtī, Jalāluddīn ‘Abd Rahmān. *Al-Ashbāh wa al-Naẓāir fī Qawā‘id wa Furū‘ Fiqh al-Shāfi‘īyyah*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1983.

Al-Tirmizī, Abu ‘Isā Muḥammad bin ‘Isā bin Saurah. *Sunan al-Tirmizī*. Beirut: Mu’asasah al-Risalah Nāsirūn, 2013.

Al-Qawāsimī, Akram Yūsuf. *Al-Madkhal ila Mazhab al-Imām al-Shāfi‘ī*. Jordan: Dār al-Nafā’is, 2003.

Al-Quzwaynī, Al-Ḥāfiẓ Abī ‘Abdullāh Muḥammad bin Yajīd. *Sunan Ibnu Mājah*. Jilid ke-2. Kaherah: Dār al-Hadīth, 2010.

Al-Tibrīzī, Muḥammad bin ‘Abdullāh al-Khaṭīb. *Mishkāt al-Maṣabīh*. Jilid ke-2. Ed. ke-3. Beirut: al-Maktab al-Islāmī, 1985.

Al-Qaradhawi, Yusuf, *Halal dan Haram dalam Islam*, terj. Zulkifli Mohamad al-Bakri. Ed. ke-4. Bandar Baru Nilai: Pustaka Cahaya Kasturi, 2015.

Al-Qazwiynī al-Shāfi‘ī, Abī al-Qāsim ‘Abd al-Karīm bin Muḥammad bin ‘Abd al-Karīm al-Rāfi‘ī. *Al-Muḥarrar fī Fiqh ‘Imām al-Shāfi‘ī*. Kaherah: Dār al-Salām, 2013.

Al-Qurṭubī, Muḥammad Ibn Aḥmad Ibn Muḥammad Ibn Rushd. *Bidāyah al-Mujtaḥid wa al-Nihāyah al-Muqtasid*. Jilid ke-2. Kaherah: Maktabah al-Taufiqiyah, t.t.

Muḥammad bin Aḥmad al-Anṣari al-Qurṭubiy. *Al-Jami’ al-Āḥam al-Quran*. Jilid ke-6. Kaherah: Maktabah al-Taufiqiyah, t.t.

Al-Yamanī al-Şan‘ānī, Muhammed Ismaīl al-Amīr. *Subul al-Salām Sharḥ Bulūg al-Marām min Adillati al-Ahkām*. Al-Mansūrah: Maktabah al-Imān, t.t.

Al-Zuhaylī, Muḥammad. *Al-Mu’tamad fī al-Fiqh al-Shāfi‘ī*. Damshik: Dār al-Kalam, 2011.

- Al-Zuhaylī, Wahbah. *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*. Jilid ke-5. Ed. ke-4. Dimashq: Dār al-Fikr, 2002.
- \_\_\_\_\_. *Usūl al-Fiqh al-Islāmī*. Jilid ke-1 dan 2. Beirut: Dāl al-Fikr al-Mu‘asarah, 2013.
- Asmak Ab. Rahman. *Pertanian dari Perspektif Ekonomi Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2011.
- Asmadi Mohamed Naim. *Q&A Muamalat*. Selangor: Galeri Ilmu Sdn Bhd, 2016.
- A.W. Munawir. *Kamus al-Munawir Arab-Indonesia Terlengkap*. Ed. ke-25. Surabaya: Pustaka Progressif, 2002.
- Azizi Che Seman dan Mohd Nazri Chik. *Kewangan Perbankan: Isu-Isu dan Cabaran*. Shah Alam: Persatuan Ulama Malaysia, 2013.
- Chang Mui Ling Dyana. *Asas Keusahawanan*. Petaling Jaya: Sasbandi Sdn Bhd, 2017.
- Hailami dan Sanep Ahmad. *Apliksasi Fiqh Muamalat dalam Sistem Kewangan Islam*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi MARA, 2009.
- Husain Muhammad Fahmi Al-Shāfi‘ī. *Al-Dalīl al-Mufahras li al-Faz al-Qurān al-Karīm*. Ed. ke-4. Kaherah: Dar al-Salam, 2012.
- Ibn al-Manzur. *Lisān al-‘Arab*. Jilid ke-1. Kaherah: Dar al-Hadith, 2003.
- Idris Ismail dan Mohd Safaat Said. *Pengenalan Koperasi*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributor Sdn Bhd, 2003.
- ’Imām Mālik bin Anas. *Al-Muwatta*. Kaherah: Dār al-‘Aqīdah, 2001.
- IPTC Hambrug. *Market Brief Kopi di Pasar Jerman*. Jabatan Kementerian Perdagangan Republik Indonesia, 2013.
- Muṣṭafa al-Khin, Muṣṭafa al-Bughā dan Ali al-Sharbajī. *al-Fiqh al-Manhajī Mazhab al-Shāfi‘ī*. Jilid ke-3. Ed. ke-14. Dimashq: Dar al-Kalam, 2013.
- Muhammad Syafi‘i Antonio. *Bank Syariah Antara Teori Ke Praktik*. Ed. ke-19. Jakarta: Gema Insani, 2012.
- Muhammad Ismail Yusanto dan Muhammad Karebet Widjajakusuma. *Menggagas Bisnis Islami*. Jakarta: Gema Insani Press, 2002.
- Mohammad Zaini Yahaya dan Mohd Sukki Othman. *Beginilah Muslim Berniaga*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn Bhd, 2015.
- Mohd Khafidz Soroni. *Q&A Hadith*. Petaling Jaya: Galeri Ilmu Sdn Bhd, 2016,
- Najīḥ Ḥammād. *Mu‘jam al-Muṣṭalahāt al-Māliyyah wa al-Iqtisādiyyah fī Lughah al-Fuqahā*. Damshik: Dār al-Kalam, 2008.

- Nik Norzrul Thani. *An Introduction to Islamic and Conventional Corporate Finance*. Petaling Jaya: Thomson Reuters Malaysia Sdn Bhd, 2012.
- Sayyid Sābiq. *Fiqh al-Sunnah*. Jilid ke-3. Beirut: Dar al-Jalil, t.t.
- Siti Uzairiah Mohd Tobi. *Kajian Kualitatif Dan Analisis Temu Bual*. Kuala Lumpur: Aras Publisher, 2017.
- Syukri Muhammad Syukri. *Hikayat Negeri Kopi*. Jakarta: PT. Gramedia Widiasarana Indonesia, 2016.
- Surtahman Kastin dan Sanep Ahmad. *Ekonomi Islam Dasar dan Amalan*. Ed. ke-2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005.
- Sobri Salamon. *Perniagaan Menurut Pandangan Islam*. Kuala Lumpur: Al-Rahmaniah, 1998.
- Sutrisno Hadi. *Metodologi Research I*. Yogyakarta: Yayasan FPSI UGM, 1990.
- Uthmānī, Muḥammad Taqī, *Fiqh al-Buyū‘*. Jilid ke-1 dan 2. Pakistan: Maktabah Ma’ārif al-Qurān, 2015.
- Zaharuddin Abd. Rahman. *Riba dan Isu Kewangan Semasa*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn Bhd, 2010.
- \_\_\_\_\_. *Wang, Anda dan Islam*. Ed. ke-2. Selangor: True Wealth Sdn Bhd, 2009.
- \_\_\_\_\_. *Panduan Perbankan Islam, Kontrak dan Produk Asas*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn Bhd, 2009.
- \_\_\_\_\_. *Fiqh Kewangan Islam*. Ed. ke-2. Selangor: PTS Islamika Sdn Bhd, 2014.
- Zain al-Dīn bin Ibrāhīm bin Muḥammad al-Shahīr bin Nizam, *al-Ashbāh wa al-Naẓāir ‘ala Mazhab Abī Hanīfah al-Nu‘mānī*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1999.

## ARTIKEL DAN JURNAL

- Aan Zainul Anwar Dan Mohammad Yunies Edward. “Analisis Syariah *Compliance* Pembiayaan Murabahah Pada Gabungan Koperasi BMT Mitra Se-Kabupaten Jepara.” *The 3rd University Research Colloquium*. 2016.
- Abdulah Safe'i. “Koperasi Syariah: Tinjauan Terhadap Kedudukan Dan Peranannya Dalam Pemberdayaan Ekonomi Kerakyatan.” *Media Syari'ah Wahana Kajian Hukum Islam Dan Pranata Sosial* 4, no. 1, 2012.
- Akhmad Nur Zaroni. “Bisnis Dalam Perspektif Islam, (Telaah Aspek Keagamaan dalam Kehidupan Ekonomi).” *Jurnal Mazahib* 4, no. 2, 2007.

- Anitha Rosland dan Joni Tamkin Borhan. "Akad dalam Perbankan Internet," *Jurnal Teknologi (Social Sciences)*, 2013.
- Azhar Muttaqin. "Transaksi E-Commerce Dalam Tinjauan Hukum Jual Beli Islam." *Ulumuddin* 6 Tahun 4, 2010.
- Azlin Alisa Binti Ahmad at al. "Perniagaan Internet: Antara Maslahah Dan Mafsadah," *Seminar Keusahawanan Islam II Peringkat Kebangsaan*.
- Devi Agustia, Nunung Kusnadi, Dan Harianto. "Studi Empiris Perilaku Usaha Koperasi Pertanian: Kasus Koperasi Di Dataran Tinggi Gayo, Provinsi Aceh." *Jurnal Manajemen & Agribisnis* 14, no. 1, 2017.
- Fahnia Chairawaty. "Dampak Pelaksanaan Perlindungan Lingkungan Melalui Sertifikasi Fair Trade (Studi Kasus: Petani Kopi Anggota Koperasi Permata Gayo, Kabupaten Bener Meriah, Nanggroe Aceh Darussalam)." *Jurnal Ilmu Lingkungan* 10 (2), 2012.
- Ishak Hasan. "Analisis Kinerja Koperasi Pertanian Dalam Tataniaga Komoditi Ekspor Di Kabupaten Aceh Tengah – Aceh Dalam Menghadapi Persaingan Antar Negara Asean 2015." *Jurnal Kebangsaan* 3, no. 6, 2014.
- Irny, S.I. and Rose, A.A. "Designing a Strategic Information Systems Planning Methodology for Malaysian Institutes of Higher Learning (ISP- IPTA), Issues in Information System." 6, no. 1, 2005.
- Ketut Arnawa at al. "Peningkatan Kualiti Dan Kuantiti Kopi Arabika Kintamani Dalam Upaya Meningkatkan Komoditi Ekspor Sektor Perkebunan." *Majalah Aplikasi Ipteks Ngayah* 1(1), 2010.
- Khotibul Umam. "Koperasi Jasa Keuangan Syariah Baitul Maal Wat-Tamwil (Studi Kasus Di Beringharjo, Yogyakarta)," *Jurnal Hukum* 20, no.1, 2013.
- Mega Amelia Putri at al. Struktur Dan Integrasi Pasar Kopi Arabika Gayo Di Aceh Tengah Dan Bener Meriah. *Buletin Ristri* 4, 2013.
- Mirza Fahmi at al. "Analisis Strategi Pemasaran Kopi Arabika 'Bergendaal Koffie' Di Bener Meriah." *Jurnal Agrisep* 14, no. 1, 2013.
- Muhammad Muflih. "Rekonstruksi Pemahaman Terhadap Konsep Riba Pada Transaksi Perbankan Konvensional," *Jurnal Ahkam* 13, no. 1, 2013.
- Muhammad Hafiz Mohd Shukri Dan Ruzian Markom. "Pengharmonian Prinsip Khiyar *Al-Ru'yah* Dalam Transaksi Perniagaan Di Malaysia." Makalah 25 Kanun 2, 2013.
- Muhammad Birusman Nuryadin. "Harga Dalam Perspektif Islam," *Jurnal Mazahib* 4, no. 1, 2007.

- Muhammad Issyam Itam, Rusni Binti Hasan dan Syed Musa Alhabshi. "Shariah Governance Framework For Islamic Co-Operatives As An Integral Social Institution In Malaysia," *Intellectual Discourse, Special Issue*, 2016.
- Mohd Marzuki Bin Haji Ali. "Pelaksanaan Prinsip Al-Mudarabah Di Koperasi Kolej Poly-Tech Mara Kuala Lumpur Berhad," Prosiding Perkem 10, 2015.
- Mujiburrahman. "Sistem Jaringan Pasok Dan Nilai Tambah Ekonomi Kopi Organik (Kajian Di KBQ Baburrayan Kabupaten Aceh Tengah." *Jurnal Agrisep* 12, no. 1, 2011.
- Nurul Iski. "Pengaruh Kredit Terhadap Pendapatan Petani Kopi Arabika Di Aceh Tengah Aceh." *Jurnal Manajemen & Agribisnis* 1, no. 2, 2006.
- Nor Aisyah Mohd dan Shofian Ahmad. "Integrasi Pembiayaan Islam Dalam Pensijilan Halal Di Malaysai Menurut Perspektif Islam, *Jurnal Muamalat* 8, 2015.
- Nasrul Hisyam Nor Muhamad. "Aplikasi Sains Dan Teknologi Dalam Transaksi Muamalah Islam: Rujukan Kepada Rukun-Rukun Akad Mengikut Perspektif Undang-Undang Kontrak Islam," *Jurnal Teknologi, Universiti Teknologi Malaysia* 49(E), 2008.
- Nur S. Buchori. "Koperasi dalam Perspektif Ekonomi Syari'ah." *Maslahah* no. 1, 2010.
- Raudah. "Pemanfaatan Kulit Tanduk Kopi Arabika Sebagai Bahan Baku Pembuatan Karbon Aktif." *Jurnal Reaksi (Journal of Science and Technology) Jabatan Teknik Kimia Politeknik Negeri Lhokseumawe* 12, no.1, 2014.
- Reni Kustiari. "Perkembangan Pasar Kopi Dunia Dan Implikasinya Bagi Indonesia," *Forum Penelitian Agro Ekonomi* 25, no. 1, 2007.
- Sunarno. "Penanganan Pembiayaan Murabahah Macet Pada Koperasi Pondok Pesantren (KOPONTREN) XYZ1." *Jurnal Ekonomi Syariah Teori Dan Terapan* 3, 2016.
- Testru Hendra. "Pembangunan Ekonomi Islam Dengan Pengembangan Koperasi Syari'ah. *Maqdis (Jurnal Kajian Ekonomi Islam)* 1, no.1, 2016.
- Yulia Kurniaty Dan Heni Hendrawati, "Jual Beli Online Dalam Perspektif Hukum Islam." *Jurnal Transformasi* 11 no.1, 2015.
- Zaharudin Bin Muhammad. "Hukum Bermuamalat Dengan Sumber Yang Haram." *Jurnal Muamalat* 3, 2010.

## **TESIS**

Anna-Carin Almqvist Coffee. "A Fair Trade? A Study About Fairtrade Certified Gayo Coffee Farmers in Aceh, Indonesia." Tesis master, Universiti Sain Pertanian Swedish, Fakulti Landscape Planning, Jabatan Horticulture, 2011.

Devi Agustia. "Perilaku Usaha Koperasi Pertanian: Kasus Koperasi Di Dataran Tinggi Gayo, Aceh." Tesis master, Sekolah Pascasarjana Institut Pertanian Bogor, Indonesia, 2016.

Emmia Tambarta. "Analisis Nilai Tambah Dan Strategi Pengembangan Olahan Kopi Arabika Di Kabupaten Bener Meriah Aceh." Tesis master Institut Pertanian Bogor (IPB), Indonesia, 2017.

Johan Fogelberg. "Fairtrade coffee, fair enough? A study comparing Fairtrade certified coffee producers and uncertified coffee producers in Aceh Tengah, Indonesia." Tesis master, Universiti Sain Pertanian Swedish, Fakulti Landscape Planning, Jabatan Horticulture, 2012.

Emmia Tambarta. "Analisis Nilai Tambah Dan Strategi Pengembangan Olahan Kopi Arabika Di Kabupaten Bener Meriah Aceh." Tesis master, Sekolah Pascasarjana Institut Pertanian Bogor, Indonesia, 2017.

## **LAMAN WEB**

ICO, laman sesawang *ICO*, dicapai 12 November 2016, <http://www.ico.org/prices/m1-exports.pdf>.

AEKI, laman sesawang *AEKI*, dicapai 11 November 2016, <http://www.aeki-aice.org/page/industri-kopi/id>.

What is Fair Trade?, laman sesawang Fair Trade USA, dicapai 4 November 2016, <http://fairtradeusa.org/what-is-fair-trade/global-reach-map>.

Koperasi Baitul Qiradh Baburayyan, laman sesawang Fair Trade USA, dicapai 15 November 2016, <http://fairtradeusa.org/producer-profiles/kbqb-koperasi-baitul-qiradh-baburayyan>.

## **TEMU BUAL**

Abdullah Ali (kolektor kawasan Bebesen Koperasi Baitul Qirad Bburayyan), dalam temu bual dengan penulis, 1 Ogos 2017.

Anhar Wahab (pegawai kerajaan di Jabatan Koperasi dan Perniagaan, Kabupaten Aceh Tengah), dalam temu bual dengan penulis, 1 Ogos 2017.

Anwar Delegasi (wakil petani berdaftar kawasan Jagong Koperasi Baitul Qirad Baburayyan), dalam temu bual dengan penulis, 2 Ogos 2017.

Devi Puspa (bahagian kewangan Koperasi Baitul Qirad Baburayyan), dalam temu bual dengan penulis, 1 Ogos 2017.

Jamaluddin (kolektor kawasan Jagong Koperasi Baitul Qirad Baburayyan), dalam temu bual dengan penulis, 1 Ogos 2017.

Hasan (pengurus unit simpanan pinjaman, Koperasi Baitul Qirad Sehati), dalam temu bual dengan penulis, 31 Julai 2017.

Iwannitosa Putra (bahagian hubungan awam Koperasi Baitul Qirad Baburayyan), dalam temu bual dengan penulis, 31 Julai 2017.

Muhammad Mujiman (bahagian pemprosesan Koperasi Baitul Qirad Baburayyan), dalam temu bual dengan penulis, 1 Ogos 2017.

Rizwan Husin (pentadbir Koperasi Baitul Qirad Baburayyan), dalam temu janji dengan penulis, 15 Julai 2017.

Sugiati (Bendahari Koperasi Baitul Qirad Baburayyan), dalam temu bual dengan penulis, 1 Ogos 2017.

Said Zulkarnain (pegawai kerajaan di Jabatan Koperasi dan Perniagaan Kabupaten Aceh Tengah), dalam temu bual dengan penulis, 1 Ogos 2017.

Syaiful Arianto (pegawai di Syarikat PT. Sumatera Jaya Kopi Bahagian Pensijilan), dalam temubual dengan penulis, 2 Ogos 2017.



























